



LAPORAN TAHUNAN 2014

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan

LAPORAN TAHUNAN 2014

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan






JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

4 Latar Belakang

5 Visi, Misi, Objektif

6 Nilai Bersama, Etika Kerja

8 Piagam Pelanggan

9 Logo

10 Tagline

10 Lagu

12 Pengurusan Tertinggi JANM

18 Diari JANM

25 Kemajuan Pengurusan Perakaunan dan Kewangan

55 Kemajuan Pengurusan Organisasi

73 Kemajuan Pembangunan Sumber Manusia

99 Ke Arah Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan

109 Prestasi Kewangan

115 Prestasi Bahagian

175 Persatuan dan Kelab

LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:
1. Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
3. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
4. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
5. Bahagian Pengurusan Amanah Dan Sekuriti (BPAS)
6. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
7. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
8. Institut Perakaunan Negara (IPN)

Selaras dengan objektif JANM yang mengutamakan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif kepada pelanggan, JANM kini telah berkembang kepada 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

PENERAJU JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Sehingga kini, JANM telah diterajui oleh seramai 14 orang Akauntan Negara. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan.

Senarai nama Akauntan Negara dari 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

1.	G.G.T Browne	1946
2.	E.A.Joy	1947-1949 dan 1951 – 1952
3.	J.H.Newbigging	1953 – 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
4.	C.E. Gascoigne	1956 – 1957
5.	H.C. Roberts	1958 – 1962
6.	D. Mortimer	1964 – 1966
7.	YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 – 1989
8.	Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 – 1993
9.	YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 – 1999
10.	YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 – 2003
11.	YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 – 2005
12.	YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 – 2010
13.	YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 – 2014
14.	YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 – sekarang

Nota :
a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963
b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 - 1990

VISI

Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

MISI

Menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.

OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi Kerajaan.
- Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

NILAI BERSAMA

S

Mengutamakan Pelanggan
(Satisfying the Customers)

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P

Profesionalisme
(Professionalism)

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.



ETIKA KERJA

S

Mengutamakan pelanggan
(Satisfying the Customers)

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan stakeholder.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

P

Profesionalisme
(Professionalism)

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkahlaku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

EC

Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)*

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan *(sense of belonging)* untuk mencapai visi dan misi.

IA


Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)*

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

L

Kesetiaan *(Loyalty)*

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.



EC

Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)*

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturrahim.

IA

Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)*

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

L

Kesetiaan *(Loyalty)*

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama Jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

Peningkatan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan

- Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dengan tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum dalam tempoh 3 bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.
- Menyedia maklumat perakaunan bulanan untuk pengurusan tidak lewat dari 7 haribulan bulan berikutnya.
- Mengeluarkan laporan audit ke atas sistem terimaan dan bayaran dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari dari tarikh selesai pengauditan.

Peningkatan tahap penyampaian pengurusan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan

- Menyempurnakan bayaran dalam tempoh 4 hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap
- Memperakaunkan terimaan dalam tempoh 3 hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap
- Menyediakan sumber manusia perkhidmatan perakaunan yang mencukupi dan kompeten
- Memproses dan membayar permohonan bayaran balik Wang Tak Dituntut dalam tempoh 14 hari kalendar dari tarikh terima permohonan bagi data dalam Sistem G-UMIS.
- Memproses permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Meluluskan 80% permohonan khidmat nasihat sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh 2 bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Memberikan latihan yang sistematik dan berkualiti kepada anggota perkhidmatan awam.
- Memastikan setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem dibuat akuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem Helpdesk.
- Memuat naik maklumat ke dalam Sistem e-Penyata Gaji selewat-lewatnya pada tarikh gaji.

LOGO

Logo JANM telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Dr. Jamaludin bin Mohd Jarjis, Menteri Kewangan II ketika itu pada 20 Oktober 2003 bersempena dengan Majlis Perasmian Hari Kualiti JANM. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Samsudin Hitam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, ANM serta warga JANM. Logo ini dihasilkan dari gabungan warna merah, biru dan kuning. Berikut merupakan penerangan kepada logo tersebut:



Garisan Jalur Merah
Akauntabiliti dan singkatan bagi Akauntan iaitu huruf 'A'



Garisan Jalur Biru
Profesionalisme dan singkatan bagi Negara iaitu huruf 'N'

Garisan Jalur Kuning
Kualiti dan simbol tandatangan ANM



Gabungan Jalur Merah dan Biru
Singkatan bagi Malaysia atau huruf 'M'



Skrin Komputer
Mencerminkan simbol pengiraan atau penyelesaian sesuatu masalah

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline Excellent Accounting @ Your Service telah dibentuk semasa bengkel *"To Be Accounting Model"* yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@ mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.



LAGU

Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa

Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara

Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama

Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara

Lagu Ciptaan : En. Affendi bin Ramli



PENGURUSAN TERTINGGI JANM

PENGURUSAN TERTINGGI



Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia – sehingga 17 Disember 2014



Dato' Rosini binti Abd Samad
Timbalan Akauntan Negara (Korporat) – sehingga 22 Disember 2014



Dato' Hawazain binti Shaari
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)



Pn. Nik Hapsah binti Nik Hassan
Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)



En. Mohamad Azmi bin Ali
Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)



En. Dzulkifli bin Ahmad
Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) – sehingga 20 Oktober 2014



En. Baharud-din bin Ahmad
Pengarah Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS) – sehingga 1 Disember 2014



En. Saat bin Esa
Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)



Dato' Che Pee bin Samsudin
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)



En. Roslan bin A.Rahman
Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)



Pn. Devantri Kaur a/p Santa Singh
Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)



Pn. Rosmah binti Ismail
Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat dan izin-Nya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2014. Laporan Tahunan JANM Tahun 2014 ini diterbitkan bagi merakamkan aktiviti-aktiviti serta status pencapaian jabatan tahun 2014 sebagai salah satu medium perkongsian maklumat.

Perakaunan Kerajaan Persekutuan

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 telah sempurna ditandatangani oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, pada 25 Februari 2015 dan berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara bersama Kertas Kerja Sokongan pada 27 Februari 2015, lima (5) bulan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan oleh statut iaitu pada 31 Julai tahun berikutnya. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih pada setiap tahun berturut-turut sejak tahun 1997, dan Insya-Allah akan terus mengekalkannya untuk tahun 2014 dan tahun-tahun yang akan datang.

"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan" memperlihatkan peri pentingnya aspek inovasi dan integriti dalam membentuk jati diri warga ke arah perubahan lanskap baru perakaunan Kerajaan Persekutuan daripada perakaunan tunai ubahsuai kepada perakaunan akruan. Pelbagai aktiviti persediaan perakaunan akruan telah giat dilaksanakan seperti pengurusan perubahan, latihan serta pengumpulan data aset dan liabiliti. Untuk itu, kerjasama dan komitmen semua pihak merangkumi penjawat awam di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta warga JANM khususnya amatlah diperlukan sebagai nadi penggerak agar motivasi dan momentum pelaksanaan akruan dapat dikekalkan dan ditingkatkan dengan lebih baik.

Transformasi Perkhidmatan Awam

Bagi mendukung matlamat ini, jabatan turut mengambil langkah menyusun atur gred perjawatan untuk mengoptimumkan fungsi dan peranan perjawatan sedia ada melalui Program Transformasi JANM. Selain itu, aspek keupayaan dan perekayasaan turut dititikberatkan bagi menjayakan pelaksanaan perakaunan akruan kelak. Struktur

organisasi JANM turut dikejatkan selaras dengan objektif Program Transformasi Perkhidmatan Awam yang digariskan oleh kerajaan. Dalam situasi ini, kemahiran *multitasking* dilihat sebagai satu jalan penyelesaian agar tugasan tidak tergendala meskipun jumlah perjawatan telah berkurangan. Semoga dengan terlaksananya program transformasi ini, ia mampu melonjakkan kualiti penyampaian sistem perkhidmatan JANM dalam memenuhi ekspektasi *stakeholder* masa kini terutama dalam membantu *stakeholder* membuat keputusan. Ini selaras dengan hala tuju JANM untuk bergerak ke arah *decision support* dan secara tidak langsung dapat memenuhi aspirasi kerajaan untuk "Merakyatkan Perkhidmatan Awam".

Memperkasa Profesion Perakaunan

Kerajaan menyasarkan untuk meningkatkan jumlah akauntan kepada 60,000 orang menjelang tahun 2020 yang mana 30% daripadanya terdiri daripada akauntan profesional bumiputera. Sehubungan itu, perkhidmatan perakaunan JANM disaran untuk meningkatkan *self development* dan *self improvement* dengan menambah ilmu pengetahuan dalam semua bidang serta membudayakan amalan membaca. Penubuhan Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPN Centre for Professional Development) atau IPNCPD yang mula beroperasi awal tahun 2014 di Cyberjaya merupakan komitmen jelas JANM dalam memartabatkan profesion perakaunan sektor awam melalui penyelidikan dan pembangunan profesional. Usahasama strategik IPNCPD dengan badan-badan profesional antarabangsa seperti Association of Chartered Certified Accountants UK (ACCA), Chartered Institute of Management Accountants UK (CIMA), Certified Practising Accountants Australia (CPA Australia), Chartered Institute of Public Finance and Accountancy UK (CIPFA), Malaysian Institute of Accountants (MIA), Malaysian Institute of Certified Public Accountants (CPA Malaysia) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah strategi berkesan dalam melahirkan lebih ramai akauntan bertauliah yang berkebolehan untuk menyumbang kepada pembangunan dan amalan terbaik perakaunan sektor awam.

Dalam memartabatkan perakaunan sektor awam, nilai profesionalisme perlulah diimbangi dengan nilai integriti dan akauntabiliti yang merupakan asas kepada tadbir urus sesebuah organisasi yang baik. Sehubungan itu, saya yakin dan percaya jika lima (5) nilai bersama JANM iaitu SPECIAL *(Satisfying the customers, Professionalism, Esprit de Corp, Integrity and Accountability* dan *Loyalty)* dapat sama-sama dihayati, diterap dan disuburkan dalam melaksanakan tugas seharian, di samping berusaha gigih mencari idea baharu yang inovatif dan kreatif, Insya-Allah visi JANM untuk "Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam" akan tercapai.

Akhir bicara, kepada warga JANM yang telah bersara atau meninggalkan perkhidmatan awam dalam tahun 2014 terutama kepada mantan Akauntan Negara Malaysia dan mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat), saya mewakili warga JANM keseluruhannya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas iltizam dan khidmat bakti yang telah dicurahkan. Ucapan terima kasih jua diucapkan kepada semua pihak atas komitmen jitu melaksanakan peranan masing-masing bagi memacu kecemerlangan jabatan. Tingkatkan usaha dan kuatkan semangat dalam mengharungi apa-apa jua cabaran mendatang bagi meletakkan JANM di kemuncak kegemilangan.


Sekian, terima kasih.


"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"

DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
Akauntan Negara Malaysia

CARTA ORGANISASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2014




KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
DATO' SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)
DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI
BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI CAWANGAN (BPOPP)
(EN. MOHAMAD AZMI BIN ALI)
SEKSYEN PENGURUSAN
SEKSYEN PEMANTAUAN
PEJABAT PERAKAUNAN
BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (BA MOF)
(EN. ROSLAN BIN A. RAHMAN)
SEKSYEN PERUNDINGAN
SEKSYEN PEMANTAUAN
SEKSYEN PERAKAUNAN PENGURUSAN
SEKSYEN PERAKAUNAN KEWANGAN
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT & AGENSI (BPOPA)
(DATO' CHE PEE BIN SAMSUDIN)
SEKSYEN PERAKAUNAN PERSEKUTUAN
SEKSYEN PERAKAUNAN AMANAH
SEKSYEN PENGURUSAN DANA
SEKSYEN PENGURUSAN PERAKAUNAN PINJAMAN
BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)
(EN. DZULKIFLI BIN AHMAD)
SEKSYEN AUDIT KEWANGAN
SEKSYEN AUDIT PERBELANJAAN & PENGURUSAN
SEKSYEN AUDIT KAWALAN

DIARI

Penglibatan YBhg. Datuk Wan Selamah Binti Wan Sulaiman (Akauntan Negara Malaysia) Di Luar Negara Sepanjang Tahun 2014

Mesyuarat

1. **Mesyuarat IPSASB di Toronto, Canada**
   23 – 27 Jun 2014


2. **Mesyuarat IPSASB di Brussels, Belgium**
   15 - 19 September 2014

3. **Mesyuarat IPSASB di Toronto, Canada**
   8 - 12 Disember 2014

Persidangan

1. **Persidangan Urban Transportation di Sienna, Italy**
   22 - 26 September 2014

2. **Censoft Global Conference di Ho Chi Minh, Vietnam**
   17 - 19 November 2014




AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA


DIARI



- **14 Januari 2014**
  Sambutan Maulidur Rasul 1435H



- **27 Februari 2014**
  Majlis Tandatangan dan Penyerahan PKKP 2013



- **8 Mei 2014**
  Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) JANM Tahun 2013



- **21 Mei 2014**
  Pesta Sukan Perbendaharaan



- **12 Ogos 2014**
  Lawatan Timbalan Menteri Kewangan II,
  YB Datuk Chua Tee Yong



- **15 Ogos 2014**
  Lawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
  YBhg. Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah



- **21 Ogos 2014**
  Ceramah Inovasi dari Malaysian Medical Relief Society (MERCY)



- **29 Ogos 2014**
  Pertandingan Pidato Inovasi & Integriti JANM 2014



- **31 Ogos 2014**
  Perarakan & Perbarisan Hari Kemerdekaan ke-57



- **9 & 10 September 2014**
  Majlis Pelancaran GST



- **17 Oktober 2014**
  Pesta Sukan Zon



- **4 & 5 November 2014**
  Persidangan MIA



- **2 & 3 Disember 2014**
  Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan (MPKA) di Pulau Pinang



- **18 Disember 2014**
  Majlis Persaraan Tahun 2014 JANM, "Budimu Setulus Hati, Selaut Jasa Kami Hargai"



- **17 Disember 2014**
  Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas YBhg. Datuk ANM



- **22 Disember 2014**
  Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas YBhg. Dato' TAN (K)



KEMAJUAN PENGURUSAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN & PERAKAUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (GFMAS)

PENGURUSAN ADUAN


Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan supaya setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem diakuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem Helpdesk. Sepanjang tahun 2014, sejumlah 2403 aduan berkaitan sistem GFMAS telah diterima di dalam SolMan (*Solution Manager*) oleh Unit Helpdesk BPTM. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 2403 aduan (100%) telah berjaya diakuterima dalam tempoh 15 minit.

Aduan-aduan SolMan yang diterima dibahagikan kepada dua kategori iaitu aduan aplikasi dan aduan teknikal. Aduan aplikasi merangkumi semua masalah berkaitan aplikasi GFMAS yang terdiri daripada Modul *Standard* iaitu Modul GL, FM, CO, AP, AR, MM, CM, ABC dan HR-PAY serta Modul Customized iaitu GALMoS, GLoMIS, GUMIS, GSMIS dan Treasury. Aplikasi GFMAS juga termasuk ALE, BW, Authorizations dan WebMethods. Aduan teknikal pula merangkumi masalah Hardware, Network, Security, Data Center, Isign, Backup, Server, BASIS dan Emel.


Pecahan terperinci aduan yang diterima di dalam SolMan berdasarkan bulan dan kategori aduan boleh dirujuk di Jadual 1. Jumlah aduan bulanan ditunjukkan di Carta 1, manakala Carta 2 pula menunjukkan perbandingan di antara aduan aplikasi dan aduan teknikal.

Jadual 1 : **Aduan Yang Diterima Melalui SolMan Mengikut Bulan Dan Kategori Bagi Tahun 2014**

Bulan	Jumlah Aduan	Aplikasi	Teknikal
Jan	407	374	33
Feb	247	215	32
Ma’	221	203	18
‘			
‘c			
Apr	189	181	8
Mei	138	121	17
Jun	151	132	19
Jul	194	171	23
Ogos	163	128	35



Carta 1: **Jumlah Aduan SolMan Berdasarkan Bulan Terimaan Bagi Tahun 2014**



Carta 2 : **Aduan SolMan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2014**

Sept	166	133	33
Okt	142	115	27
Nov	160	133	27
Dis	225	201	24
Jumlah	**2,403**	**2,107**	**296**

BPTM telah menetapkan setiap aduan diselesaikan mengikut jenis *priority* aduan tersebut. Aduan dengan *priority Very High* akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam; manakala aduan yang dikenalpasti dengan *priority High* akan diselesaikan dalam tempoh 2 hari bekerja. Bagi masalah yang dikategorikan dengan *priority Medium*, akan diselesaikan dalam tempoh 5 hari bekerja dan aduan dengan *priority*

Low akan diselesaikan dalam tempoh 7 hari bekerja. Namun begitu, tempoh masa penyelesaian akan bertambah sekiranya aduan tersebut memerlukan kerjasama/penyelesaian daripada pihak ketiga.

Sepanjang tahun 2014, daripada 2403 aduan yang diterima dalam tahun semasa dan 64 aduan yang dibawa dari tahun-tahun sebelumnya, BPTM telah berjaya menyelesaikan sebanyak 2416 aduan, manakala baki 51 aduan dibawa ke tahun hadapan. Maklumat terperinci ditunjukkan di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: **Jumlah Aduan Diterima Dan Diselesaikan Mengikut Tahun**

Tahun	Aduan Dibawa Dari Tahun Lepas	Aduan Diterima Dalam Tahun Semasa	Aduan Diselesaikan Dalam Tahun Semasa	Aduan Dibawa Ke Tahun Hadapan
2011	438	5356	5601	193
2012	193	4010	4080	123
2013	123	3016	3075	64
2014	64	2403	2416	51

TAKLIMAT AKTIVITI HUJUNG TAHUN DAN PENUTUPAN AKAUN TAHUNAN


Pada setiap hujung tahun, BPTM akan mengadakan Taklimat Aktiviti Hujung Tahun dan Penutupan Akaun Tahunan. Taklimat ini dianjurkan untuk memberi panduan kepada pengguna GFMAS dalam menjalankan aktiviti hujung tahun dan penutupan akaun tahun semasa. Aktiviti ini penting bagi membantu pengguna melancarkan operasi berkaitan aktiviti hujung tahun dan penutupan akaun tahunan.

Taklimat Aktiviti Hujung Tahun dan Penutupan Akaun Tahun 2014 ini diadakan dengan jayanya pada 9 Disember 2014. Taklimat diadakan di Dewan Serbaguna JANM dan seramai 128 peserta telah menghadiri taklimat ini. Peserta-peserta yang hadir mewakili Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA), 25 JANM Negeri/Cawangan dan 11 Jabatan Mengakaun Sendiri. Dua orang tenaga pengajar yang berpengalaman telah dilantik bagi memberi taklimat secara berkesan. Setiap tenaga pengajar turut dibantu oleh dua orang fasilitator semasa taklimat diadakan.

Soal selidik turut dijalankan pada setiap sesi Taklimat Aktiviti Hujung Tahun dan Penutupan Akaun Tahunan. Maklum balas yang diterima akan dianalisa dan dibentangkan dalam Mesyuarat *Post-Mortem* Taklimat Aktiviti Hujung Tahun dan Penutupan Akaun Tahunan. Tujuan mesyuarat tersebut diadakan adalah untuk mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan Taklimat Aktiviti Hujung Tahun dan Penutupan Akaun Tahunan pada masa-masa akan datang.

STATUS PELAKSANAAN SISTEM PERANCANGAN DAN KAWALAN BELANJAWAN SECARA ELEKTRONIK (eSPKB)


Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 4,678 (98%) daripada 4,759 PTJ yang disasar dalam tahun 2014 telah melaksanakan eSPKB. Daripada 36 Pejabat Perakaunan (PP), sebanyak 26 PP telah melaksanakan 100% eSPKB daripada jumlah PTJ yang disenaraikan. Baki 81 PTJ yang masih belum melaksanakan eSPKB merupakan PTJ Negeri dan PTJ Manual.



Carta 3 : **Status Pelaksanaan eSPKB di Pejabat Perakaunan Bagi Tahun 2014**

STATUS PELAKSANAAN eTERIMAAN

Bagi eTerimaan pula sebanyak 3,776 (99%) daripada 3,829 PTJ/Pusat Terimaan(PT) telah melaksanakan eTerimaan. Pelaksanaan eTerimaan akan diteruskan sehingga keseluruhan PTJ/PT melaksanakan eTerimaan. Status pelaksanaan eTerimaan adalah seperti di Carta 4.



Carta 4 : **Status Pelaksanaan eTerimaan Pada Tahun 2014**

eMAKLUM

Laman web eMaklum merupakan aplikasi web yang membolehkan pengguna membuat pertanyaan status bayaran EFT secara online di http://emaklumweb.anm.gov.my. Kemudahan status bayaran ini hanya melaporkan bayaran yang telah disempurnakan bagi tempoh enam bulan yang lepas sahaja. Statistik penghantaran notifikasi pembayaran EFT melalui SMS bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : **Statistik Penghantaran Notifikasi Pembayaran EFT Melalui SMS Bagi Tahun 2014**

Bulan	Penghantaran SMS	
	JANM ke DAPAT	DAPAT ke TELCO
Januari	105,153	97692
Februari	940,905	294,351
Mac	471,191	456,234
April	523,097	485,701
Mei	544,312	517,691
Jun	490,364	462,959
Julai	636,926	598,230
Ogos	425,276	400,758
September	515,542	485,126
Oktober	583,736	548,600
November	695,231	710,578
Disember	720,169	215,970
Jumlah Keseluruhan	**6,651,902**	**5,273,890**

Pendaftaran dengan eMaklum hanya terbuka untuk syarikat/organisasi sahaja. Antara nilai tambah yang diberikan kepada pengguna berdaftar adalah membenarkan kemasukan melalui nombor akaun bank yang unik dan lebih tepat. Pengguna berdaftar juga diberi kata laluan bagi memastikan capaian terhad ke maklumat terperinci status bayaran. Maklumat pembayaran boleh dimuat turun dalam bentuk PDF untuk kegunaan syarikat. Laporan ringkasan permohonan bulanan pengguna berdaftar eMaklum sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : **Laporan Ringkasan Permohonan Bulanan Pengguna Berdaftar eMaklum Sehingga 31 Disember 2014**

Bil.	Bulan	Bil. Permohonan Diterima	Bil. Permohonan Diluluskan	Bil. Permohonan Ditolak
1.	Januari	222	143	79
2.	Februari	186	127	59
3.	Mac	181	132	49
4.	April	203	154	49
5.	Mei	218	183	35
6.	Jun	209	157	52
7.	Julai	218	162	56
8.	Ogos	177	136	41
9.	September	202	171	31
10.	Oktober	210	183	27
11.	November	222	198	24
12.	Disember	222	192	30
Jumlah Keseluruhan		**2,470**	**1,938**	**532**

Bagi tahun 2014, capaian pengguna adalah sebanyak 2,835,004.

Nama Perkhidmatan (seperti yang telah dilaporkan kepada MAMPU)	Tarikh Mula Menggunakan MyID	Bilangan Transaksi												
		2014												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
Jumlah transaksi pada 1hb		0	162,044	366,345	516,930	744,332	967,273	1210,430	1497,160	1,722,446	1,982,961	2,278,584	2,571,102	2,835,004
Jumlah transaksi bulanan	Julai 2010	162,044	204,301	150,585	227,402	222,941	243,157	286,730	225,286	260,515	295,623	292,518	263,902	

SISTEM ePENYATA GAJI & eLAPORAN

Sepanjang tahun 2014, bilangan pengguna yang berjaya daftar masuk *(login)* ke dalam Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan adalah sebanyak 18,532,242. Bilangan ini terdiri daripada pengguna individu yang mendapatkan penyata gaji bulanan sepanjang tahun 2014. Bilangan ini juga termasuk pengguna individu yang mewakili Pusat Pembayar Gaji dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam mendapatkan eLaporan daripada sistem. Pecahan maklumat bilangan pengguna yang mengakses sistem ePenyata Gaji dan eLaporan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Pengguna Yang Akses
Januari	1,694,249
Februari	1,386,516
Mac	1,346,827
April	1,689,076
Mei	1,793,661
Jun	1,311,538
Julai	2,094,036
Ogos	1,350,096
September	1,435,337
Oktober	1,678,194
November	1,237,677
Disember	1,515,035
Jumlah	**18,532,242**

SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

KURSUS *TRAIN THE TRAINERS (TTT) DATA COLLECTION RUN I* BAGI KERAJAAN NEGERI

Selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan di Kerajaan Negeri pada tahun 2016, Unit 1SPEKS, Seksyen Khidmat Perunding (SKP) telah menganjurkan kursus *Train The Trainers (TTT) Data Collection Run I* kepada Kerajaan Negeri. Objektif kursus ini diadakan adalah seperti berikut:

- Memberi penerangan mengenai Status Projek dan Strategi Pengumpulan Data 1SPEKS;
- Memberi penerangan kepada *Trainer* mengenai kriteria pengiktirafan aset di bawah MPSAS/ IPSAS;
- Memberi penerangan kepada *Trainer* mengenai pengiktirafan, pengukuran dan pengumpulan data ke atas aset bagi Tanah, Bangunan, Loji dan Infrastruktur serta Aset Dalam Pembinaan; dan
- Memberi penerangan kepada peserta mengenai sistem pelaporan dan mekanisme pemantauan yang diperlukan semasa pengumpulan data.

Kursus *TTT* ini telah selesai dijalankan di sebelas buah Kerajaan Negeri seperti berikut:

- Negeri pilot iaitu Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor telah diadakan pada 19 hingga 21 Februari 2014 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM.
- Negeri bukan pilot bagi Zon Utara (Kedah, Pulau Pinang & Perlis) & Melaka telah diadakan pada 14 dan 15 April 2014 bertempat di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.
- Negeri bukan pilot bagi Zon Timur (Kelantan, Terengganu & Pahang) telah diadakan pada 21 dan 22 April 2014 bertempat di Dewan Syarahan Wisma Darul Iman, Terengganu.

Kehadiran peserta bagi kursus tersebut amatlah menggalakkan dan peserta adalah terdiri daripada PTJ seperti Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Pejabat Perbendaharaan Negeri.



Kursus yang diadakan di Ibu Pejabat JANM Putrajaya



Kursus yang diadakan di Pulau Pinang



Kursus yang diadakan di Terengganu

LAB BLUEPRINT SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (1SPEKS)

Siri	Tarikh	Tempat	Modul Perbincangan	Peserta
1	24 hingga 27 Jun 2014	Swiss-Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur	1. *Security & Administrator Module.* 2. *Budget Module.* 3. *Procurement Module.* 4. *Account Payable Module.* 5. *Cash Management & Bank.* 6. *Account Receivable Module.* 7. *General Ledger Module.*	Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan wakil daripada Bahagian-bahagian di JANM termasuk SKP
2	20 hingga 23 Jul 2014	Best Western Premier Dua Sentral, Kuala Lumpur	1. *1SPEKS Framework for Administration and Management (SAM) Module.* 2. *Account Receivable Module.* 3. *Cash Management Module.* 4. *Contract Management Module.*	Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan wakil daripada Bahagian-bahagian di JANM termasuk SKP.
3	18 hingga 21 Ogos 2014	Grand Season Hotel, Kuala Lumpur	1. *Security & Administrator Module.* 2. *General Ledger Module* 3. *Loans To & Loans From Module.* 4. *Staff Advanced & Claims Module.* 5. *Activity Based Costing Module.* 6. *Investment Module.*	Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan Bahagian-bahagian di JANM termasuk SKP.
4	8 hingga 11 Sept 2014	Armada Hotel, Kuala Lumpur	1. *Security & Administrator Module.* 2. *General Ledger Module.* 3. *Loans To & Loans From Module.* 4. *Staff Advanced & Claims Module.* 5. *Staff Loans Module.* 6. *Activity Based Costing Module.* 7. *Investment Module.*	Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan wakil daripada Bahagian-bahagian di JANM termasuk SKP

TAKLIMAT IPSAS

Taklimat IPSAS telah dijalankan pada 26 November 2014 bertempat di Concorde Hotel Shah Alam, Selangor. Taklimat ini telah dihadiri oleh semua wakil Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan wakil daripada SKP. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Muazzam bin Mohamed, konsultan daripada KPMG.

IPSAS yang terlibat adalah seperti berikut:

1. IPSAS 6 – *Consolidated Financial Statement and Accounting for Control Entitites.*
2. IPSAS 7 – *Accounting for Investment in Associates.*
3. IPSAS 8 – *Financial Reporting of Interest in Joint Venture.*
4. IPSAS 14 – *Event After the Reporting Date.*
5. IPSAS 18 – *Segment reporting*.
6. IPSAS 20 – *Related Party Disclosure.*
7. IPSAS 22 – *Disclosure of Financial Information About the General Government Sector.*

TRAIN THE TRAINERS (TTT) DATA COLLECTION RUN II

TTT Data Collection Run II pula telah dijalankan pada 27 November 2014 bertempat di Concorde Hotel Shah Alam, Selangor.Taklimat ini telah dihadiri oleh semua wakil Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Bendahari Negeri, Penolong Bendahari, Pegawai Teknologi Maklumat dan wakil daripada SKP. Taklimat telah disampaikan oleh konsultan yang dilantik bagi Projek 1SPEKS iaitu KPMG.

Kerajaan Negeri diberi penerangan dan pengenalan serta membincangkan strategi pengumpulan data bagi item Akaun Belum Terima, Aset Tak Ketara (*Intengible Asset*), Akaun Belum Bayar, Pencen, Pelaburan (*Investment*), Pinjaman (*Borrowing*), Peralatan, Peruntukan (*Provision*), Inventori, Agrikultur, Akaun Amanah Awam dan Kerajaan, dan Aset/Liabiliti Luar Jangka (*Contingent Asset / Liability*).



Antara peserta yang menyertai taklimat tersebut

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ACTIVITY BASED COSTING (ABC) JANM BILANGAN 4 TAHUN 2014 DAN SEMAKAN SEMULA OUTPUT ABC

Seksyen Khidmat Perunding (SKP), JANM telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Activity Based Costing* (ABC) JANM Bilangan 4 Tahun 2014 dan Semakan Semula Output ABC di Parkcity Everly Hotel, Miri, Sarawak pada 7 hingga 9 Disember 2014.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 55 orang pegawai JANM yang terdiri daripada Pengarah Bahagian, pegawai kanan Bahagian dan Pengarah JANM Negeri dan Cawangan.

Objektif utama mesyuarat adalah seperti berikut:

- Membentangkan dan menganalisa laporan bulanan suku tahun Output Utama JANM dan output ABC bagi setiap JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan; dan
- Menilai prestasi bulanan dan suku tahunan setiap JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan berdasarkan kepada laporan sistem pengkosan ABC GFMAS.

Objektif utama Mesyuarat Semakan Semula Output ABC JANM adalah seperti berikut:

- JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan menyediakan Output ABC yang baru mengikut keperluan sistem 1GFMAS; dan
- Menentukan Output Utama JANM dengan berdasarkan kepada Output ABC JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan.





Peserta Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Activity Based Costing* (ABC) JANM Bilangan 4 Tahun 2014 dan Semakan Semula Output ABC

TAKLIMAT *ACTIVITY BASED COSTING (ABC)* KEPADA JANM SELANGOR

SKP juga telah mengadakan taklimat penerangan mengenai proses *Activity Based Costing (ABC)* kepada JANM Selangor di Bilik Latihan SKP pada 6 Mei 2014. Objektif taklimat ini adalah untuk memberi penjelasan dan penerangan berkaitan dengan proses ABC.

Pengenalan Sistem *Activity Based Costing (ABC)*

- Perbandingan Sistem Perakaunan Mikro (SPM) dan *Activity Based Costing (ABC)*
- Peranan Pegawai CPP2 dan Agihan masa kerja
- Peranan Pegawai Memproses ABC
- Laporan ABC

Peranan Pegawai CPP2 (Pembetulan Agihan Masa Kerja)

- Agihan Masa Untuk Keseluruhan Aktiviti [CYCLE 1]
- Agihan Masa Pengurusan Ke Output Utama [CYCLE 3]

Peranan Pegawai Proses ABC

- Penyata Perbelanjaan [S_ALR_87013611]
- Kunci Masuk *Statistical Key Figures* [KB31N]
- Agihan Kos Objek Sebagai Kepada Aktiviti [CPP5-CYCLE 1]
- Laporan Pengurusan [CPB1]
- Agihan Kos Aktiviti Kepada Output [CPP5-CYCLE 2]
- Agihan Kos Pengurusan Kepada Aktiviti Bukan Pengurusan [CPP5-CYCLE 3]
- Agihan Kos Aktiviti Bukan Pengurusan Kepada Output Cawangan/Bahagian [CPP5-CYCLE 4]
- Laporan Ringkasan Kos Output [ZRAB004]
- Agihan Kos Output Bahagian/Cawangan Kepada HO [CPP5-CYCLE 5]

Tindakan Yang Diambil Sekiranya Berlaku Kesalahan Pada Laporan ZRAB004.

- *Reverse cycle*
- *Reverse Statistical Key Figures (SKF)*



Taklimat Activity Based Costing (ABC) kepada JANM Selangor

PERBINCANGAN SEMAKAN OUTPUT BARU INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA DAN TAKLIMAT *ACTIVITY BASED COSTING (ABC)*

SKP turut mengadakan sesi perbincangan untuk cadangan output baru ABC Institut Perakaunan Negara (IPN) dan mengadakan taklimat penerangan mengenai proses *Activity Based Costing (ABC)* kepada pegawai-pegawai IPN di Bilik Latihan SKP pada 17 Jun 2014.

Perbincangan Output Baru ABC IPN

- Semakan dan pindaan output ABC IPN yang selaras dengan output *Outcome Based Budgeting (OBB)* IPN
- Pengesahan output baru ABC digunakan mulai bulan Julai 2014

Pengenalan Sistem Activity Based Costing (ABC)

- Perbandingan Sistem Perakaunan Mikro (SPM) dan *Activity Based Costing (ABC)*
- Peranan Pegawai CPP2 dan Agihan masa kerja
- Peranan Pegawai Memproses ABC
- Laporan ABC

Peranan Pegawai CPP2 (Pembetulan Agihan Masa Kerja)


- Agihan Masa Untuk Keseluruhan Aktiviti [CYCLE 1]

Peranan Pegawai Proses ABC

- Penyata Perbelanjaan [S_ALR_87013611]
- Kunci Masuk Statistical Key Figures [KB31N]
- Agihan Kos Objek Sebagai Kepada Aktiviti [CPP5-CYCLE 1]
- Agihan Kos Aktiviti Kepada Output [CPP5-CYCLE 2]
- Laporan Ringkasan Kos Output [ZRAB004]
- Agihan Kos Output Bahagian/Cawangan Kepada HO [CPP5-CYCLE 5]

Tindakan Yang Diambil Sekiranya Berlaku Kesalahan Pada Laporan ZRAB004

- *Reverse cycle*
- *Reverse Statistical Key Figures (SKF)*



Sebahagian peserta IPN yang mengikuti Taklimat *Activity Based Costing (ABC)*

PEMANTAUAN SISTEM ACTIVITY BASED COSTING (ABC)

Sistem ABC telah mula digunakan pada Januari 2012. Pemantauan ini bertujuan untuk menyemak ketepatan data yang dikumpul setiap bulan dan dikunci masuk ke dalam sistem dengan betul, memastikan data dan laporan yang dikeluarkan adalah tepat dan memastikan kesemua dokumen disimpan dan direkod dengan teratur. Sepanjang tahun 2014, pemantauan kepada sistem ini telah dijalankn di beberapa JANM Negeri dan Cawangan. Antaranya adalah seperti berikut:

Bil.	Tempat	Tarikh
1	JANM Negeri Selangor	5 Mac 2014
2	JANM Negeri Pulau Pinang	29 Apr 2014
3.	JANM Negeri Johor	4 Sept 2014
4.	JANM Negeri Terengganu	28 Okt 2014
5.	JANM Cawangan Tawau	13 Nov 2014
6.	JANM Cawangan Miri	10 Dis 2014

Taklimat

- Penerangan berkenaan modul, konsep, perbandingan antara SPM, model ABC dan output utama JANM.
- Pengiraan agihan masa kerja.
- Jadual dan graf perbandingan kos per unit.
- Proses ABC GFMAS dari cycle 1 hingga cycle 5.
- Penerangan kamus ABC.
- Soal jawab berkaitan ABC.

Aspek yang dipantau :

- Penyemakan ke atas data yang dikunci masuk ke dalam sistem dan data di dalam laporan ZRAB004 yang dikeluarkan.
- Penyemakan perekodan data.
- Masalah yang dihadapi untuk mendapatkan data setiap bulan.

Sumber dokumen yang disemak :

- Laporan ZRAB004
- Fail ABC bagi JANM yang berkenaan
- Laporan pengumpulan data dan daftar output dari setiap unit.

SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI (SPLN)

PENGENALAN

Sistem Perakuanan Luar Negeri (SPLN) merupakan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan elektronik yang dibangunkan oleh JANM untuk kegunaan agensi kerajaan di luar negara.

OBJEKTIF UTAMA

Objektif utama SPLN adalah mengakaunkan transaksi di luar negara secara *online* dan harian dan meminimakan dana kerajaan di luar negara.

Pelaksanaan SPLN diterajui oleh Kementerian Luar Negeri yang berfungsi sebagai Pejabat Perakaunan manakala semua agensi Kerajaan di luar negara yang merupakan Pemegang Panjar Tiga Per Duabelas bertindak sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). Langkah ini adalah sejajar dengan ketetapan di dalam Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2009, Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM). Di bawah SPKM, semua aspek pengurusan perwakilan dan agensi Kerajaan di luar negara, dipusatkan di bawah pengurusan seorang Ketua Perwakilan (Kementerian Luar Negeri).

155 PTJ di bawah lapan kementerian terlibat dengan SPLN dan senarai penuh Kementerian/Jabatan tersebut serta pecahan jumlah PTJ mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

Rajah 1 : **Statistik PTJ Mengikut Kementerian/Jabatan**


Logo	Kementerian/Jabatan	Bil. PTJ
	Kementerian Luar Negeri (KLN)	109
	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)	26
	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)	7
	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	6
	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	3
	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	2
	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)	1
	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	1
	Jumlah	**155**


STATISTIK *ROLL OUT* SPLN


	Jumlah Keseluruhan	Pelaksanaan 2013	Pelaksanaan 2014 (sehingga Disember 2014)	Jumlah *Roll Out* (2013-2014)	*Roll Out* Seterusnya
BIL. PTJ	155	90	55	145	10
BIL. LOKASI	107	53	45	98	9
BIL. NEGARA	84	36	41	75	9

* Pelaksanaan di India dan Indonesia dalam 2 tahun tetapi berlainan lokasi.

Rajah 2 : **Statistik Pelaksanaan SPLN**







Bil	Lokasi/Negara	Catatan
1	Baghdad, Iraq	Faktor Keselamatan (Peperangan) Penutupan Panjar Kekal
2	Beirut, Lubnan	Faktor Keselamatan (Peperangan) Penutupan Panjar Sementara
3	Damascus, Syria	Faktor Keselamatan (Peperangan) Penutupan Panjar Sementara
4	Sanaa', Yamen	Faktor Keselamatan (Peperangan)
5	Tripoli, Libya	Faktor Keselamatan (Peperangan)
6	Accra, Ghana	Penularan Wabak Ebola
7	Abuja Nigeria	Penularan Wabak Ebola
8	Pyongyang, Korea Utara	Masalah Internet/Rangkaian
9	Yangon, Myanmar	Masalah Internet/Rangkaian

Rajah 3 : **Statistik Pelaksanaan SPLN Dan Negara Yang Belum Laksana SPLN**



Rajah 4 : **Pelaksanaan SPLN Mengikut Tahun Dan Negara Terlibat**

TRAINING OF TRAINERS SPLN

Sesi *Training Of Trainers (TOT)* telah diadakan di Bilik Latihan, Seksyen Khidmat Perunding. Kursus ini memberi pendedahan tentang operasi SPLN kepada *trainers* baru dari Kementerian/Jabatan terlibat yang akan memberi latihan dan membuat *hands-on* di Pusat Tanggungjawab di luar negara.

Sepanjang bulan Februari hingga Mei 2014, terdapat tiga sesi *Training Of Trainers (TOT)* telah dilaksanakan. Maklumat berhubung sesi TOT ini adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Lokasi	Peserta
1.	24 hingga 27 Feb 2014	SKP, BPPP, JANM	SKP, KLN, MINDEF, KPM & BANK ISLAM
2.	31 Mac hingga 4 Apr 2014	SKP, BPPP, JANM	KLN, MITI, KASTAM, MINDEF, JIM, MOA, KASTAM & BPOPA
3.	7 hingga 9 Mei 2014	SKP, BPPP, JANM	SKP, KLN & MINDEF





Sebahagian peserta *Training Of Trainers (TOT)*

KURSUS SPLN KEPADA PEGAWAI DARIPADA PELBAGAI KEMENTERIAN

Selain menganjurkan TOT kepada *trainers*, Unit Projek Khas, SKP turut dijemput untuk mengendalikan kursus SPLN kepada pegawai dari Kementerian/Jabatan seperti berikut:

Tarikh	Peserta
10 hingga 13 Mac 2014	Kursus SPLN Siri 1/2014 diadakan di Bilik Latihan Novell Akademi Audit Negara Bandar Enstek, Nilai
24 hingga 27 Mac 2014	Kursus Staf Pembantu (SP), Siri 5/2014 Kementerian Pertahanan Malaysia
23 hingga 26 Jun 2014	Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA), Kementerian Pertahanan Malaysia
21 dan 22 Julai 2014	Bahagian Staff Perisikan dan Pertahanan (BSPP), Kementerian Pertahanan Malaysia
17 hingga 19 Sept 2014	Kursus SPLN Siri 2/2014 diadakan di Bilik Latihan Seksyen Khidmat Perunding (SKP)
27 hingga 30 Okt 2014	Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
1 hingga 5 Dis 2014	Bahagian Staff Perisikan dan Pertahanan (BSPP), Kementerian Pertahanan Malaysia







Penglibatan pegawai dalam kursus SPLN

ROLL OUT SPLN

SPLN telah melaksanakan roll-out bermula Mac hingga November 2014 dan melibatkan 45 lokasi, 55 PTJ dan 328 peserta seperti berikut:

Tarikh	Lokasi	Bilangan peserta
17 hingga 21 Mac 2014	Pretoria, Afrika Selatan	10
	Chennai, India	13
	Nairobi, Kenya	6
23 hingga 27 Mac 2014	Amman, Jordan	16
24 hingga 28 Mac 2014	Windhoek, Namibia	4
	Mumbai, India	8
	Harare, Zimbabwe	5
30 Mac hingga 3 Apr 2014	Kuwait, Kuwait	7
7 hingga 11 Apr 2014	Sarajevo, Bosnia	5
	Vienna, Austria	10

Tarikh	Lokasi	Bilangan peserta
14 hingga 18 Apr 2014	Budapest, Hungary	5
	Hanoi, Vietnam	10
	Havana, Cuba	5
	Zagreb, Croatia	5
21 hingga 25 Apr 2014	Ho Chi Minh, Vietnam	6
	Mexico City, Mexico	5
19 hingga 23 Mei 2014	Manila, Filipina	10
	Tashkent, Uzbekistan	7
	Karachi, Pakistan	6
26 hingga 30 Mei 2014	Davao City, Filipina	6
	Astana, Kazakhtan	6
	Islamabad, Pakistan	12
	Pontianak, Indonesia	14
2 hingga 6 Jun 2014	Brunei, Brunei	14
8 hingga 12 Jun 2014	Dhaka, Bangladesh	8
9 hingga 13 Jun 2014	Dili, Timor Leste	5
16 hingga 19 Jun 2014	Ashgabat, Turkmenistan	6
	Port Moresby, Papua New Guinea	7
	Kathmandu, Nepal	6
	Conakry, Guinea	3
23 hingga 27 Jun 2014	Baku, Azarbaijan	4
	Dakar, Senegal	5
	Ankara, Turki	10
18 hingga 22 Ogos 2014	Buenos Aires, Argentina	7
25 hingga 29 Ogos 2014	Santiago, Chile	5
8 hingga 12 Sept 2014	Lima, Peru	4
14 hingga 18 Sept 2014	Tehran, Iran	9
15 hingga 19 Sept 2014	Brasilia, Brazil	5
22 hingga 26 Sept 2014	Caracas, Venezuela	5
12 hingga 16 Okt 2014	Khartoum, Sudan	8
	Manama, Bahrain	5
19 hingga 23 Okt 2014	Cairo, Egypt	11
	Muscat, Oman	6
3 hingga 7 Nov 2014	Bucharest, Romania	7
10 hingga 14 Nov 2014	Belgrade, Serbia	7
Jumlah Peserta *Roll Out* SPLN		**328**

Berikut adalah sebahagian gambar *roll-out* semasa sesi latihan/*hands-on* SPLN di PTJ luar negeri.



Pretoria, Afrika Selatan



Windhoek, Namibia



Mumbai, India




Amman, Jordan



Kuwait, Kuwait



Davao City, Filipina



Islamabad, Pakistan



Tashkent, Uzbekistan



Pontianak, Indonesia



Dhaka, Bangladesh



Dili, Timor Leste



Astana, Kazakhtan



Brunei, Brunei



Port Moresby, Papua New Guinea



Ho Chi Minh, Vietnam



Brasilia, Brazil



Manama, Bahrain



Caracas, Venezuela



Muscat, Oman



Lima, Peru



Tehran, Iran

LAWATAN SUSULAN SPLN

SPLN telah melaksanakan lawatan susulan pada bulan Disember 2014 yang melibatkan 4 lokasi seperti berikut:

Tarikh	Lokasi	Catatan
8 hingga 10 Dis 2014	**KJM Medan**, Indonesia	Pertukaran pegawai
10 hingda 12 Dis 2014	**Bangunan Malaysia Hong Kong,** China	Mempunyai transaksi yang unik dan memerlukan manual berasingan
10 hingga 12 Dis 2014	**KBM Beijing**, China **PPP Beijing**, China	Mengenalpasti masalah (rangkaian) & memberi latihan
17 hingga 19 Dis 2014	**KBM Davao City,** Filipina	Pertukaran pegawai

Tujuan lawatan susulan ini adalah untuk membantu PTJ mengguna semula SPLN dan membina keyakinan pegawai terlibat kerana terdapat pegawai yang baharu berpindah masuk ke PTJ tersebut. Oleh itu, seramai dua orang pegawai SKP telah dihantar ke setiap lokasi dan antara tugas pegawai adalah seperti berikut:

a) Melakukan kunjungan hormat terhadap Ketua Perwakilan;
b) Mengenalpasti masalah PTJ tidak menggunakan SPLN atau mencari punca kenapa PTJ sering berhadapan masalah SPLN dan seterusnya mencari jalan penyelesaian;
c) Sesi latih tubi dan hands-on SPLN kepada pengguna;
d) Membuat pengujian rangkaian di lokasi; dan
e) Membantu PTJ menyelesaikan masalah operasi dan teknikal yang dihadapi pengguna semasa sesi hands-on.

Secara keseluruhannya lawatan susulan ke 4 lokasi ini adalah berjaya kerana PTJ Medan telah menggunakan semula SPLN manakala 3 PTJ di Beijing dan Hong Kong bersetuju untuk mengguna semula/mengguna SPLN bermula Januari 2015. Selain membantu PTJ bermasalah di atas, pasukan ini juga telah membantu PTJ lain yang turut berada di lokasi tersebut dan telah mengguna pakai SPLN sejak *roll-out*. Pelaksanaan SPLN Akruan (1SPLN) juga telah turut diwar-warkan kepada pengguna SPLN di sana.

Lawatan susulan ini amat penting bagi memastikan legasi pelaksanaan SPLN diteruskan dan KPI yang telah ditetapkan tercapai. Input, isu, maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang diterima dibincangkan bersama dengan semua pihak yang terlibat bagi mencari jalan penyelesaian terbaik dan seterusnya dapat melancarkan pembangunan dan pelaksanaan 1SPLN kelak.

Berikut adalah sebahagian gambar semasa program lawatan susulan SPLN di PTJ luar negeri.



Medan, Indonesia



Beijing, China



Hong Kong, China



Davao City, Filipina

PROGRAM PERKONGSIAN PINTAR SPLN

Program Perkongsian Pintar SPLN kepada Pegawai Seksyen Khidmat Perunding telah diadakan di Bilik Latihan,Seksyen Khidmat Perunding pada 10 November 2014. Program ini dapat memberikan pendedahan kepada pegawai untuk memahami dan mendalami proses kerja Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) yang telah dibangunkan oleh JANM.





Pegawai SKP yang mengikuti Program Perkongsian Pintar SPLN

MESYUARAT *POST MORTEM* PELAKSANAAN *ROLL-OUT* SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI (SPLN) DAN SPLN AKRUAN (1SPLN)

Setelah pelaksanaan *roll-out* SPLN 2014 dijalankan dengan jayanya, satu Mesyuarat Post Mortem Pelaksanaan Roll-Out SPLN telah diadakan pada 14 hingga 16 Disember 2014 bertempat di Hotel Quality, Kuala Lumpur. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan isu-isu SPLN sepanjang tempoh pelaksanaannya dan sebagai platform bagi membincangkan penambahbaikan sistem ke arah perakaunan akruan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 48 orang peserta dari pelbagai Kementerian/ Jabatan dan pembentangan telah dibuat oleh wakil Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Kementerian Luar Negeri, Bank Islam Malaysia Berhad, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) dan juga Seksyen Khidmat Perunding.






Peserta Mesyuarat Post Mortem Pelaksanaan Roll-Out SPLN

SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI AKRUAN (1SPLN)

Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (1SPLN) dijadual dilaksanakan dalam tahun 2016 menggantikan SPLN. Sistem ini dibangunkan dengan ciri-ciri akruan selaras dengan pembangunan 1GFMAS.



Rajah 5 : **Pembangunan 1SPLN Selaras Dengan Pembangunan 1GFMAS**



Rajah 6 : **Ciri-Ciri 1SPLN**

LAB *USER REQUIREMENT SPESIFICATION* (URS) 1SPLN

Selaras dengan peralihan sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan kepada perakaunan berasaskan akruan iaitu 1GFMAS (*Government Financial Management and Accounting System*), SPLN yang dibangunkan menggunakan perakaunan asas tunai akan ditambahbaik bagi memenuhi ciri perakaunan asas akruan yang dikenali sebagai 1SPLN. Oleh itu, Lab URS bersama Konsortium Jaya Sdn. Bhd. telah diadakan di Bilik Mesyuarat 2, Seksyen Khidmat Perunding pada 17 hingga 25 November 2014 bagi membincangkan Proses Kerja yang melibatkan Modul Terimaan, Bayaran, Pendahuluan dan Lejar Am.

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM)

BENGKEL SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BAGI TERIMAAN MELALUI KAEDAH *CASH DEPOSIT MACHINE* (CDM), *CHEQUE DEPOSIT MACHINE* (CQM) DAN TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK (*E-PAYMENT*) MELALUI *AUTO TELLER MACHINE* (ATM) DAN *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)

Seksyen Khidmat Perunding (SKP), JANM telah mengadakan Bengkel Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) bagi terimaan melalui kaedah *Cash Deposit Machine* (CDM), *Cheque Deposit Machine* (CQM) dan Terimaan Secara Elektonik (e-Payment) melalui *Auto Teller Machine* (ATM) dan *Electronic Fund Transfer* (EFT) pada 13 dan 14 Oktober 2014 di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian-bahagian JANM Ibu Pejabat, Pejabat Perakaunan, Kementerian dan Jabatan.

Bengkel ini bertujuan untuk membincang dan mendapatkan input daripada agensi kerajaan mengenai kaedah terimaan melalui CDM, CQM dan kaedah e-Payment bagi ATM dan EFT untuk dijadikan SPANM dan digunapakai oleh agensi kerajaan kelak.



Pegawai-pegawai yang terlibat dengan Bengkel SPANM CDM, CQM, ATM dan EFT



KEMAJUAN PENGURUSAN ORGANISASI

MAJLIS TANDATANGAN DAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Persekutuan (PKKP) bagi tahun 2013 telah berjaya disediakan dan ditandatangani oleh Akauntan Negara Malaysia (ANM) pada 26 Februari 2014. PKKP ini kemudiannya ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) pada 27 Februari 2014 dan diserahkan kepada Timbalan Ketua Audit Negara untuk pengauditan pada 28 Februari 2014. Berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan, Ketua Audit Negara (KAN) telah mengeluarkan Sijil Audit Bersih ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2013 pada 6 Jun 2014. Penyata ini pula telah dibentangkan di Parlimen pada 10 Oktober 2014.



Majlis Tandatangan PKKP 2013 oleh ANM pada 26 Februari 2014



Majlis Tandatangan PKKP 2013 oleh KSP pada 27 Februari 2014 di Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya



Majlis Serahan PKKP 2013 Kepada Ketua Audit Negara 28 Februari 2014 di Jabatan Audit Negara Malaysia, Putrajaya

MESYUARAT KETUA NAZIRAN 2014

Mesyuarat Ketua Naziran (MKN) 2014 telah diadakan pada 9 dan 10 Mei 2014 di Dewan Sebaguna, Aras 7, JANM dan telah dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Dato' Hawazain Binti Shaari. Bengkel pengenalan Naziran SPPP juga telah diadakan pada hari pertama mesyuarat diadakan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ketua Naziran dari JANM Negeri/Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS). Seorang kumpulan pelaksana naziran juga telah dijemput untuk menyertai MKN bagi memudahkan proses kerja SPPP berjalan dengan lancar.

MESYUARAT PENGARAH DAN KETUA AKAUNTAN (MPKA) 2014

Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan (MPKA) merupakan salah satu KPI bagi Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP). Seperti tahun–tahun sebelum ini, mesyuarat ini akan diadakan 4 kali dalam setahun. MPKA akan diadakan dengan melantik Pejabat JANM Negeri/ Cawangan dan JMS untuk menjadi tuan rumah secara bergilir. MPKA melibatkan ahli mesyuarat yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengarah-pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan JANM dan Ketua Akauntan JMS. Pada tahun 2014, terdapat 14 Ketua Akauntan di JMS Baru telah terlibat pada mesyuarat pada tahun ini. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan isu-isu operasi Pejabat Perakaunan. Berikut merupakan MPKA yang telah diadakan di beberapa lokasi.

MPKA	Lokasi	Tarikh
Bil. 1/2014	Sutera Harbour, Kota Kinabalu	25 dan 26 Mac 2014
Bil. 2/2014	Hotel Perdana, Kelantan	17 hingga 18 Jun 2014
Bil. 3/2014	Puteri Pan Pacific, Johor Bahru	30 Sept hingga 1 Okt 2014
Bil. 4/2014	Hotel Royal, Pulau Pinang	2 dan 3 Dis 2014



MPKA Bil. 4/2015 di Hotel Royal, Pulau Pinang

SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) BAGI TAHUN 2013

LATAR BELAKANG

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 7 No. 1 Tahun 2007 berkaitan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam Di Agensi Kerajaan bertarikh 6 Februari 2007, semua Ketua-ketua Jabatan dan agensi kerajaan diminta melaksanakan Sistem Pengurusan Audit Nilai yang bertujuan mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang mengandungi nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi bagi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut di jabatan dan agensi masing-masing. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan imej perkhidmatan awam Malaysia supaya menjadi lebih cekap dan berkesan dalam penyampaian perkhidmatan.

TEMPOH MASA PENGAUDITAN

SPAN dilaksanakan ke atas aktiviti-aktiviti dan keberkesanan program-program berkaitan nilai-nilai murni dari bulan Januari hingga Disember 2013.

TUJUAN AUDIT NILAI

SPAN dilaksanakan adalah bertujuan untuk:

- Memastikan pelaksanaan program-program nilai dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya;
- Membolehkan satu kajian impak yang lebih berkesan dibuat, pemantauan berterusan dilakukan dan kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki; dan

- Menyeragamkan pelan bertindak ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaan penerapan, penghayatan dan seterusnya pengamalan nilai.

KAEDAH PENGUKURAN

Pengauditan ini adalah berdasarkan 5 instrumen yang digunakan sebagai indeks seperti berikut:

i. **Rekod Amalan Nilai** – mengumpul maklumat jabatan, program nilai yang telah dijalankan dan juga laporan tahunan jabatan daripada pelbagai sumber.

ii. **Indeks Nilai Ideal** – mengandungi item-item untuk mengukur ideologi berhubung dengan prinsip atau tingkah laku yang mungkin wujud dalam organisasi. Item-item adalah berdasarkan nilai teras yang terdiri daripada tiga ciri iaitu masa, kuasa dan peribadi.

iii. **Indeks Nilai Peribadi** – mengandungi item-item untuk mengukur tingkah laku individu berdasarkan nilai teras. Item-item adalah berdasarkan nilai teras yang terdiri daripada tiga ciri iaitu masa, kuasa dan peribadi.

iv. **Indeks Nilai Organisasi** – mengandungi item-item untuk mengukur persepsi terhadap tingkah laku yang mungkin berlaku dalam organisasi. Item-item adalah berdasarkan nilai teras yang terdiri daripada tiga ciri iaitu masa, kuasa dan peribadi.

v. **Rekod Maklum Balas Pelanggan** – mengandungi item-item untuk menilai pengalaman atau pemerhatian pelanggan semasa berurusan dengan jabatan atau agensi.

Setiap indeks nilai mempunyai penekanan yang berbeza. Oleh itu, setiap indeks diberi pemberat yang berbeza seperti berikut:

Jadual 5 : **Pemberat Bagi Setiap Indeks**

Instrumen	Pemberat
Rekod Amalan Nilai	1
Indeks Nilai Ideal	1
Indeks Nilai Peribadi	2
Indeks Nilai Organisasi	1.5
Rekod Maklum Balas Pelanggan	1.5
Keseluruhan	**7**

PROSEDUR AUDIT NILAI

Pengurusan Atasan JANM telah meminta supaya semua warga JANM menjadi responden kepada soal selidik audit nilai. Maklum balas ke atas soal selidik tersebut dilakukan secara atas talian dari 1 hingga 31 Disember 2013. Berdasarkan rekod Jabatan sehingga 31 Disember 2013, bilangan pengisian perjawatan di JANM adalah sebanyak 2,540 dan seramai 2,349 atau 92.48% telah menjadi responden.

Bagi Rekod Maklum Balas Pelanggan, set borang maklum balas pelanggan telah diedarkan kepada dua Bahagian JANM serta 25 JANM Negeri / Cawangan di seluruh Malaysia melalui emel.

ANALISIS TAHAP PENGAMALAN NILAI

Analisis tahap pengamalan nilai dilakukan berdasarkan kepada 5 indeks iaitu Rekod Amalan Nilai, Indeks Nilai Ideal, Indeks Nilai Peribadi, Indeks Nilai Organisasi dan Maklum Balas Pelanggan. Gabungan kelima-lima indeks ini menghasilkan Indeks Nilai Keseluruhan (Komposit).

1) Kaedah Interpretasi

Kaedah interpretasi yang digunapakai dalam menerangkan hasil pengauditan nilai adalah seperti berikut:

Jadual 6 : **Kaedah Interpretasi Tahap Pengamalan Nilai**

Poin (1-100)	Tahap Pengamalan Nilai
≥ 90	Cemerlang dan perlu dikekalkan
80 – 89	Boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan
60 – 79	Perlu penambahbaikan dengan pemantauan
≤ 59	Sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan

2) Keputusan Tahap Pengamalan Nilai

Keputusan SPAN yang dijalankan di JANM bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:


Jadual 7: **Keputusan SPAN JANM Bagi Tahun 2013**

Instrumen Audit Nilai	Poin
Rekod Amalan Nilai	90.31
Indeks Nilai Ideal	80.59
Indeks Nilai Peribadi	76.61
Indeks Nilai Organisasi	72.19
Rekod Maklum Balas Pelanggan	81.48
Indeks Nilai Komposit	**79.23**

Kesimpulannya, Indeks Nilai Komposit JANM bagi tahun 2013 adalah sebanyak **79.23** poin iaitu pada tahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan.

3) Perbandingan Tahap Pengamalan Nilai JANM Dari Tahun 2009 Hingga Tahun 2013


Perbandingan tahap pengamalan nilai di JANM bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 bagi kelima-lima indeks adalah seperti di Carta 5.



Carta 5 : **Perbandingan Tahap Pengamalan Nilai Dari Tahun 2009 hingga 2013**

Berdasarkan carta di atas, didapati kesemua instrumen SPAN yang digunakan untuk mengukur tahap amalan nilai di JANM mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2012.

Hasil daripada keputusan yang diperoleh ke atas kelima-lima instrumen berkenaan, Indeks Nilai Komposit JANM bagi tahun 2013 mencatatkan peningkatan sebanyak 2.99% iaitu dari 76.24 poin pada tahun 2012 kepada 79.23 poin bagi tahun 2013. Perbandingan Indeks Nilai Komposit yang diperoleh JANM dari tahun 2009 hingga tahun 2013 ditunjukkan oleh Carta 6.



Carta 6 : **Perbandingan Indeks Nilai komposit JANM Dari Tahun 2009 Hingga 2013**

Secara keseluruhannya, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni di kalangan warga JANM masih berada di tahap memerlukan penambahbaikan dengan pemantauan seperti pada tahun-tahun lalu. Peningkatan Indeks Nilai Komposit bagi tahun 2013 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam poin bagi semua instrumen. Peningkatan ini perlu diteruskan bagi memastikan imej JANM sentiasa baik selaras dengan Visi JANM untuk menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

CERAMAH DARIPADA MERCY MALAYSIA

Selain itu, perkongsian pengalaman dari *Malaysian Medical Relief Society (MERCY)* selaku pemenang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2013 telah diadakan pada 21 Ogos 2014 di Dewan Serbaguna JANM dan disertai oleh 167 orang pegawai. MERCY Malaysia telah diberi pengiktirafan tersebut melalui pengenalan inovasi pengurusan baharu yang dinamakan sebagai Pengurusan Risiko Bencana Keseluruhan atau *Total Disaster Risk Management (TDRM).* Ceramah ini telah disampaikan oleh Ar. Mohamad Bin Bajuri Ayof, Ahli Lembaga Pengarah MERCY Malaysia. Bersempena dengan program tersebut, kutipan tabung untuk Palestin juga dilakukan dan diserahkan kepada wakil MERCY Malaysia. Ini secara tidak langsung dapat membantu meringankan penderitaan rakyat di Gaza.



Para jemputan di program ceramah daripada MERCY Malaysia



Penyerahan sumbangan melalui kutipan tabung untuk Palestin kepada wakil MERCY Malaysia

LAWATAN INOVASI KE SMART DAN MARDI

Bersempena dengan Hari Inovasi & Integriti JANM 2014, pelbagai program telah dianjurkan dengan jayanya. Antaranya adalah lawatan inovasi ke Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. (SMART) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Lawatan inovasi ini adalah bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat idea dan penghasilan produk-produk inovasi yang berkualiti dan berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran serta memahami kepentingan inovasi bagi peningkatan penyampaian perkhidmatan awam.



Taklimat disampaikan oleh Ketua Operasi dan Perhubungan Awam SMART



Tayangan dan seliaan terowong SMART di Bilik Kawalan

Lawatan Inovasi ke SMART telah diadakan pada 26 Jun 2014 dan telah disertai oleh 28 orang pegawai yang terdiri daripada semua Bahagian di JANM. Lawatan bermula dengan tayangan video korporat SMART dan diteruskan dengan taklimat ringkas oleh Ketua Operasi dan Perhubungan Awam iaitu En. Mohd Noor bin Mohd Ali. Beliau juga memberi peluang kepada para peserta untuk melihat sendiri tayangan dan seliaan terowong SMART di Bilik Kawalan. Melalui lawatan ini, inovasi dan kreativiti SMART dapat dilihat dari fungsi terowong SMART itu sendiri, iaitu apabila banjir melanda di bandar Kuala Lumpur, terowong ini menjadi tempat laluan air banjir. Apabila paras air berada ditahap yang selamat, terowong tersebut akan dijadikan laluan trafik.

Lawatan inovasi ke MARDI pula telah diadakan pada 19 Ogos 2014 dan disertai oleh 34 orang pegawai dari semua Bahagian JANM. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Program Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi iaitu Puan Aminah Mustakimah Siraj dari Bahagian Perancangan Strategik MARDI. Para peserta dibawa melawat ke Galeri Makanan dan sekitar kawasan MARDI. Inovasi yang dihasilkan oleh MARDI ini dapat dilihat melalui sistem pembajaan dan penanaman yang dilaksanakan di mana pelbagai buah dan tanaman dicipta bagi menembusi kebolehpasaran dan persaingan ke luar negara.



Taklimat disampaikan oleh Puan Aminah Mustakimah Siraj



Lawatan ke Galeri Makanan



Sesi bergambar bersama para peserta

PERTANDINGAN PIDATO SEMPENA HARI INOVASI & INTEGRITI JANM TAHUN 2014

Pada tahun 2014, Jabatan Akauntan Negara Malaysia julung-julung kalinya telah menganjurkan Pertandingan Pidato sempena Hari Inovasi & Integriti JANM bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Pertandingan ini diadakan adalah untuk menggalakkan warga JANM menyampaikan idea dan mesej lisan secara berkesan dan memantapkan lagi kemahiran berkomunikasi di kalangan warga JANM.

Pertandingan ini telah disertai oleh lapan pegawai kesemuanya yang terdiri daripada JANM Bahagian, Negeri dan Cawangan. Tema tajuk pidato adalah berkaitan integriti atau Jenayah Kolar Putih. Penilaian pemarkahan adalah berdasarkan isi, bahasa, penyampaian, adab dan markah bonus. Pertandingan ini telah diadili oleh beberapa hakim yang arif dalam bidang pidato iaitu, En. Abang Patdeli bin Abang Muhi, wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Ketua Hakim, En. Zubayry Abadi bin Sofian, dari Institut Integriti Malaysia, dan Cik Sandy Tan dari Persatuan Penggiat Pemidato. Berikut merupakan para peserta yang menyertai pertandingan pidato sempena Hari Inovasi & Integriti JANM Tahun 2014.

Bil.	Nama Peserta	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
1.	Julia binti Kasdi	BPTM
2.	Siti Khatijah binti Samsudin	BPAD
3.	Irwin bin Mohamad	JANM Caw. Labuan
4.	Nor Azneyani binti Zakaria	JANM Negeri Sabah
5.	Abd Hamid bin Arbin	JANM Cawangan Sandakan
6.	Nurul Husna binti Assanah	BPPP
7.	Siti Farhana binti Md Riduan	BPOPP
8.	Ros Amirul Sham bin Roslee	BPOPA

En. Abd. Hamid bin Arbin dari JANM Cawangan Sandakan telah menjadi Johan dalam pertandingan tersebut. Beliau membawa pulang piala dan wang tunai sebanyak RM500. Tempat kedua telah dimenangi oleh Puan Nor Azneyani binti Zakaria dari JANM Negeri Sabah, sekaligus membawa wang tunai sebanyak RM400 beserta piala dan Puan Siti Farhana binti Md. Riduan dari BPOPP pula memenangi tempat ketiga dan mendapat wang tunai sebanyak RM300 beserta piala.



Barisan para peserta



Para hakim yang mengadili persembahan para peserta



Persembahan selingan dari Sekolah Menengah Sultan Alam Shah, Putrajaya

SAMBUTAN HARI INOVASI & INTEGRITI JANM TAHUN 2014 DAN SUKAN ZON JANM

Pada 17 Oktober 2014, JANM telah menganjurkan Sambutan Hari Inovasi & Integriti JANM 2014 bertempat di Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam dan telah diadakan bersekali dengan Sukan Zon JANM dengan kerjasama KESAN.

Tema sambutan pada kali ini adalah *'Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan'* yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk ANM diiringi oleh YBhg. Dato' TAN (K) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Inovasi dan Integriti JANM dan YBhg. Dato' TAN (O) selaku Yang Dipertua KESAN. Bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam adalah diketuai oleh Tn. Hj. Ramli bin Chik. Kehadiran Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah JANM Negeri dan Cawangan di seluruh Malaysia memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini. Program sambutan ini dimulakan dengan acara perarakan inovasi yang terdiri daripada 7 kontinjen bagi mewakili setiap zon (Zon Sabah, Zon Sarawak, Zon Ibu Pejabat, Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Tengah). Pelbagai formasi dipersembahkan oleh setiap kontinjen daripada setiap zon. Ini menunjukkkan bahawa warga JANM kreatif dalam menghasilkan pelbagai inovasi dalam semua tugasan yang dijalankan.



Bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam oleh Tn. Hj. Ramli bin Chik



Sambutan dirasmikan oleh Datuk ANM

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) JANM 2013

Majlis Perkhidmatan Cemerlang (APC) JANM 2013 telah diadakan pada 8 Mei 2014 bagi meraikan 197 orang warga JANM yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat JANM dan diserikan dengan kehadiran YB. Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II, YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman, Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Dato' Rosini binti Abd. Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), YBhg. Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri dan Cawangan, Ketua-ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri serta warga JANM.

Majlis telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II. Sebaik sahaja beliau selesai memberi ucapan perasmian dan seterusnya menyampaikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang kepada 197 orang penerima. Sejurus selepas penyampaian sijil, majlis diteruskan dengan pelancaran Tayangan Montaj APC sebagai simbolik kenangan dan memori penerima APC.



Antara Tetamu Kehormat yang menghadiri majlis tersebut



Ucapan daripada Menteri Kewangan II

MAJLIS JASAMU DIKENANG "BUDIMU SETULUS HATI, SELAUT JASA KAMI HARGAI"



Ucapan daripada YBhg. Datuk ANM

Pada 18 Disember 2014, Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dengan bertemakan, "Budimu Setulus Hati, Selaut Jasa Kami Hargai". Majlis telah meraikan empat Pegawai Pengurusan Tertinggi iaitu YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman (ANM), YBhg. Dato' Rosini binti Abd. Samad (TAN (K), En. Dzulkifli bin Ahmad (Pengarah BPAD), En. Baharud-din bin Ahmad (Pengarah BPAS) serta 50 orang pesara warga JANM yang bertugas di seluruh Malaysia. Majlis ini juga telah diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga bagi mengenang dan menghargai jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan selama ini oleh semua yang diraikan sehingga menjadikan Jabatan ini berjaya mencapai dan memenuhi KPI yang telah ditetapkan.



Pemberian cenderamata kepada Pengurusan Tertinggi yang bersara pada tahun 2014

PROGRAM TRANSFORMASI JANM

MENINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME AKAUNTAN BAGI PEGAWAI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Program Transformasi Meningkatkan Tahap Profesionalisme Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras 7 pada 28 Mei 2014. Program ini telah diisi dengan sesi ceramah dan dialog bersama IPN-CPD dan badan professional perakaunan seperti Institut Akauntan Malaysia (MIA), *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), Malaysia Institute of Certified Accountants (ACCA)* dan *Chartered Institute Management Accountants (CIMA).*

Objektif program ini adalah untuk menggalakkan akauntan memohon keahlian Institut Akauntan Negara Malaysia (MIA), memperkenalkan IPN-CPD dan badan professional perakaunan seperti *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants Malaysian (MICPA), Institute of Certified Accountants (ACCA)* dan *Chartered Institute Management Accountants (CIMA).*

Seramai 100 orang peserta telah terlibat dalam program transformasi ini. 10 orang daripadanya adalah terdiri daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi, 81 orang peserta terdiri daripada Akauntan Gred W48, W44 dan W41. Selain itu, seramai 15 orang urus setia, 5 orang penceramah dan 20 orang terdiri daripada penjaga gerai pameran.

BENGKEL PENAMPILAN DIRI DAN ETIKA SOSIAL BAGI PEGAWAI JANM

Bengkel Penampilan Diri dan Etika Sosial Pegawai JANM telah diadakan pada dua sesi. Sesi pertama adalah pada 1 dan 2 April 2014 yang telah melibatkan 80 orang peserta yang meliputi semua pegawai JUSA, Gred 54 dan 52 di JANM Ibu Pejabat dan JANM Negeri. Sesi kedua pula adalah pada 24 dan 25 September 2014. Bengkel kali ini telah melibatkan 45 orang peserta yang terdiri daripada semua pegawai Gred 44 hingga 52 di JANM Ibu Pejabat dan JANM Negeri.

Bengkel ini diadakan bagi memberi pendedahan mengenai etika dalam pergaulan rasmi atau sosial serta protokol di meja makan kepada pegawai yang selalu terlibat dengan mesyuarat, perbincangan atau undangan ke majlis rasmi dan memerlukan pegawai berinteraksi dengan pegawai dari jabatan lain, tetamu kehormat, pembesar negeri atau negara.

Training Cube International Sdn. Bhd, telah dipilih untuk mengendalikan bengkel ini kerana telah menepati kriteria yang ditetapkan. Bengkel ini dijalankan di Dewan Serbaguna, Aras 7 JANM dan diisi dengan sesi ceramah, demonstrasi dan praktikal mengenai penampilan diri, etika sosial dan protokol di meja makan. Peserta juga didedahkan dengan demonstrasi *Eating with Class* di Restoran Al-Dente, Presint 4 Putrajaya.

Antara objektif bengkel ini adalah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menonjolkan imej positif dalam persekitaran professional, menilai dan meningkatkan kemahiran dandanan peribadi, cara berpakaian dan etika sosial dalam kehidupan seharian ataupun menghadiri majlis rasmi kerajaan dan seumpamanya di samping dapat menggunakan teknik yang betul dalam meningkatkan penampilan imej professional dan peserta didedahkan dengan teknik yang betul semasa di meja makan.







Antara aktivti yang dijalankan semasa bengkel tersebut

LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA

Sebagai salah satu Jabatan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, jalinan kerjasama dengan negara luar tidak kurang penting dalam memastikan jabatan memainkan peranan sewajarnya dalam transformasi negara untuk bergerak seiring dengan negara membangun yang lain. Jabatan sentiasa membuka ruang kepada delegasi luar negara untuk berkongsi pengalaman, kepakaran serta bertukar fikiran dan pandangan di dalam hal ehwal kewangan dan perakaunan di Malaysia. Pada tahun 2014, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menerima kunjungan serta lawatan daripada enam (6) Delegasi Luar Negara seperti berikut:

Bil	Delegasi Luar Negara	Tarikh
1.	Mongolia	21 April 2014
2.	Nigeria	30 April 2014
3.	Nepal	5 Jun 2014
4.	Nepal	4 September 2014
5.	Vietnam	25 Nov 2014
6.	Mongolia	9 Disember 2014

Kunjungan hormat tersebut adalah bertujuan untuk perkongsian maklumat dan kepakaran terutamanya berkaitan migrasi ke arah Perakaunan Akruan. memahami dan mengetahui proses pelaksanaan IPSAS di Malaysia, memberi pendedahan mengenai sistem perakaunan Negara dan memahami *Outcome-Based Budgeting (OBB)*. Lawatan ini turut menjadi medium dalam mendapatkan gambaran yang luas serta bertukar-tukar pandangan atau pendapat terhadap beberapa aspek seperti sosial, politik, ekonomi dan sebagainya yang secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara kedua-dua negara.

Aktiviti lawatan delegasi telah diisi dengan taklimat ringkas daripada bahagian yang berkaitan, sesi soal jawab, lawatan ke Galeri JANM di Lobi JANM dan seterusnya bergambar kenangan.



Lawatan Delegasi Mongolia pada 21 April 2014



Lawatan Delegasi Nigeria pada 30 April 2014



Lawatan Delegasi Nepal pada 4 September 2014



Lawatan Delegasi Vietnam pada 25 November 2014



Lawatan Delegasi Mongolia pada 9 Disember 2014

LAWATAN AKADEMIK DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Sepanjang tahun 2014, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menerima lawatan akademik daripada 8 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Antaranya adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Institusi	Bilangan (Pelajar dan Pengiring)
1.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	150 pelajar dan seorang Pengiring
2.	Universiti Tenaga Nasional, Pahang	80 pelajar dan 2 pengiring
3.	Universiti Malaysia Terengganu	115 orang pelajar dan 2 pengiring
4.	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang	32 orang pelajar dan 4 pengiring
5.	Politeknik Muadzan Shah, Pahang	28 pelajar dan 3 pengiring
6.	Institut Pengurusan Tentera Darat (IPDA), Port Dickson	38 penuntut (lawatan pertama) 45 orang penuntut (lawatan kedua)
7.	Universiti Selangor (UNISEL)	88 pelajar dan 2 pengiring
8.	Universiti Teknologi Malaysia	80 pelajar

Objektif lawatan akademik ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan yang lebih kepada pelajar dalam bidang kerja pengurusan perakaunan seperti penyediaan dan pelaksanaan sistem perakaunan di sektor awam. Selain itu, mereka juga dapat meningkatkan dan memperluaskan pemikiran mengenai skop dalam perakaunan dan pengauditan yang menjadi teras utama dalam bidang atau kursus yang mereka ceburi.







Antara Institut Pengajian Tinggi yang mengadakan lawatan ke JANM




KEMAJUAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN


Bagi merealisasikan aspirasi negara menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, penjawat awam secara amnya perlu berdaya saing dan memiliki kompetensi yang diperlukan bagi memastikan kelestarian aspirasi tersebut. Justeru itu, pengurusan sumber manusia memainkan peranan penting dalam menyediakan modal insan yang berwibawa.

Selaras dengan aspirasi negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) mengambil langkah proaktif melalui transformasi sistem perakaunan negara daripada Sistem Ubah Tunai kepada Sistem Perakaunan Akruan. Pelaksanaan tersebut pastinya memerlukan perancangan jitu dari segi modal insan yang mencukupi dan kompeten. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan sebagai tunggak utama sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan. BPPP juga berperanan memastikan bahawa JANM mempunyai struktur organisasi yang kemas dengan penggunaan sumber manusia secara optimum.

Lantaran itu, BPPP sentiasa merancang dan memastikan pengisian jawatan pegawai skim perakaunan dijalankan bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Hasil daripada usaha tersebut, pada 31 Disember 2014, kedudukan perjawatan bagi perkhidmatan perakaunan adalah seramai 5502 jawatan dan telah menunjukkan pertambahan perjawatan daripada tahun 2013 sebanyak 304 jawatan (5.8%). Carta 7 menunjukkan pecahan bagi Perjawatan Perakaunan bagi tahun 2014 manakala Carta 8 menunjukkan perbandingan jumlah jawatan skim perakaunan bagi tahun 2013 dan 2014.



Carta 7 : **Pecahan Bagi Perjawatan Perakaunan Tahun 2014 Mengikut Bilangan Perjawatan**




Carta 8 : **Perbandingan Bagi Perjawatan Perakaunan Tahun 2013 Dan 2014**

LAPOR DIRI PEGAWAI LANTIKAN BARU

Transformasi Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan kepada sistem perakaunan akruan telah mewujudkan beberapa jawatan baharu, merangkumi jawatan di gred lantikan mahupun jawatan di gred kenaikan pangkat. Sepanjang tahun 2014, pertambahan perjawatan disebabkan oleh penubuhan Bahagian Akaun baharu di 15 buah Kementerian, penubuhan Bahagian GST *(Goods and Services Tax)* di Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) dan pertambahan jawatan di bawah Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) di beberapa Kementerian.

Sepanjang tahun 2014, seramai 128 orang Akauntan Gred W41, 161 orang Penolong Akauntan Gred W27 dan 20 orang Pembantu Akauntan Gred W17 telah melapor diri ke Jabatan Akuntan Negara Malaysia (JANM). Jumlah keseluruhan pegawai lantikan baharu 2014 adalah seramai 309 orang.


Terdapat peningkatan sebanyak 51.13% jumlah pegawai yang melapor diri pada tahun ini berbanding tahun lalu yang mencatat 158 orang lantikan baharu sahaja. Perincian maklumat adalah seperti di Carta 9.



Carta 9 : **Perbandingan Jumlah Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan Lantikan Baharu Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

KENAIKAN PANGKAT

Bagi jawatan di gred kenaikan pangkat, ianya turut mencatat peningkatan berbanding tahun 2013. Pelaksanaan pengurusan kenaikan pangkat dijalankan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada. Pelaksanaannya adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Perincian maklumat adalah seperti yang dipaparkan dalam Carta 10.



Carta 10 : **Perbandingan Jumlah Jawatan Kenaikan Pangkat Bagi Tahun 2013 Dan 2014 Bagi Pegawai Perkhidmatan Skim Perakaunan (Mengikut Gred)**

ACCOUNTANT GENERAL ASSESSMENT CENTER (AGAC) TAHUN 2014

Program *Accountant General Assessment Center (AGAC)* adalah program penilaian bagi calon yang memohon untuk memasuki Skim Perkhidmatan Akauntan Gred W41 selepas melalui tapisan peperiksaan Suruhanjaya Pekhidmatan Awam (SPA). Bagi tahun 2014, seramai 1,339 calon telah dipanggil menyertai program ini. Ia telah diadakan di 3 Zon iaitu Zon Tengah (5 Pusat), Zon Sabah (1 Pusat) dan Zon Sarawak (1 Pusat). Pogram AGAC ini telah dibuat dalam dua sesi iaitu pada 14 dan 15 Jun bagi Zon Tengah dan 14 Jun di Zon Sabah dan Zon Sarawak. Taburan calon adalah seperti berikut:

Zon	Pusat AGAC	Taburan Calon	
		14 Jun 2014	15 Jun 2014
Tengah	Institut KWSP	103	103
	ILSAS	103	103
	JANM	104	104
	SMK Precint 8	153	153
	SMK Precint 9	153	153
Sabah	INTAN Sabah	57	-
Sarawak	INTAN Sarawak	50	-
Jumlah		**723**	**616**
Jumlah Keseluruhan		**1,339**	

Seramai 59 orang panel penilai dan 59 orang fasilitator yang terdiri daripada Akauntan JANM dan kementerian terlibat dalam program ini. Bengkel Penilai dan Fasilitator telah diadakan pada 12 Jun 2014 dengan menjemput pegawai daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memberi bimbingan kepada para penilai dan fasilitator sebagai persiapan melaksanakan program AGAC.



Kehadiran calon di salah satu daripada tujuh lokasi Program AGAC



Salah satu aktiviti yang diadakan bagi Program AGAC

SEMINAR / KURSUS DALAM NEGERI DAN LUAR NEGERI

PENGANJURAN KURSUS TAHUN 2014

Institut Perakaunan Negara (IPN) merupakan salah satu bahagian di Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang bertanggungjawab menguruskan latihan khusus dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam. Pada tahun 2014, sebanyak 234 kursus telah dianjurkan oleh IPN di mana 201 daripadanya merupakan kursus yang dijadualkan dalam Jadual Program Latihan (JPL) dan 33 kursus lain yang telah dilaksanakan adalah bukan daripada kursus-kursus yang telah dijadualkan. Jumlah peserta yang telah berjaya dilatih sepanjang tahun 2014 adalah seramai 7,997 orang, 6,681 orang daripadanya telah mengikuti kursus JPL dan seramai 1,316 orang pula telah mengikuti kursus bukan dalam JPL. Pelaksanaan program latihan dan kursus ini telah djalankan di kampus utama IPN, *IPN Centre For Professional Development* (IPNCPD) dan kursus di zon-zon seluruh negara.

KURSUS YANG DIJADUALKAN

Sehingga bulan Disember 2014, sebanyak 201 kursus telah dilaksanakan daripada 203 kursus yang dijadualkan iaitu 99% pencapaian. Perinciannya adalah seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : **Peratus Pencapaian Pelaksanaan Kursus IPN Sehingga 31 Disember 2014**

Bulan	Bil. Kursus Dijadualkan	Bil. Kursus Dilaksanakan	% Pelaksanaan (Bulanan)
Januari	4	4	100%
Februari	22	22	100%
Mac	23	24	104%
April	21	21	100%
Mei	21	20	95%
Jun	30	29	97%
Julai	0	0	0%
Ogos	18	18	100%
September	26	26	100%
Oktober	20	16	80%
November	18	21	116%
Disember	0	0	-
Jumlah	**203**	**201**	**99%**

Bilangan peserta adalah seramai 6,681 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 286 orang (4%) adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Professional (P&P), manakala 6,395 orang (96%) pula adalah terdiri daripada Kumpulan Pelaksana.

Jumlah kehadiran ini adalah 38% daripada jumlah permohonan (17,402), 69% daripada tawaran (9,748) dan 91% daripada kapasiti (7,347).

KURSUS YANG TIDAK DIJADUALKAN DALAM JPL 2014

Sebanyak 33 kursus yang tidak dijadualkan dalam JPL telah dilaksanakan oleh IPN sepanjang tahun. Kursus-kursus yang terlibat adalah kursus anjuran IPN CPD sebanyak 11 kursus, 4 kursus *Training of Trainers* (TOT) dalam negara, 3 kursus yang melibatkan Program Transformasi Minda, 5 kursus Pra-Penempatan, 8 kursus dalaman IPN dan 2 kursus usaha sama bersama SKP, BPPP iaitu Persidangan Penggunaan SAGA dan kursus SAGA. Jumlah peserta yang telah dilatih bagi kategori ini adalah seramai 1316 orang. Daripada jumlah ini, 486 orang (37%) adalah terdiri daripada Kumpulan P&P manakala 830 orang (63%) pula adalah terdiri daripada Kumpulan Pelaksana.

KATEGORI KURSUS

Sepanjang tahun 2014, sebanyak enam kategori kursus telah dijalankan di IPN seperti senarai di bawah:

a) Kursus Generik Kewangan
b) Kursus Perakaunan
c) Kursus Kewangan
d) Kursus Pengauditan
e) Kursus Sistem Maklumat Perakaunan
f) Kursus Yang Tidak Dijadualkan Dalam JPL 2014

Kursus-kursus a) hingga e) adalah dijadualkan dalam JPL 2014 manakala kursus para f) adalah kursus yang tidak dijadualkan dalam JPL.

PERANGKAAN BILANGAN KURSUS YANG DILAKSANAKAN MENGIKUT KATEGORI KURSUS


Perangkaan bilangan kursus yang dilaksanakan mengikut kategori kursus adalah seperti di Jadual 9.

Jadual 9 : **Perangkaan Bilangan Kursus Yang Dilaksanakan Mengikut Kategori Kursus**

Kategori Kursus	Bilangan Kursus	Peratus (%)
Generik Kewangan	139	59.4
Perakaunan	25	10.7
Kewangan	8	3.4
Pengauditan	7	2.9
Sistem Maklumat Perakaunan	22	9.4
Kursus Yang Tidak Dijadualkan Dalam JPL	33	14.2
Jumlah	**234**	**100**

Berdasarkan Jadual 9 di atas, kategori Kursus Generik Kewangan merupakan kursus paling banyak dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 139 kursus (59.4%).

Ini diikuti dengan Kategori Kursus Yang Tidak Dijadualkan Dalam JPL dengan 33 kursus (14.2%) dan seterusnya Kursus Perakaunan 25 kursus (10.7%). Bagi Kursus Sistem Maklumat Perakaunan, Kewangan dan Pengauditan masing-masing menyumbang 22 kursus (9.4%), 8 kursus (3.4%) dan 7 kursus (2.9%). Bilangan kursus dan peratusannya diplotkan pada Carta 11.




Carta 11 : **Perangkaan Bilangan Kursus Yang Dilaksanakan Mengikut Kategori**

PERANGKAAN PERMOHONAN, TAWARAN DAN KEHADIRAN PESERTA KURSUS 2014 MENGIKUT KATEGORI

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 19,103 permohonan kursus diterima daripada pegawai peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Badan Berkanun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,411 surat tawaran menghadiri kursus telah dikeluarkan. Hasilnya, seramai 7,997 peserta telah berjaya menghadiri kursus yang dianjurkan oleh IPN. Perinciannya adalah seperti di Jadual 10 dan diplotkan di Carta 12.

Jadual10 : **Bilangan Permohonan, Tawaran dan Kehadiran Kursus Anjuran IPN**

Kategori Kursus	Bilangan		
	Permohonan	Tawaran	Kehadiran
Generik Kewangan	12,703	6,761	4,831
Perakaunan	2,490	1,501	909
Kewangan	630	461	283
Pengauditan	414	327	215
Sistem Maklumat Perakaunan	1,165	698	443
Kursus Yang Tidak Dijadualkan Dalam JPL	1,701	1,663	649
Jumlah	**19,103**	**11,411**	**7,997**




Carta 12 : **Perangkaan Permohonan, Tawaran dan Kehadiran Kursus Anjuran IPN Mengikut Kursus**

PERANGKAAN PERBANDINGAN KEHADIRAN PESERTA KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (P&P) DAN PELAKSANA MENGIKUT KATEGORI KURSUS

Daripada jumlah keseluruhan 7,997 peserta, seramai 772 peserta (9.7%) kursus adalah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Penyumbang bilangan peserta kursus yang terbesar dalam kumpulan P&P adalah Kursus Generik Kewangan iaitu seramai 206 peserta dan Kursus-kursus yang tidak dijadualkan dalam JPL. Manakala kursus-kursus lain masing-masing adalah bawah 50 peserta. Kumpulan sokongan mencatatkan seramai 7,225 peserta (90.3%) bagi kehadiran kursus di IPN dengan kursus yang mendapat tumpuan adalah Kursus-kursus Generik Kewangan, Kursus perakaunan dan Kursus-kursus yang tidak dijadualkan dalam JPL. Perincian bagi kehadiran peserta kursus anjuran IPN mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti di Jadual 11 dan Carta 13.

Jadual 11: **Perbandingan Kehadiran Peserta Kursus Mengikut Kumpulan Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam**

Kategori Kursus	Kumpulan	
	P&P	Sokongan
Generik Kewangan	206	4,625
Perakaunan	35	874
Kewangan	20	263
Pengauditan	7	208
Sistem Maklumat Perakaunan	18	425
Kursus Yang Tidak Dijadualkan Dalam JPL	486	830
Jumlah	**772**	**7,225**




Carta 13 : **Perangkaan Perbandingan Peserta Mengikut Kumpulan Perkhidmatan**

PERANGKAAN PURATA PENILAIAN PENGANJURAN KURSUS MENGIKUT KATEGORI KURSUS

Penilaian kursus merupakan aspek yang penting bagi menilai mutu perkhidmatan yang diberikan sepanjang berlangsungnya sesi kursus di IPN. Proses ini dilaksnanakan terhadap kursus-kursus yang dijalankan seperti di dalam JPL di kampus IPN Sabak Bernam dan IPNCPD di Cyberjaya. Pada setiap kursus yang dilaksanakan, setiap peserta kursus diminta untuk membuat penilaian terhadap aspek pengendalian kursus, kemudahan yang disediakan dan kompetensi penceramah. Penilaian yang disediakan adalah berdasarkan skala 1-7. Purata penilaian peserta kursus terhadap kursus anjuran IPN mengikut program adalah seperti di Jadual 12 dan diplotkan di Carta 14.

Jadual 12 : **Purata Penilaian Kursus Mengikut Kategori Kursus**

Kategori Kursus	Purata Penilaian (Skala 1-7)		
	Kursus	Kemudahan	Penceramah
Generik Kewangan	6.21	6.18	6.40
Perakaunan	6.22	6.12	6.42
Kewangan	6.18	6.29	6.38
Pengauditan	6.11	6.08	6.27
Sistem Maklumat Perakaunan	6.30	6.14	6.39
Purata	**6.20**	**6.16**	**6.37**



Carta 14 : **Purata Penilaian Penganjuran Kursus Mengikut Kategori Kursus**

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2013, purata markah penilaian terhadap ketiga-tiga perkara yang diukur iaitu pengendalian kursus, kemudahan, dan kompetensi tenaga penceramah bagi setiap kategori kursus telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan iaitu melebihi 6.0 markah pada skala 1 hingga 7. Bagi pengendalaian kursus di IPN, purata penilaian yang telah dicapai adalah 6.20. Seterusnya, bagi aspek kemudahan di IPN, purata skor penilaian yang telah diberikan adalah 6.16 manakala bagi kompetensi tenaga penceramah purata skor penilaiannya adalah 6.37.

Tahap minimum penilaian yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan IPN adalah sebanyak 5.33 dan bagi skor maksimum adalah sebanyak 7.0. Berdasarkan petunjuk ini dapat dihuraikan bahawa kursus-kursus yang dijadualkan di JPL yang dianjurkan di IPN Sabak Bernam dan IPNCPD Cyberjaya telah melepasi tahap minimum yang telah ditetapkan. Seterusnya ini menunjukkan secara kolektifnya peserta-peserta berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh IPN dari aspek pengendalian kursus, kemudahan yang disediakan dan kompetensi tenaga penceramah di IPN.

KURSUS BULANAN

Selain IPN, Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK) telah melaksanakan kursus bulanan Jabatan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 10 siri kursus bulanan telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras 7, JANM yang melibatkan seramai 1,867 peserta. Kursus bulanan ini diadakan untuk memberi peluang kepada semua warga JANM untuk mencapai pematuhan Arahan 7 Hari Berkursus Setahun seperti digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2005: Dasar-dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Kursus bulanan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Pengurusan Kewangan Ikhlas & Membudayakan Ibadah Amal Jariah	26 Feb 2014	239 orang
2.	Kecemerlangan dan Motivasi Diri Di Kalangan Penjawat Awam	25 Mac 2014	239 orang
3.	Skim Bayaran *Ex-Gratia* Bencana Kerja Bagi Anggota Perkhidmatan Awam	29 Apr 2014	252 orang
4.	GST: Pelaksanaan Dan Kefahamannya di Kalangan Penjawat Awam	27 Mei 2014	273 orang
5.	Solat: Manifestasi Cinta Atau Keterpaksaan: Di mana Anda Di Mata Allah	24 Jun 2014	249 orang
6.	Hidangan Sihat Untuk Kekal Cergas di Bulan Ramadhan dan Senaman Untuk Mengekalkan Postur Badan Serta Relaksasi di Pejabat	16 Jul 2014	179 orang
7.	Bengkel Panduan Menjawab Soalan Peperiksaan Khas Memasuki Skim Penolong Pegawai Tadbir N27	22 Ogos 2014	156 orang
8.	Kecemerlangan Keibubapaan, Teknik Mendidik Anak-anak Yang Cemerlang	19 Sept 2014	187 orang
9.	Pengurusan Kewangan Peribadi Secara Berhemah: Mengelakkan Kesusahan Berat Kerana Hutang	25 Nov 2014	72 orang
10.	Integriti Pemangkin Produktiviti dan Kecemerlangan Insan	17 Dis 2014	21 orang

KURSUS DAN LAWATAN DI LUAR NEGARA

Penyertaan pegawai ke kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman berkenaan prosedur perakaunan dan kewangan negara luar yang berkaitan dengan tugas di samping membangun potensi serta kapasiti kepimpinan

dan pengurusan pegawai. Senarai nama pegawai yang menyertai kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Kursus	Tarikh
1.	Tuan Haji Husaini bin Abu Wan Mohd Aswad bin Wan Harun	*Outcome Costing and Budgeting Report, United Kingdom*	6 - 8 Mei 2014
2.	Dato' Rosini binti Abd Samad	*Global International Commercial Printing Business Days, Jerman*	13 - 15 Mei 2014
3.	Roslan bin A. Rahman	*Senior Executive Development Programme, Singapura*	26 - 30 Mei 2014
4.	Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin Tuan Haji Ramli bin Chik Kamarul Azhar bin Bokhri	*2014 Public Expenditure Management Network In Asia (PEMNA) Plenary Conference, Mongolia*	11 - 13 Jun 2014
5.	Noraini binti Alias Noorlida binti Mohd Khalid	*Critical Management Skills For Managers, Singapura*	1 - 2 Sept 2014
6.	Khairiah binti Ahmad Zoraini binti Ibrahim	*Symantec Executive Briefing Center Program and Symantec Security Operation Centre Briefing, Amerika Syarikat*	7 - 13 Sept 2014
7.	Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman Er Beng Kiong	*9th International Conference on Urban Regeneration and Sustainability, Italy*	22 - 26 Sept 2014
8.	Abdul Majid bin Salleh Zyerullida binti Shaharudin	*Leading For Strategic Success, Australia*	20 - 24 Okt 2014
9.	Tan Siew Geok Rohaizah binti Mohd Gani Ros Fareena binti Rosly	*Study Visit to Moneysmart Office, Australian Securities and Investment Commission, Australia*	20 - 24 Okt 2014
10.	Dr. Yacob bin Mustafa Maslina binti Kamarudin Nor Fadhilah binti Ibrahim	*Study Visit to Ministry of Finance, Australia dan New Zealand*	20 - 24 Okt 2014

11.	Dato' Rosini binti Abd Samad Roslan bin A. Rahman Fauziah binti Abdullah Rosmah binti Ismail Samsiah binti Ahmad Sarimah binti Husain Norizan binti Mohd Yunus Mat Nazri bin Harmine Ab Ghafar bin Sulaiman Patrick bin Majatig Osman bin Mantali	*World Congress of Accountants (WCOA) 2014, Italy*	10 - 13 Nov 2014
12.	Zulkifli bin Zahar Dr. Shahril bin Baharim Rosnani binti Mohamad @ Ahmad	*Study Visit to The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Institute of Chartered Accountants of Scotland and Royal Botanic Garden, Scotland*	17 - 21 Nov 2014
13.	Siti Nor Aina binti Norsaripuddin Norazlina binti Zakaria Rohanis binti Omar	*Asia Confederation of Institute of Internal Auditors 2014, Indonesia*	23 - 25 Nov 2014
14.	Dato' Hawazain binti Haji Saari Noraini binti Alias Siti Alawiyah binti Abdullah Shukor	*Managing People Through Change: Attitudes and Behaviour, United Kingdom*	1 - 5 Dis 2014
15.	Vijaya Kumar a/l Govindasamy	*Implementing Talent Management, Leadership Development And Succession Planning, United Kingdom*	1 - 5 Dis 2014
16.	Devantri Kaur a/p Santa Singh Loh Siow Hui Nor Yati binti Ahmad	*Consultancy In Public Sector: A Foundation In Essential Consultancy Skills, United Kingdom*	1 - 5 Dis 2014
17.	Mohamed Azmi bin Ali Noorlida binti Mohd Khalid D. Joyce Christina Dharmaraj	*Institutional Development For Senior Executives, United Kingdom*	8 - 12 Dis 2014
18.	Dato' Che Pee bin Samsudin Dr. Yacob bin Mustafa Khairuddin bin A. Mulok	*Lawatan Kerja Kajian Pelaporan Perakaunan Akruan di Kementerian Ekonomi dan Kewangan Kerajaan, Perancis dan Italy*	9 - 13 Dis 2014
19.	Dr. Yacob bin Mustafa Maslina binti Kamarudin Nor Fadhilah binti Ibrahim	*Lawatan Kerja Kajian Pelaporan Perakaunan Akruan di Kementerian Kewangan United Kingdom dan Canada*	16 - 24 Dis 2014

KURSUS SWASTA DALAM NEGERI

Bagi kursus swasta dalam negeri pula, seramai 245 peserta telah menghadiri sebanyak 28 kursus yang meliputi pengetahuan am, pentadbiran dan juga melibatkan bidang tugas masing-masing. Senarai kursus swasta adalah seperti berikut:

Bil.	Kursus	Tarikh	Peserta
1.	*Mastering FRS on Financial Instruments & Accounting for Financial Instruments – Financial Assets & Liabilities*	28 Jan - 1 Feb 2012	1
2.	Kursus *Certified Professional for Requirements Engineering - Foundation Level (CPRE-FL)* beserta peperiksaan	18 - 22 Feb 2014	1
3.	Kursus *Certified Tester : Foundation Level (CTFL)* beserta peperiksaan	17 - 21 Feb 2014 24 - 28 Mac 2014 7 - 11 Apr 2014 8 - 12 Sept 2014	10
4.	*Workshop on Predictive Modelling and Decision Making for Non-Statisticians*	19 - 21 Feb 2014	2
5.	*Seminar on Transition to Revised Information Security Management System Standard ISO 27001:2003*	12 Mac 2014	3
6.	Teknik Pengendalian Kamera Video Berbilang	12 - 13 Mac 2014	1
7.	Corporate Directors Advanced Program 2014	12 - 13 Mac 2014	1
8.	Kursus *Certified Tester : Advanced Level (CTAL)* beserta peperiksaan	17 - 21 Mac 2014 28 Mac 2014	6
9.	Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan ke-6	17 - 18 Mac 2014	2
10.	*Information Security Management System (ISMS) Auditor/ Lead Auditor*	24 - 28 Mac 2014	3
11.	*Information Security Management System (ISMS)- Transition Training*	3 - 4 Apr 2014	2
12.	*Detecting, Preventing & Reporting Financial Irregularities & Fraud*	10 Apr 2014	1
13.	*Professional Business Continuity Management Certification Course*	21 - 25 Apr 2014	1
14.	Suntingan Video NLE	23 - 25 Apr 2014	2

15.	*Certified Network Engineering in IPV6*	12, 14 - 16 Mei 2014	9
16.	*Fotografi Digital Event Shooting*	2 - 5 Jun 2014	1
17.	*Information Security Management System (ISMS) Auditor/ Lead Auditor*	9 - 13 Jun 2014	1
18.	Strategi Lautan Biru Dalam Tadbir Urus Organisasi	24 - 26 Jun 2014	2
19.	Pelaksanaan TNA Secara Sistematik & Pembangunan Latihan Berimpak Tinggi	2 - 4 Sept 2014	2
20.	*Effective Influencing Skills in Dealing With Difficult People And Situation*	10 - 11 Sept 2014	1
21.	*Persidangan SOFTEC 2014*	10 - 11 Sept 2014	4
22.	Seminar Inovasi Sektor Awam	22 - 23 Sept 2014	4
23.	Bengkel Pembangunan Training Roadmap, Penetapan Latihan Pembangunan dan Kerjaya Kakitangan, SME dan Pelan Penggantian	27 - 28 Okt 2014	2
24.	*Pre-Conference Seminar: Public Sector Financial Management – Global Best Practice*	3 Nov 2014	58
25.	*MIA Conference 2014*	4 - 5 Nov 2014	117
26.	*Leading For Innovation Creating The Public Sector of The future*	20 Nov 2014	1
27.	*Adobe Photoshop (Intermediate Level)*	26 - 28 Nov 2014	5
28.	*Joomla 3.3 - IT*	1 - 5 Dis 2014	2

PELAN LATIHAN *(TRAINING ROADMAP)*

Akauntan Negara Malaysia selaku Ketua Perkhidmatan melaksanakan Pelan latihan (*Training Roadmap*) bertujuan mempertingkatkan profesionalisma dan kompetensi Akauntan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 11 kursus yang melibatkan penyertaan seramai 251 pegawai Gred W54 - W41 telah dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Kursus	Tarikh	Peserta (Gred W54 – W41)
1.	*Financial Risk Management*	5 - 6 Feb 2014 21 - 22 Mei 2014 19 - 20 Nov 2014	65
2.	*Financial Analysis*	19 - 20 Feb 2014 18 - 19 Jun 2014 15 - 16 Okt 2014	69
3.	*Activity Based Costing (ABC)*	5 - 6 Mac 2014 25 - 26 Jun 2014 10 - 11 Sep 2014	73
4.	*Budgeting, Forecasting and Cash Flow Management*	2 Apr 2014 24 - 25 Sep 2014	44

PERSIDANGAN MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS (MIA) 2014

Malaysia Institute Of Accountants (MIA) telah menganjurkan Persidangan MIA 2014 pada 4 dan 5 November 2014 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Persidangan kali ini bertemakan *"Powering the Economy, Leading With Dynamism"* telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 2,500 delegasi termasuk delegasi daripada jabatan ini seramai 117 peserta. Bersesuaian dengan tema, persidangan 2014 bertumpu mengenai potensi para akauntan abad ke-21 ini untuk menjadi pemimpin yang berwibawa dan memberi usaha sama sebagai rakan perniagaan dan penasihat yang mampu mempengaruhi perkembangan positif ekonomi negara ke arah yang lebih positif dan berdaya saing.

YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman, Akauntan Negara Malaysia telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel bagi membincangkan tajuk "*Public Sector Financial Management - Expectations Redefined!"* bersama-sama dengan Datuk Nur Jazlan Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) dan dua ahli panel lain pada sesi *Concurrent*. Sesi ini telah berjaya menarik perhatian para delegasi memandangkan Malaysia akan melaksanakan Perakaunan Akruan di Sektor Awam bermula tahun 2015.

KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA (WCOA) 2014

International Federation of Accountants (IFAC) telah menganjurkan Kongres Akauntan Sedunia (WCOA) 2014 pada 10 hingga 13 November 2014 bertempat di Auditorium Parco Della Musica, Rom, Italy. Kongres bertaraf antarabangsa ini diadakan sekali setiap empat tahun dan pada tahun 2014, ia merupakan kongres kali ke-8. Persidangan yang bertemakan *"Learning From The Past, Building The Future"* telah dihadiri oleh seramai 3,956 delegasi dari seluruh dunia. Jabatan Akauntan Negara telah menghantar seramai 11 peserta yang diketuai oleh YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) bagi mengikuti persidangan ini.

Antara objektif WCOA 2014 ialah sebagai platform pertemuan akauntan seluruh dunia untuk bersama-sama terlibat dalam percambahan idea dan perkongsian maklumat serta *trend* terkini aspek perakaunan. Ia juga memberi pendedahan kepada peserta tentang dasar amalan terbaik bagi pengurusan kewangan dan perakaunan di peringkat antarabangsa bagi penambahbaikan pelaksanaan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

LAWATAN DELEGASI KE LUAR NEGARA

NAZIRAN PANJAR TIGA PER DUA BELAS (3/12)

Unit Pengurusan Panjar telah melaksanakan dua naziran Panjar 3/12 sepanjang tahun 2014. Naziran Panjar 3/12 dilaksanakan bagi memantau pengurusan panjar di luar negara di samping mengkaji semula had apungan panjar selaras dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negara (SPLN).

Naziran telah dilaksanakan ke Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia pada 19 Ogos 2014 dan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura pada 18 September 2014.





Naziran Panjar 3/12 di Jakarta, Indonesia dan Singapura

LAWATAN KAJIAN PELAPORAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN PERINGKAT KEMENTERIAN / PEGAWAI PENGAWAL

Dalam tahun 2014, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) telah mengadakan dua siri lawatan bagi mengkaji kaedah pelaporan Penyata Prestasi Kewangan di bawah asas akruan di peringkat Kementerian/Pegawai Pengawal di negara-negara maju. Fokus utama lawatan adalah mencari amalan terbaik di negara-negara yang dilawati untuk diadaptasi pelaksanaannya di Malaysia. Negara-negara yang dilawati adalah Australia, New Zealand, Itali dan United Kingdom.

Lawatan ke Australia dan New Zealand telah diadakan pada 20 hingga 26 Oktober 2014 yang diketuai oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Pengarah Seksyen Perakaunan Persekutuan BPOPA dan dianggotai oleh oleh Puan Maslina binti Kamaruddin (Ketua Penolong Pengarah Kanan BPOPA) dan Cik Nor Fadhilah bt Ibrahim (Ketua Penolong Pengarah Kanan PPPA). Beberapa siri perbincangan telah diadakan sepanjang lawatan tersebut melibatkan pelbagai pihak. Sesi perbincangan di Australia diselaraskan oleh Australian Department of Finance melalui penglibatan pihak dari Central Budget Management, Government Financial Statistics dan Office of Public Advocate. Di New Zealand, penyelarasan pembentangan dan perbincangan adalah dengan bantuan The Treasury of New Zealand di samping lawatan perbincangan di New Zealand Inland Revenue Department dan Office of Auditor General New Zealand.



Lawatan Kajian Pelaporan Penyata Prestasi Kewangan Peringkat Kementerian / Pegawai Pengawal di Australia dan New Zealand

Lawatan kajian ke Itali pula telah dijalankan pada 10 dan 11 Disember 2014, diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Che' Pee bin Samsudin, Pengarah BPOPA dan dianggotai oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Pengarah Seksyen Perakaunan Persekutuan BPOPA dan En. Mohd. Khairuddin bin A. Mulok, Ketua Penolong Pengarah BPOPA.

Lawatan di United Kingdom pula diadakan pada 14 hingga 16 Disember 2014 diketuai oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Pengarah Seksyen Perakaunan Persekutuan BPOPA dan dianggotai juga oleh Puan Maslina binti Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan BPOPA dan Cik Nor Fadhilah binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah Kanan PPPA.

Kedua-dua lawatan ini melibatkan sesi pembentangan dan perbincangan. Sesi di Itali diselaraskan oleh Italian Ministry of Economy and Finance. Penyelarasan sesi pembentangan dan perbincangan di United Kingdom dibantu oleh Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (CIPFA) melibatkan sesi bersama CIPFA, HM Treasury UK, HM Revenue and Customs UK dan Ministry of Justice UK.

Sepanjang lawatan diadakan, para delegasi telah mengambil peluang untuk mendapatkan pelbagai maklumat berhubung cabaran dan pemantapan strategi dalam transformasi kepada perakaunan akruan berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakannya. Antara perkara yang menjadi fokus perbincangan adalah:

- Struktur Pelaporan Kewangan di Peringkat Pusat, Jabatan Kerajaan dan Jabatan Bukan Kementerian
- Pelaporan Perbelanjaan, Sumber Hasil, Peruntukan Tahunan dan Akaun Amanah
- Pengurusan Aliran Tunai di antara Perbendaharaan dan Kementerian
- Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan
- Pelaporan Kewangan dari Perspektif Kementerian
- Perspektif Audit berhubung Struktur Laporan Kewangan peringkat Jabatan / Agensi

Hasil lawatan kajian ini telah dibentangkan dan dibincangkan bersama semua Ketua Akauntan Kementerian dan pegawai-pegawai dari Bahagian-bahagian di Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam Seminar Hasil Kajian Penyata Prestasi Kewangan Akruan Peringkat Kementerian / Pegawai Pengawal pada 16 Januari 2015.





Lawatan Kajian Pelaporan Penyata Prestasi Kewangan Peringkat Kementerian / Pegawai Pengawal di Itali





Lawatan Kajian Pelaporan Penyata Prestasi Kewangan Peringkat Kementerian / Pegawai Pengawal di United Kingdom

LAWATAN KERJA KE UNITED KINGDOM

Pada 21 hingga 24 November 2014, seramai tiga pegawai kanan Institut Perakaunan Negara telah melakukan lawatan kerja ke Scotland, United Kingdom. Pegawai-pegawai yang terlibat adalah Encik Mohd. Zulkifli Zahar, Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Shahril Baharim, Pegawai Kanan IPN CPD dan Cik Rosnani Mohamad @ Ahmad, Ketua Porgram Perakaunan. Tujuan lawatan ini dianjurkan adalah untuk mempelajari operasi dan fungsi badan-badan profesional perakaunan di United Kingdom untuk membangunkan amalan dan profesion perakaunan.

Selain itu, lawatan ini juga penting bagi meneroka bentuk dan peluang kerjasama dalam bidang latihan dan pendidikan profesional untuk menyokong agenda transformasi perakaunan akruan JANM di samping mendapatkan input bagi membangunkan kerangka kerja pengukuran keberhasilan dan pelaporan prestasi IPN.

Salah satu inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik IPN 2012-2016 adalah mengadakan usahasama strategik dengan badan-badan profesional dari dalam dan luar negara dalam bidang latihan, pendidikan dan penyelidikan perakaunan. Inisiatif ini adalah penting bagi mencapai dua bidang keberhasilan utama IPN iaitu amalan terbaik perakaunan dan kewangan sektor awam dan pembangunan profesion perakaunan sektor awam.

Seperti yang diketahui, inisiatif strategik berkaitan program keahlian dalam badan profesional telah dilaksanakan oleh IPN sejak tahun 2012 lagi. Sehubungan itu, lawatan ke pejabat operasi di ACCA di Glasgow dan ICAS di Edinburgh adalah bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai IPN tentang operasi dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua badan ini dalam membangunkan profesion perakaunan di United Kingdom. Pendedahan ini penting bagi IPN merangka program pembangunan yang lebih khusus untuk tempoh jangka panjang. Lawatan ini juga turut memberi ruang untuk perbincangan dengan pihak ACCA bagi melicinkan proses penilaian calon-calon ACCA JANM khususnya yang berkaitan dengan pengecualian subjek dan peperiksaan.

Lawatan ke Royal Botanic Garden di Edinburgh adalah bertujuan mempelajari daripada agensi terbabit berhubung kaedah atau cara melaksanakan model *outcome-besed budgeting* di sektor awam untuk mengukur dan melaporkan prestasi. Pendedahan ini penting kepada IPN khususnya untuk input bagi membangunkan kerangka kerja mengukur keberhasilan dan prestasi yang menyeluruh untuk IPN.



Perjumpaan bersama *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) di Glasgow, Scotland



Perjumpaan dengan pegawai dari *Institute of Chartered Accountants of Scotland*



Perjumpaan dan perbincangan bersama Pengarah Royal Botanic Garden di Edinburgh, Scotland

PENCAPAIAN HRMIS JANM

JANM telah berjaya mengekalkan pencapaian *Significantly Exceed Target* (ST) dalam pencapaian KPI HRMIS bagi tahun 2013. Penyampaian sijil penganugerahan bagi pencapaian tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kepada mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) iaitu Dato' Rosini binti Abd. Samad pada 29 September 2014 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS dan Perasmian Program *HRMIS User Group Summit (HUGS)* bertempat di Hotel Equatorial, Melaka. Kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya daripada semua warga JANM sekali lagi telah dapat mengekalkan pencapaian pelaksanaan HRMIS seperti mana yang diperolehi pada tahun 2011 dan 2012.



Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Sijil Penghargaan

Dengan Sukacitanya Jabatan Ini Mengucapkan
Setinggi-Tinggi Tahniah Kepada

Jabatan Akauntan Negara

Atas Pencapaian

Sangat Melepasi Sasaran
(Significantly Exceed Target - ST)
Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
HRMIS Tahun 2013

TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Sijil Pencapaian KPI HRMIS JANM Tahun 2013

BENGKEL KERJA PEMURNIAN DATA HRMIS JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

JANM telah mula aktif melaksanakan HRMIS dan menggunapakai modul-modul HRMIS sejak Tahun 2007. Berdasarkan status pengemaskinian data HRMIS sehingga 27 Februari 2014, jumlah pengisian pemilik kompetensi (pegawai) yang direkodkan di dalam HRMIS adalah berjumlah 2,588 yang merangkumi pegawai perkhidmatan perakaunan dan pegawai bukan perakaunan di bawah Akauntan Negara Malaysia sebagai Ketua Jabatan.

Beberapa program dan aktiviti anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan bertujuan untuk memastikan ketepatan elemen-elemen data yang dikemaskini di dalam HRMIS adalah berintegriti, sahih dan boleh dipercayai agar pengeluaran laporan melalui sumber data HRMIS adalah lebih tepat. Susulan daripada kepentingan itu juga, JANM turut melaksanakan aktiviti penyemakan di peringkat JANM dengan melibatkan pejabat Negeri dan Cawangan JANM sebagai satu usaha dan strategi dalam memastikan ketepatan data di samping mengurangkan tahap kesilapan pengemaskinian dan kemasukkan data.

Bengkel Kerja Pemurnian Data HRMIS JANM telah diadakan sebanyak dua sesi iaitu pada 28 hingga 30 Mei 2014 di Bilik Latihan HRMIS Kementerian Kewangan dan kumpulan peserta yang terlibat adalah seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada pentadbir HRMIS pejabat JANM. Manakala seramai 35 orang peserta juga pentadbir daripada pejabat JANM telah menyertai sesi ke-2 yang telah diadakan pada 23 hingga 25 September 2014 di Bilik Latihan Komputer Jabatan KASTAM Putrajaya.

Pengendalian bengkel kerja telah dijalankan selama tiga hari oleh Unit HRMIS JANM. Pelaksanaan aktiviti pemurniaan data ini dijalankan secara *hands-on* di mana setiap peserta perlu membuat semakan data dan pengemaskinian dilakukan terus secara atas talian di dalam sistem HRMIS.



Peserta Bengkel Pemurnian Data HRMIS Sesi 1



Peserta Bengkel Pemurnian Data HRMIS Sesi 2



Aktiviti semakan dilaksanakan secara *hands-on*

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Akauntan Negara Malaysia dan ahli-ahli mesyuarat adalah terdiri daripada wakil pihak pengurusan iaitu Pengurusan Tertinggi JANM dan wakil pihak pekerja. Wakil pihak pekerja bagi MBJ JANM adalah mewakili semua skim perkhidmatan yang ada di JANM.

Objektif MBJ JANM ditubuhkan adalah selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai salah sebuah medium dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan di antara pihak pengurusan dan pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kepentingan pekerja-pekerja di JANM di samping bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja.

Pada tahun 2014, MBJ JANM telah bersidang sebanyak 4 kali. Maklumat persidangan adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Lokasi
1	11 Mac 2014	Ibu Pejabat JANM Putrajaya
2	23 Mei 2014	Ibu Pejabat JANM Putrajaya
3	5 Sept 2014	Langkawi, Kedah
4	11 Nov 2014	Ibu Pejabat JANM Putrajaya

Semua isu yang dibangkitkan oleh pihak pekerja telah berjaya dibincang dan diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 13.

Jadual 13: **Peratus Penyelesaian Isu MBJ JANM 2014**

Jumlah Isu Dibangkitkan	Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan	Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Selesai Tahun 2015)	% Penyelesaian Isu
51	48	3	94.11



KE ARAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Pelaksanaan Perakaunan Akruan selaras dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan. Sepanjang tahun 2014, pelbagai aktiviti berkaitan dengan penyediaan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan telah dirancang dan dilaksanakan seperti berikut:

POLISI DAN PIAWAIAN

i. Penggubalan MPSAS

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 10 *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) telah diperaku oleh *Government Accounting Standards Advisory Committee* (GASAC) seperti berikut:

Jadual 14 : **Senarai MPSAS Yang Telah Diperaku Oleh GASAC**

Bil.	MPSAS	Tajuk
1.	MPSAS 17	*Property, Plant and Equipment (amended)*
2.	MPSAS 29	*Financial Instrument: Recognition and Measurement*
3.	MPSAS 30	*Financial Instrument: Disclosure*
4.	MPSAS 27	*Agriculture*
5.	MPSAS 11	*Construction Contract*
6.	MPSAS 18	*Segment Reporting*
7.	MPSAS 20	*Related Party Disclosures*
8.	MPSAS 22	*Disclosure of Financial Information About the General Government Sector*
9.	MPSAS 5	*Borrowing Cost*
10.	MPSAS 32	*Service Concession Arrangements: Grantor*

ii. Manual Perakaunan Akruan (MPA)

Manual Perakaunan Akruan akan digunakan sebagai garis panduan perakaunan akruan dalam persekitaran sektor awam. Satu lab yang disertai akauntan dari dalam dan luar JANM telah diadakan pada 12 hingga 14 Februari 2014 bertujuan untuk memuktamadkan manual perakaunan akruan.

iii. Taklimat Pindaan Akta Tatacara Kewangan 1957 serta pindaan akta susulan kepada BN Backbenchers (BNBBC)

Taklimat ini bertujuan memaklumkan ahli parlimen BN Backbenchers bagi Rang Undang-undang (RUU) yang akan dibentangkan. Taklimat disampaikan oleh YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman, Akauntan Negara Malaysia pada 7 Oktober 2014.

iv. Taklimat Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Malaysia kepada delegasi dari Negara luar

Sepanjang tahun 2014, JANM telah menerima kunjungan delegasi dari empat negara seperti berikut bagi berkongsi pengalaman dalam perakaunan akruan.

Jadual 15 : **Senarai Lawatan Delegasi Luar Negara**

Bil.	Lawatan	Tarikh
1.	Delegasi Nigeria	29 Apr 2014
2.	Delegasi Republic Maldives	23 Mei 2014
3.	Delegasi Vietnam	27 Nov 2014
4.	Delegasi Mongolia	9 Dis 2014

PROGRAM LATIHAN DAN PROMOSI PERAKAUNAN AKRUAN

Pelbagai program dan latihan pelaksanaan akruan telah dijalankan sepanjang tahun 2014. Antara program yang dilaksanakan adalah Bengkel Pelan Latihan 1GFMAS, Perjumpaan Bersama *Trainers* 1GFMAS, Kursus Pemahaman MPSAS dan sebagainya. Program yang dilaksanakan melibatkan *Trainers* yang dilantik, warga JANM, Kementerian dan Jabatan.

i. Bengkel Pelan Latihan 1GFMAS

Bengkel ini dilaksanakan bagi menyediakan pelan dan strategi pelaksanaan latihan 1GFMAS kepada *Trainers* (TTT) dan *Expert End User* (EU). Bengkel turut bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkenaan konsep dan modul 1GFMAS. Bengkel ini telah berlangsung pada 16 hingga 19 Februari 2014 dan disertai oleh 40 orang *Core Trainers* Kementerian dan JANM Negeri terpilih.

ii. Sesi *Townhall* Bersama YBhg. Datuk ANM Selaras Dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Sesi ini telah diadakan pada 28 Februari 2014 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Sesi ini merupakan *platform* bagi Ketua Akauntan Kementerian untuk memberikan cadangan dan komen, mengemukakan isu dan cabaran serta berkongsi amalan terbaik pelaksanaan perakaunan akruan di Kementerian masing-masing. Semua Ketua Akauntan di 24 kementerian telah dijemput untuk menghadiri sesi yang diadakan secara tertutup ini.

iii. Lawatan *International Monetary Fund (IMF)*

Sepanjang tahun 2014, PPPA telah menerima kunjungan dari *International Monetary Fund (IMF)* seperti berikut:

Bil.	Program	Tarikh	Tujuan
1.	Lawatan *International Monetary Fund (IMF)* – Pengurusan Perubahan	25 Feb hingga 10 Mac 2014	Membantu mendapatkan maklumbalas keterlibatan dan komitmen *stakeholder* dalam pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan
2.	Lawatan *International Monetary Fund (IMF)* – Implikasi Perakaunan Akruan Ke Atas Defisit Fiskal Negara	23 Apr hingga 14 Mei 2014	Membantu JANM dan Kementerian Kewangan memahami dengan lebih baik tentang implikasi perakaunan akruan dalam pelaporan defisit fiskal Negara.
3.	Lawatan *International Monetary Fund (IMF)* – Kawalan Dalaman Perakaunan Akruan	14 hingga 28 Okt 2014	Memberi bantuan teknikal kajian semula kawalan dalam sedia ada dan cadangan penambahbaikan sebelum pelaksanaan perakaunan akruan oleh Kerajaan Persekutuan

iv. Kertas Pembentangan 'Persediaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan' di Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas Bil.7 Tahun 2014

JANM telah membentangkan status pelaksanaan perakaunan akruan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 12 Mac 2014.

v. Seminar *Thought Leadership 'The Time Is Now: Understanding and Embedding Accounting in The Malaysian Public Sector'*

Seminar ini diadakan pada 15 April 2014 bertempat di Hotel Pullman, Putrajaya bagi mendapatkan sokongan dan komitmen dari kepimpinan tertinggi dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Seminar ini turut mendapatkan perkongsian amalan terbaik negara luar dalam pelaksanaan perakaunan akruan. Seminar ini dihadiri oleh KSN, KSU, TKSU, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Setiausaha Bahagian Kewangan dan Ketua Akauntan.

vi. Perjumpaan Bersama *Trainers* 1GFMAS

Berikut adalah sesi perjumpaan bersama *trainers* yang telah diadakan sepanjang tahun 2014:

Jadual 16 : **Perjumpaan Bersama *Trainers***

Bil.	Program	Tarikh/Tempat	Tujuan
1.	Perjumpaan Bersama *Trainers* 1GFMAS (Siri 1 – 10)	21 Apr hingga 28 Mei 2014 (di Seluruh Malaysia mengikut zon)	- Memberi pendedahan berkenaan modul dan proses dalam 1GFMAS; - Memberi penerangan tentang strategi latihan 1GFMAS kepada TTT dan EEU; dan - Memberi pemahaman berkaitan Polisi Perakaunan Akruan. - Melibatkan *Trainers* di 24 Kementerian dan 24 JANM Negeri/ Cawangan
2.	Perjumpaan Bersama *Core Trainers* 1GFMAS: Strategi *Dry Run* 2015	19 hingga 21 Dis 2014 (KSL Resort, Johor Bahru, Johor)	- Bertujuan untuk memaklumkan kepada *Core Trainers* 1GFMAS berkaitan strategi *Dry Run* 2015 serta membentangkan pendekatan latihan dan aktiviti pengurusan perubahan yang akan dijalankan pada tahun 2015. - Seramai 85 orang peserta daripada 24 Kementerian dan 24 JANM Negeri/ Cawangan telah hadir ke program perjumpaan tersebut.

vii. Latihan Manual Perakaunan Akruan

Latihan Penggunaan Manual Perakaunan Akruan diadakan bagi memberi pengetahuan dan pemahaman berkenaan Manual Perakaunan Akruan yang telah dikeluarkan. Kumpulan sasar adalah pegawai gred W48 ke atas dengan diberi keutamaan kepada *Trainers* Perakaunan Akruan dan keseluruhan siri ini melibatkan seramai 240 orang.

Jadual 17 : **Latihan Manual Perakaunan Akruan**

Bil.	Program Latihan	Tarikh	Tempat
1.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 1	28 - 30 Mei 2014	IPN CPD Cyberjaya
2.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 2	3 - 5 Jun 2014	Dewan MOF
3.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 3	3 - 5 Jun 2014	Dewan KKLW
4.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 4	11 - 13 Jun 2014	Melaka
5.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 5	10 - 12 Jun	Sarawak
6.	Latihan Manual Perakaunan Akruan - Siri 6	23 - 25 Jun 2014	Kelantan

viii. Kursus *Chief Financial Officer* (CFO)

Kursus CFO ini diadakan bagi memantapkan peranan Ketua Akauntan dan Pengarah JANM sebagai CFO yang akan menjadi penasihat kewangan berdasarkan kepada maklumat yang betul dan tepat dalam Penyata Kewangan bagi membantu pengurusan atasan membuat keputusan. Latihan ini melibatkan Ketua Akauntan dan Pengarah serta pegawai gred W52 dan W54. Seramai 80 orang telah menyertai latihan ini.

Jadual 18 : **Kursus *Chief Financial* Officer (CFO)**

Bil.	Program Latihan	Tarikh	Lokasi
1.	Kursus *Chief Financial Officer* - Siri 1	9 Jun 2014	IPN CPD Cyberjaya
2.	Kursus *Chief Financial Officer* - Siri 2	20 Jun 2014	IPN CPD Cyberjaya

ix. Taklimat di Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2014

Taklimat telah diadakan pada 11 Jun 2014 bertujuan memaklumkan kepada ahli mesyuarat yang terdiri oleh semua KSU dan Ketua Perkhidmatan mengenai status pelaksanaan perakaunan akruan.

x. Kursus Pemahaman MPSAS

a. Kursus Pemahaman MPSAS kepada *Trainers* telah diadakan seperti berikut:

Jadual 19 : **Kursus MPSAS Kepada *Trainers***

Bil.	Program Latihan	Tarikh	Lokasi	Bil. Peserta
1.	Kursus Perakaunan Hasil dan Aset - Siri 1 (Zon Tengah)	19 dan 20 Jun 2014	IPN CPD Cyberjaya	30 orang
2.	Kursus Perakaunan Hasil dan Aset - Siri 2 (Zon Sabah)	11dan 12 Ogos 2014	Sabah Oriental Hotel	70 orang
3.	Kursus Perakaunan Hasil dan Aset - Siri 3 (Zon Sarawak)	11 dan 12 Ogos 2014	Grand Continental Kuching, Sarawak	70 orang

b. Kursus Pemahaman MPSAS kepada warga PPPA

Kursus Pemahaman MPSAS kepada warga PPPA telah diadakan pada 9 dan 10 Disember 2014 bertempat di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC). Kursus ini telah dihadiri oleh pegawai perakaunan PPPA seramai 35 orang. Kursus MPSAS ini adalah berkaitan aset, *instrument* kewangan, *provision*, *contingent liabilities* dan *contingent asset*.

xi. Kursus Carta Akaun Akruan Dan Dokumen Kewangan 1GFMAS

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman kepada *Trainers* 1GFMAS berkaitan Carta Akaun Akruan serta memberi pendedahan awal mengenai dokumen kewangan yang akan digunakan dalam 1GFMAS.

Jadual 20 : **Kursus Carta Akaun Akruan Dan Dokumen Kewangan 1GFMAS**

Bil.	Program Latihan	Tarikh	Lokasi	Bil. Peserta
1.	Kursus Carta Akaun Akruan dan Dokumen Kewangan 1GFMAS (Zon Tengah)	17 dan 18 Jul 2014	Dewan Serbaguna Aras 7, JANM Putrajaya	100 orang
2.	Kursus Carta Akaun Akruan dan Dokumen Kewangan 1GFMAS (Zon Sabah)	11 dan 12 Ogos 2014	Sabah Oriental Hotel	70 orang
3.	Kursus Carta Akaun Akruan dan Dokumen Kewangan 1GFMAS (Zon Sarawak)	11 dan 12 Ogos 2014	Grand Continental Kuching, Sarawak	70 orang

xii. Lawatan ke *United Nations Development Programme (UNDP), Global Shared Services Centre (GSSC)*

Lawatan ini telah diadakan pada 12 Ogos 2014 bertempat di Cyberjaya bertujuan mendapatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai peranan UNDP sebagai *Shared Service Centre* yang mengendalikan transaksi perakaunan berkaitan aset bagi 177 buah negara.

xiii. Sesi Bersama KSP : Mesyuarat Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Setiausaha Kementerian

Mesyuarat diadakan bagi membincangkan cabaran, isu atau pandangan dalam pelaksanaan perakaunan akruan yang dihadapi oleh kementerian masing-masing. Mesyuarat yang berlangsung pada 15 Ogos 2014 di Bilik Gerakan, JANM telah dihadiri oleh KSU, TKSU dan Ketua Akauntan Kementerian.

xiv. Latihan 1GFMAS kepada *Trainers* (TTT)

Latihan 1GFMAS kepada TTT telah berlangsung pada 18 Ogos hingga 5 November 2014. Latihan ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dari aspek penggunaan sistem 1GFMAS kepada *Trainers* sebelum mereka memberi latihan kepada pengguna di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Seramai 1,077 *trainers* dari pelbagai Jabatan dan Kementerian telah mengikuti latihan yang dibahagikan kepada tiga modul utama sistem iaitu modul *Financial and Controlling* (FICO), modul *Material Management* (MM) dan modul *Human Capital Management (*HCM).

xv. Workshop Transition To Accrual Accounting – UK Government Experience

Workshop ini telah diadakan pada 7 hingga 10 Oktober 2014 dan dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah dari CIPFA iaitu Ian Carruthers, David Keith Watkins dan Vicki Genrich. Seramai 55 pegawai telah menyertai *workshop* ini termasuk Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian dan JANM Negeri serta Ketua Akauntan Kementerian.

PROSES DAN TEKNOLOGI

Berikut adalah aktiviti berkaitan proses dan teknologi yang telah dijalankan dalam pembangunan 1GFMAS sepanjang tahun 2014:

Jadual 21 : **Proses Pengumpulan Dan Migrasi Data 1GFMAS**

Bil.	Perkara
i.	**Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti** • Pelaporan Prestasi Pengumpulan Data Baki Awal Aset Projek Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan untuk 24 Kementerian dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian secara bulanan sepanjang tempoh 2014 ini.
ii.	**Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti** • Mesyuarat dengan Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi membincangkan isu-isu verifikasi data dan *Standard Operating Procedures (SOP)* Verifikasi Data. • Data-data yang telah diverifikasi oleh UAD akan dimigrasikan ke 1GFMAS.

Bil.	Perkara
iii.	**Migrasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti** • Aktiviti migrasi data baki awal aset dan liabiliti (*Mock Run* 1 dan 2) telah dijalankan melibatkan data daripada Kementerian dan Jabatan Akauntan Negara Ibu Pejabat/ Negeri/ Cawangan. • Persediaan bagi aktiviti *Mock Run* 3 bagi data sehingga pada 31 Disember 2014 sedang giat dilaksanakan.

Jadual 22 : **Pembangunan 1GFMAS**


Bil.	Perkara
i.	**Penyediaan Dokumen Kewangan 1GFMAS** • Bengkel ini telah diadakan pada Februari hingga Mac 2014 • Bertujuan untuk memuktamadkan format baru dokumen kewangan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan sistem 1GFMAS.
ii.	**Penyeragaman Skrin Input 1GFMAS** • Beberapa siri pembentangan telah diadakan pada April hingga Mei 2014 • Tujuan pembentangan adalah untuk menyeragamkan skrin *input* di Portal 1GFMAS bagi semua modul yang terlibat
iii.	**Perbincangan dan Semakan *Functional Specification* 1GFMAS** • Beberapa siri perbincangan dan semakan dokumen *Functional Specification* telah diadakan sepanjang Januari hingga Disember 2014
iv.	**Integrasi Sistem 1GFMAS Dengan Sistem Luar** • Telah diadakan bersama agensi-agensi Kerajaan dan bank-bank komersial yang terlibat dalam integrasi dengan sistem 1GFMAS sepanjang Januari hingga Disember 2014
v.	***User Acceptance Test (UAT) bagi Parcel 1*** • Sesi UAT ini melibatkan wakil pengguna yang terpilih daripada pelbagai Bahagian/ Kementerian. • Pengujian diadakan sepanjang bulan Jun hingga Oktober 2014
vi.	**Sesi Semakan Dan Pengesahan Dokumen Bagi Manual Untuk *Trainers* 1GFMAS** • Beberapa siri semakan dan pengesahan dokumen manual latihan 1GFMAS bagi modul-modul yang terlibat dalam *Parcel* 1 telah diadakan pada bulan Ogos 2014
vii.	**Pengujian Integrasi 1GFMAS Dengan Bank-bank Komersial** • Pengujian integrasi dengan pihak bank telah diadakan di Bilik Latihan 1 dan Bilik Latihan Kontigensi, Aras 6, JANM sepanjang Oktober hingga November 2014. • Objektif pengujian adalah untuk memastikan sistem bank dapat berintegrasi dengan 1GFMAS berdasarkan format yang telah dimuktamadkan.
viii.	**Lab *Brainstorming* Strategi Halatuju Pelaksanaan *Dry Run* Projek Perakaunan Akruan 1GFMAS** • Lab ini telah diadakan pada 23 hingga 27 November 2014 bertempat di Hotel Ramada Plaza, Melaka • Seramai 58 peserta telah menyertai lab ini termasuk Pengurusan Tertinggi JANM, Pengarah Bahagian di JANM, Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah JANM Negeri.
ix.	**Latihan *SAP Test Acceleration and Optimization (SAPTAO)*** • Latihan SAPTAO ini diadakan di Makmal 1, Aras 4, JANM dan telah dihadiri oleh wakil dari setiap modul 1GFMAS. • SAPTAO akan digunakan semasa aktiviti *regression testing* dan *volume testing* semasa aktiviti *dry run* bagi sistem 1GFMAS.
x.	***Lab Brainstorming Dual Ledger* Bagi Pembangunan Sistem 1GFMAS** • Lab *Brainstorming Dual Ledger* Bagi Pembangunan Sistem 1GFMAS telah diadakan di Holiday Villa, Subang Jaya pada 14 hingga 17 Disember 2014. • Lab ini telah disertai seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada ketua-ketua modul BPTM dan *System Integrator* (SI) serta pegawai daripada bahagian lain yang terpilih. • Objektif lab adalah untuk memastikan perakaunan *dual ledger* dibuat ke atas kesemua senario *posting* bagi transaksi di semua modul 1GFMAS.



PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS (B10)

Pada tahun 2014, jumlah peruntukan vot mengurus yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM241.26 juta keseluruhan iaitu meningkat sebanyak 7.84% berbanding RM223.72 juta pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM208.31 juta diluluskan di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada, RM16.38 juta di bawah peruntukan *One-off*, RM13.11 juta di bawah peruntukan Dasar Baru dan sebanyak RM3.46 juta adalah di bawah Program Khusus. Pecahan peruntukan mengurus JANM adalah seperti di Carta 15.



Carta 15 : **Agihan Peruntukan Mengurus B.10 JANM Bagi Tahun 2014**


Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM241.26 juta, 93.19% iaitu RM224.84 juta telah dibelanjakan pada tahun 2014.

Prestasi perbelanjaan mengurus mengikut butiran bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 23.

Jadual 23 : **Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Bagi Tahun 2014**

Kod	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja
10000	Emolumen	108.00	105.43	97.62
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	127.77	113.97	89.20
30000	Aset	5.40	5.36	99.33
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.08	0.06	80.06
Jumlah Keseluruhan Perkhidmatan Perakaunan		**241.26**	**224.84**	**93.19**

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merupakan perbelanjaan terbesar JANM iaitu mewakili sebanyak 50.70% (RM113.97juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Lain-lain perbelanjaan iaitu perbelanjaan emolumen mewakili sebanyak 46.89% (RM105.43 juta), perbelanjaan aset mewakili 2.39% (RM5.36 juta), perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap mewakili 0.03 % (RM0.06juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan JANM. Ini digambarkan melalui carta 16 berikut:



Carta 16 : **Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Bagi Tahun 2013**

Prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014 berdasarkan kepada Program/Aktiviti JANM adalah seperti di Jadual 24.

Jadual 24: **Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program/Aktiviti JANM**


Kod Aktiviti	Program /Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
DASAR SEDIA ADA				
040100	Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan	40.31	38.29	95.00
040200	Pengurusan Wang Amanah Dan Sekuriti	9.59	8.37	87.33
040300	Pengurusan Teknologi Maklumat	41.37	40.60	98.14
040400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	88.55	84.17	95.06
040500	Pengurusan Operasi Pusat Dan Agensi	5.25	4.95	94.32
040600	Pengurusan Audit Dalam	9.62	9.05	94.00
040700	Institut Perakaunan Negara	13.63	10.21	74.94
Jumlah Dasar Sedia Ada		**208.31**	**195.64**	**93.92**
ONE-OFF				
101901	Ubahsuai Pejabat	1.00	1.00	100.00
110101	Harta Modal	1.00	0.96	96.36
110701	Penggantian Peralatan ICT	3.40	3.40	100.00
110901	Penubuhan GSSC	0.73	0.67	91.32
111101	Kursus Dan Latihan	0.25	0.02	6.20
111301	SRI Public Finance	10.00	9.35	93.48
Jumlah *One-off*		**16.38**	**15.39**	**93.98**

Kod Aktiviti	Program /Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
DASAR BARU				
100101	Sewaan Dan Penyelenggaraan	11.81	10.77	91.18
100601	Kos Perwataan Wang Tak Dituntut	0.50	-	0.00
100701	Institut Perakaunan Negara	0.80	0.51	64.23
	Jumlah Dasar Baru	**13.11**	**11.28**	**86.06**
PROGRAM KHUSUS				
090101	Bertugas Di Luar Negara	1.00	0.99	98.71
090200	Emolumen Kakitangan Kontrak	2.46	1.53	62.22
	Jumlah Program Khusus	**3.46**	**2.51**	**72.78**
	Jumlah Keseluruhan	**241.26**	**224.84**	**93.19**

Jadual 25 dan Carta 17 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot mengurus bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

Jadual 25 : **Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Mengurus Bagi Tahun 2012, 2013 Dan 2014**

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	2012 (RM juta)	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)
Peruntukan	204.399	223.722	241.26
Perbelanjaan	201.311	213.056	224.84
Prestasi Perbelanjaan	98.49%	95.23%	93.19%



Carta 17 : **Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Mengurus Bagi Tahun 2012, 2013 Dan 2014**

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (P10)

Bagi tahun kewangan 2014, peruntukan asal vot pembangunan yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM178.8 juta dan telah dipinda kepada RM170.33 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak

RM163.25 juta (95.84%) telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan JANM bagi tahun 2014 adalah seperti di Jadual 26.


Jadual 26 : **Prestasi Perbelanjaan Vot Pembangunan (P10) Tahun 2014 JANM**

Kod siri Projek	Nama Projek	Peruntukan Diluluskan (RM JUTA)	Perbelanjaan (RM)	%
0090000	Perluasan Pelaksanaan SAGA	9.51	8.67	91.05
0110000	Data Conversion & Migrasi Maklumat Wtd Dari Sistem Imejan Ke Sistem G-UMIS	4.11	3.33	80.94
Jumlah Projek Bagi Butiran 06000 - Pengkomputeran JAN		**13.63**	**11.99**	**88.00**
0040001	SRI – Pembangunan 1 AG System	156.70	151.25	96.52
Jumlah Projek Bagi Butiran 86000 – *Strategic Reform Initiative* (SRI)		156.70	151.25	96.52
Jumlah Keseluruhan		**170.33**	**163.25**	**95.84**

Jadual 27 dan Carta 18 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot pembangunan bagi tahun 2012, 2013 dan tahun 2014.

Jadual 27 : **Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2012, 2013 Dan Tahun 2014**

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	2012 (RM juta)	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)
Peruntukan Yang Diluluskan	16.726	71.495	170.33
Perbelanjaan	16.080	69.971	163.25
Prestasi Perbelanjaan	96.14%	97.87%	95.84%



Carta 18 : **Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2012, 2013 dan 2014**



PRESTASI BAHAGIAN

BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)

SEKSYEN AUDIT KEWANGAN

Unit Kawalan Hasil JTMS

Objektif unit ini adalah untuk menjalankan penyeliaan ke atas tatacara terimaan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri (JTMS) bagi memastikan terimaan hasil/amanah/lain-lain terimaan dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ianya juga bagi mengelakkan daripada berlakunya kehilangan wang awam akibat penipuan atau kecuaian.

Objektif

Penyemakan Penyata Akaun Terimaan (KKWT)
Menjalankan penyeliaan terhadap terimaan pejabat pemungut JTMS, KDRM dan JPJ bagi memastikan tatacara terimaan hasil dan lain-lain terimaan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan selaras dengan keperluan Arahan Perbendaharaan (AP) 138.

Skop Pengauditan

Penyemakan Penyata Akaun Terimaan (KKWT)



Metodologi

Penyemakan Penyata Akaun Terimaan (KKWT)
Pengauditan Penyata KKWT dijalankan melalui dua peringkat iaitu peringkat penyemakan dan penyeliaan. Penyemak dan penyelia menggunakan kaedah seperti berikut:



LAPORAN PRESTASI

PENYEMAKAN PENYATA AKAUN TERIMAAN (KKWT)

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 14,970 (99.4%) Penyata KKWT telah diaudit berbanding 15,064 penyata yang diterima. Laporan prestasi penyemakan mengikut suku tahun adalah seperti Jadual 28 berikut:

Jadual 28 : **Laporan Prestasi Penyemakan Mengikut Suku Tahun**

Perkara	Suku 1 31 Mac	Suku 2 30 Jun	Suku 3 30 Sept	Suku 4 31 Dis
Jumlah Pejabat Pemungut	1,244	1,241	1,241	1,242
Jumlah Penyata KKWT Bulanan	1,267	1,264	1,264	1,268
Jumlah Penyata KKWT Terkumpul Diterima	3,885	7,500	11,120	15,064
Jumlah Penyata KKWT Terkumpul Disemak	3,780	7,390	11,012	14,970
Baki Penyata KKWT Belum Semak	105	110	108	94
Peratus Disemak (%)	97.3	98.5	99	99.4

Jadual 29 : **Bilangan Penyata Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) yang disemak mengikut UAD Negeri/Cawangan**

Bil.	UAD Negeri/ Cawangan	Penyata Telah Terima	Penyata Telah Audit	Penyata Belum Audit	% Telah Audit
1.	Ibu Pejabat	1,504	1,469	35	97.7
2.	Selangor	968	962	6	99.4
3.	Perak	1,247	1,245	2	99.8
4.	Pulau Pinang	815	803	12	98.5
5.	Kedah	860	852	8	99.1
6.	Perlis	302	301	1	99.7
7.	N.Sembilan	721	716	5	99.3
8.	Melaka	559	554	5	99.1
9.	Johor	1,286	1,281	5	99.6
10.	Pahang	1,129	1,128	1	99.9
11.	Terengganu	909	905	4	99.6
12.	Kelantan	846	842	4	99.5
13.	Kuching	753	753	0	100.0
14.	Bintulu	211	211	0	100.0
15.	Kota Kinabalu	763	760	3	99.6
16.	Labuan	200	199	1	99.5
17.	Sandakan	132	130	2	98.5
18.	Limbang	216	216	0	100.0
19.	Miri	299	299	0	100.0
20.	Sarikei	238	238	0	100.0
21.	Sri Aman	340	340	0	100.0
22.	Keningau	120	120	0	100.0
23.	Tawau	228	228	0	100.0
24.	Sibu	310	310	0	100.0
25.	Kapit	108	108	0	100.0
Jumlah		15,064	14,970	94	99.4

BENGKEL KKWT PEJABAT PEMUNGUT

Selain itu, sebagai langkah penambahbaikan, unit ini telah turut menganjurkan Bengkel KKWT untuk pejabat pemungut yang bermasalah. Bengkel KKWT pejabat pemungut telah diadakan sebanyak tiga kali di tiga Zon seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai 20 pegawai bagi setiap bengkel. Maklumat bengkel adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	Bengkel Penyemakan Penyata KKWT Untuk Pejabat Pemungut Bermasalah	Zon Sarawak di JANM Kuching	3 dan 4 Feb 2014
2.	Bengkel Penyemakan Penyata KKWT Untuk Pejabat Pemungut Bermasalah	Zon Timur di JANM Johor	25 dan 26 Feb 2014
3.	Bengkel Penyemakan Penyata KKWT Untuk Pejabat Pemungut Bermasalah	Zon Sabah di JANM Sabah	19 dan 20 Jun 2014

Bengkel KKWT bagi pejabat pemungut dianjurkan bertujuan untuk memberi tunjuk ajar mengenai penyelenggaraan resit, penyata pemungut dan buku tunai yang betul dan teratur. Hasil daripada bengkel tersebut, pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan yang ditetapkan dapat dipertingkatkan di peringkat pejabat pemungut.

BENGKEL KKWT PEGAWAI UNIT KAWALAN HASIL

Bengkel KKWT bagi pegawai Unit Kawalan Hasil juga diadakan untuk memastikan pegawai mendapat maklumat-maklumat yang terkini mengenai pekeliling dan peraturan-peraturan kewangan yang diperlukan semasa menjalankan tugas pengauditan. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengauditan serta menambah pengetahuan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak dua Bengkel KKWT pegawai Unit Kawalan Hasil telah diadakan. Bengkel yang dianjurkan adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	Bengkel bagi pegawai di UAD Johor	JANM Johor	10 dan 11 Feb 2014
2.	Bengkel bagi pegawai di UAD Pulau Pinang	JANM Pulau Pinang	18 dan 19 Mac 2014

PRACTICE REVIEW UAD

Selain itu, lawatan pemantauan *(Practice Review)* ke UAD Negeri/Cawangan telah dilaksanakan bertujuan untuk memastikan penyeragaman peraturan pentadbiran dan pengauditan oleh semua UAD. Sepanjang tahun 2014, sebanyak lapan lawatan pemantauan telah dijalankan seperti berikut:

Bil.	UAD Negeri / Cawangan	Tarikh
1.	UAD Negeri Selangor	21 Jan 2014
2.	UAD Cawangan Sibu	3 dan 4 Mac 2014
3.	UAD Cawangan Sarikei	5 hingga 7 Mac 2014
4.	UAD Cawangan Kapit	9 dan 10 Jun 2014
5.	UAD Sri Aman	11 hingga 13 Jun 2014
6.	UAD Labuan	16 dan 17 Jun 2014
7.	UAD Keningau	18 hingga 20 Jun 2014
8.	UAD Negeri Perak	26 dan 27 Jun 2014

ROLL OUT AUDIT COMMAND LANGUAGE (ACL)

Mulai tahun 2014, unit ini bercadang meluaskan penggunaan ACL kepada UAD dalam penyemakan Penyata KKWT bulanan. *Roll Out* ACL telah dilaksanakan ke atas enam UAD Zon. *Roll Out* yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Bil.	UAD Negeri / Cawangan	Tarikh
1	Sabah (UAD Kota Kinabalu)	17 dan 18 Feb 2014
2.	Sarawak (UAD Kuching)	17 dan 18 Feb 2014
3.	Tengah (UAD Selangor)	19 dan 20 Feb 2014
4.	Utara (UAD Pulau Pinang)	19 dan 20 Feb 2014
5.	Selatan (UAD Johor)	24 dan 25 Feb 2014
6.	Timur (UAD Terengganu)	11 dan 12 Mac 2014

BENGKEL PEMURNIAN AUDIT KIT

Selaras dengan perlaksanaan Perakaunan Akruan oleh JANM, fungsi auditan terimaan akan diserahkan daripada unit ini kepada Bahagian Akaun Kementerian. Unit ini telah dipertanggungjawabkan untuk menambahbaik Audit Kit bagi kegunaan Bahagian Akaun Kementerian. Unit ini telah mengadakan Bengkel Pemurnian Audit Kit bersama semua wakil Bahagian Akaun Kementerian. Berikut merupakan senarai bengkel yang telah diadakan sehingga 31 Disember 2014 :

Bil.	Nama Bengkel	Tempat	Tarikh
1.	Pra Bengkel Pemurnian Audit Kit Siri I	BPAD	2 dan 3 Okt 2014
2.	Pra Bengkel Pemurnian Audit Kit Siri II	BPAD	23 dan 24 Okt 2014
3.	Bengkel Pemurnian Audit Kit Siri III	MyHotel Langkawi	10 hingga 12 Nov 2014
4.	Latihan Pengauditan Terimaan Kepada Bahagian Akaun (BA) Kementerian	Dewan Serbaguna Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.	17 hingga 19 Dis 2014


UNIT KAWALAN HASIL LHDNM

Unit Kawalan Hasil LHDN bertanggungjawab di bawah Arahan Perbendaharaan (AP138) untuk menyemak, menyelia dan mengawasi pengurusan perakaunan terimaan hasil cukai dan hasil duti setem Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang bertindak selaku ejen kerajaan dengan memastikan tatacara terimaan hasil dan lain-lain terimaan mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia.

Sepanjang tahun 2014, sasaran kerja tahunan yang dirancang berjaya dijalankan 100% melibatkan penyemakan terhadap hasil cukai dan hasil duti setem serta pengauditan berasaskan risiko terhadap Pusat Bayaran dan Pejabat Setem Cawangan LHDNM yang terpilih.

PENYEMAKAN AKAUN TERIMAAN HASIL CUKAI LHDNM

Bagi tahun 2014, sebanyak empat kali penyemakan telah dilakukan di Pusat Bayaran Kuala Lumpur di mana melibatkan 12 penyata Akaun Terimaan Hasil Cukai. Manakala dua kali penyemakan dilakukan masing-masing di Pusat Bayaran Kuching dan Kota Kinabalu. Jumlah keseluruhan penyata Akaun Terimaan Hasil Cukai yang telah berjaya disemak bagi tiga Pusat Bayaran iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching adalah sebanyak 36 penyata. Kesemua penyata disemak dalam tempoh empat hari dan mencapai *Exceed Target (ET)* iaitu penyemakan dibuat dalam tempoh kurang daripada 5 hari dari tarikh penyemakan dilakukan. Unit ini menggunakan senarai semak bagi menilai tahap pematuhan lima skop utama dalam penyemakan Akaun Terimaan Hasil Cukai LHDNM.



Carta 19 : **Analisis Penemuan Audit Penyemakan Akaun Terimaan Hasil Cukai**


Berpandukan Carta 19 semua Cawangan Pungutan LHDNM menunjukkan prestasi 100% bagi dua skop pematuhan iaitu skop Penyimpanan & Penggunaan Buku Resit & Dokumen Terkawal dan skop Maklumbalas Surat Pertanyaan Perbendaharaan. Namun begitu, masih terdapat ketidakpatuhan pada tiga skop yang lain iaitu skop Penerimaan Wang Awam, skop Penyenggaraan Buku Tunai dan skop

Bayaran Kepada Perbendaharaan. Syor dan cadangan penambahbaikan terhadap penemuan audit telah diberikan kepada Pusat Bayaran yang berkenaan agar tindakan pembetulan dapat diambil segera bagi mengatasi isu yang dibangkitkan.

PENYEMAKAN PENYATA KIRA-KIRA WANG (KKWT) PEJABAT SETEM CAWANGAN/PUSAT KHIDMAT HASIL LHDNM

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 715 penyata KKWT yang telah diterima daripada 61 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDNM di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, kesemua 715 penyata telah selesai disemak dalam tempoh piagam iaitu 30 hari. Daripada jumlah tersebut tempoh penyemakan 713 penyata telah mencapai *Significantly Exceed Target* (ST) iaitu penyemakan dibuat dalam tempoh kurang daripada 24 hari dari tarikh terima penyata, manakala 2 penyata disemak dalam tempoh 25 hingga 27 hari dari tarikh terima penyata. Daripada 715 penyata yang telah disemak, sebanyak 296 Pertanyaan Perbendaharaan dikeluarkan bagi pelbagai jenis ketidakpatuhan.


Berdasarkan Carta 19, pematuhan yang paling rendah adalah skop Penghantaran Penyata KKWT Dalam Tempoh Ditetapkan dan skop Pungutan Dibankkan Dalam Tempoh ditetapkan iaitu 95%. Sebagai cadangan penambahbaikan, Pejabat Setem Cawangan/Pejabat Khidmat Hasil disaran menghantar bukti tarikh pengeposan KKWT melalui emel sebelum 10 haribulan setiap bulan. Selain itu, Pejabat Setem Cawangan/Pejabat Khidmat Hasil disarankan mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak bank bagi memastikan pungutan dibankkan dalan tempoh yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, prestasi penyemakan Penyata KKWT Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil adalah Cemerlang.



Carta 20 : **Analisis Penemuan Audit Penyemakan Penyata KKWT Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDNM**

PENGAUDITAN PENGURUSAN PERAKAUNAN AKAUN TERIMAAN HASIL CUKAI LHDNM

Pengauditan berasaskan risiko di semua Pusat Bayaran LHDNM seluruh Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak telah dilaksanakan pada tahun 2014. Skop pengauditan meliputi pengurusan Wang Awam Kerajaan Persekutuan yang melibatkan proses penerimaan, perakaunan dan kemasukan terimaan ke dalam bank. Penyemakan fizikal juga dijalankan terhadap penyimpanan dan penggunaan resit, penggunaan peti besi dan daftar pemeriksaan mengejut.




Carta 21 : **Analisis Penemuan Audit – Pengurusan Perakaunan Akaun Terimaan Hasil Cukai**

Carta 21 menunjukkan analisis hasil pengauditan terhadap Pengurusan Perakaunan Akaun Terimaan Hasil Cukai LHDNM bagi tiga Pusat Bayaran LHDNM Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Berdasarkan kepada analisis diatas, didapati peratus ketidakpatuhan dalam skop Bayaran Kepada Perbendaharaan dan skop Penyesuaian Akaun Hasil adalah yang paling tinggi iaitu 17%. Pengurangan peratus ketidakpatuhan pada tahun 2014 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah disebabkan pemantauan dan penyemakan sebanyak empat kali yang dijalankan membantu mengurangkan peratusan ketidakpatuhan tersebut. Berdasarkan penemuan audit, tahap kawalan dalam Pengurusan Perakaunan Hasil Cukai di semua Pusat Bayaran LHDNM adalah Baik.

PENGAUDITAN PENGURUSAN PERAKAUNAN AKAUN TERIMAAN HASIL DUTI SETEM LHDNM

Sepanjang tahun 2014, unit ini telah menjalankan lima pengauditan pengurusan perakaunan hasil duti setem di Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil serta termasuk Pusat Bayaran Kuala Lumpur. Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai dan mengkaji tahap pematuhan dan kawalan dalaman terimaan hasil duti setem mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.



Carta 22 : **Analisis Penemuan Audit – Pengurusan Perakaunan Akaun Terimaan Hasil Duti Setem LHDNM**

Carta 22 menunjukkan analisis hasil pengauditan terhadap Pengurusan Perakaunan Akaun Terimaan Hasil Duti Setem di Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDNM terpilih. Berdasarkan analisis tersebut, skop Pemeriksaan Mengejut merupakan ketidakpatuhan yang tinggi iaitu 33%. Bagi mempertingkatkan kefahaman dan kualiti pengurusan perakaunan hasil duti setem, ceramah berkaitan Pengurusan Perakaunan Hasil Duti Setem telah diberikan kepada wakil dari Pejabat Setem Cawangan/Pejabat Khidmat Hasil LHDNM seluruh Malaysia bertempat di Akedemi Percukaian Malaysia, Bangi pada tahun 2014. Tujuan utama ceramah ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkenaan undang-undang dan peraturan berkaitan pengurusan hasil Kerajaan Persekutuan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan penemuan audit, tahap kawalan dalaman Pengurusan Perakaunan Akaun Terimaan Hasil Duti Setem di semua Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDNM yang dilawati adalah Baik.

UNIT PENGAWASAN SISTEM

Unit Pengawasan Sistem bertanggungjawab menjalankan Pengauditan Pengawasan Sistem Terimaan bagi pengurusan akaun terimaan dengan menggunakan kaedah Pengauditan Berasaskan Risiko *(Risk-Based Auditing)*. Pengauditan dijalankan di enam zon iaitu Zon Tengah, Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Jadual 30 menunjukkan jumlah pengauditan pengawasan sistem terimaan pada tahun 2014 yang melibatkan 104 Pejabat Pemungut. Manakala Jadual 31 menunjukkan jumlah pengauditan susulan pengawasan sistem terimaan yang melibatkan lima Pejabat Pemungut.

Jadual 30 : **Jumlah Pengauditan Pengawasan Sistem Terimaan Mengikut Zon**

Bil	Zon	Negeri	Bilangan Pengauditan
1	Tengah	Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selangor	17
2	Timur	Terengganu, Kelantan, Pahang	18
3	Utara	Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Perak	17
4	Selatan	Johor, Melaka	17
5	Sabah	Sabah, Labuan	18
6	Sarawak	Sarawak	17
		Jumlah	**104**


Jadual 31 : **Jumlah Pengauditan Susulan Pengawasan Sistem Terimaan Mengikut Zon**

Bil	Zon	Bilangan Pengauditan Susulan
1	Tengah	1
2	Utara	1
3	Selatan	1
4	Sabah	1
5	Sarawak	1
	Jumlah	**5**

Fokus pengauditan adalah terhadap pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan yang merangkumi tujuh skop pengauditan iaitu:

i. Penerimaan Wang Awam
ii. Penyimpanan Dan Penggunaan Resit
iii. Penyenggaraan Buku Tunai
iv. Pembayaran Kepada Perbendaharaan
v. Penyesuaian Akaun Hasil
vi. Penggunaan Peti Besi
vii. Pemeriksaan Mengejut


Carta 23 menunjukkan ringkasan analisa penemuan audit mengikut skop bagi 109 Pejabat Pemungut (termasuk audit susulan) pada tahun 2014.



	A	B	C	D	E	F	G
	Penerimaan Wang Awam	Penyimpanan & Penggunaan Resit	Penyengaraan Buku Tunai	Bayaran Kepada Perbendaharaan	Penyesuaian Hasil	Penggunaan Peti Besi	Pemeriksaan Mengejut
Mematuhi	91%	83%	83%	92%	75%	55%	77%
Tidak Mematuhi	9%	17%	17%	8%	25%	45%	23%


Carta 23 : **Ringkasan Analisa Penemuan Audit Mengikut Skop**

Manakala Carta 24 menunjukkan penemuan audit yang kerap berlaku mengikut skop.



Carta 24 : **Penemuan Audit Yang Kerap Berlaku Mengikut Skop**

Prestasi Pengurusan Akaun Terimaan di 109 Pejabat Pemungut dikategorikan kepada empat iaitu Cemerlang, Baik, Sederhana dan Lemah.



Carta 25 : **Menunjukkan Rating Prestasi Pejabat Pemungut Di Setiap Zon Bagi Tahun 2014**

Secara keseluruhannya, tahap kawalan dalaman Pengurusan Akaun Terimaan yang dilaksanakan oleh 109 Pejabat Pemungut yang diaudit adalah baik.

Selain itu, Lawatan Pemantauan *(Practice Review)* ke Zon juga dilaksanakan bertujuan untuk memastikan penyeragaman peraturan pentadbiran dan pengauditan oleh Zon. Lawatan Pemantauan 2014 telah dilaksanakan di satu Zon iaitu Zon Timur (Terengganu) dengan kerjasama Unit Kawalan Hasil JTMS.

UNIT AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Unit ABT adalah unit yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Laporan ABT yang dihantar oleh Kementerian/Jabatan serta menjalankan pemantauan ke atas pengurusan ABT melalui lawatan audit.


Laporan ABT yang disediakan akan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bahagian Pengurusan Aset Awam, Perbendaharaan Malaysia mengikut 1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 10.6/2013 (menggantikan PP Bil. 3 Tahun 2008) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 9 Tahun 2011. Jadual 32 di bawah menunjukkan perbandingan amaun ABT yang telah dilaporkan bagi tahun 2013 dan 2014.

Jadual 32 : **Perbandingan Amaun ABT Yang Dilaporkan**

Bil.	Laporan ABT	Amaun Dilaporkan (RM)		Perubahan (%)
		2013	2014	
1.	Pada 30 Jun	20,519 juta	22,101 juta	8%
2.	Pada 31 Disember	21,810 juta *		

** Nota: Amaun yang dilaporkan pada 31 Disember 2013 adalah amaun yang telah diaudit.*

Jadual 32 di atas menunjukkan amaun ABT yang dilaporkan pada 30 Jun telah meningkat sebanyak RM1,582 juta iaitu sebanyak 8% daripada tahun 2013 ke tahun 2014, manakala amaun ABT bagi Penyata 31 Disember 2013 akan disatukan pada bulan Januari 2015.




	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Hapus kira	418	164	233	560	161	1,660

Carta 26 : **Perbandingan Jumlah Amaun Hapus Kira Mengikut Tahun**

Carta 26 di atas menunjukkan peningkatan jumlah hapus kira adalah sebanyak RM1,660 juta dilaporkan dalam tahun 2013 oleh Kementerian/Jabatan iaitu peningkatan sebanyak 931% berbanding tahun 2012.

Bagi memastikan pengurusan ABT dilaksanakan secara cekap dan berkesan, Unit ABT juga telah mengadakan pengauditan berasaskan risiko (*Risk-Based Auditing*) ke atas 18 Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2014. Objektif lawatan audit diadakan adalah untuk memastikan amaun tunggakan ABT yang dilaporkan adalah tepat, tindakan memungut semula amaun tersebut telah diambil dengan sewajarnya dan memastikan terdapat sistem pemantauan bayaran balik ABT yang berkesan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi.

Lawatan audit yang diadakan meliputi lima aktiviti utama dalam pengurusan ABT iaitu penyelenggaraan rekod, pengurusan pungutan ABT, pelaporan, hapus kira dan pemantauan. Berdasarkan penemuan audit secara keseluruhan, didapati kebanyakan Kementerian/Jabatan/Agensi masih kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan pengurusan sistem perakaunan ABT. Selain itu, pengauditan juga mendapati tiada pemantauan dijalankan oleh pihak pengurusan atasan bagi mengutip amaun ABT yang dilaporkan serta kurang memahami arahan yang terkandung dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 10.6/2013 (menggantikan PP Bil. 3 Tahun 2008) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 9 Tahun 2011. Peratusan bagi ketidakpatuhan ke atas aktiviti ABT di Kementerian/Jabatan yang telah dijalankan pengauditan sepanjang tahun 2014 adalah seperti carta 27 di bawah.




Carta 27: **Analisis Ketidakpatuhan Pengurusan ABT 2014**

Pada pandangan audit, pematuhan Kementerian/Jabatan ke atas arahan 1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 10.6/2013 (menggantikan PP Bil. 3 Tahun 2008) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 9 Tahun 2011 dalam pengurusan sistem perakaunan ABT berada di tahap sederhana. Sehubungan itu, pihak Kementerian/Jabatan hendaklah mempertingkatkan pemantauan dan penyeliaan oleh pegawai atasan ke atas penyelenggaraan dan pelaporan ABT serta usaha-usaha untuk memungut amaun ABT yang tertunggak.

Pengurusan ABT yang cekap dan berkesan adalah sangat penting di dalam pengurusan aliran wang tunai kerajaan serta dapat mengelakkan berlaku kerugian yang matan di peringkat Kerajaan. Peningkatan amaun ABT dan hapus kira yang dilaporkan hendaklah diambil perhatian serius oleh semua pihak supaya kerugian dapat dielakkan. Langkah-langkah awal hendaklah dikenalpasti bagi menguruskan ABT secara lebih baik terutama bagi kes-kes yang telah melebihi usia 6 tahun.

SEKSYEN PERBELANJAAN DAN PENGURUSAN

Seksyen Audit Perbelanjaan dan Pengurusan berfungsi menjalankan pengauditan di semua Bahagian JANM dan Pejabat Perakaunan iaitu JANM Negeri/Cawangan serta Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS). Pada tahun 2014 sebanyak 32 pengauditan telah dijalankan seperti di Carta 28.




Carta 28 : **Bilangan Pengauditan**

Pengauditan Pengurusan Pejabat dijalankan adalah bertujuan seperti berikut:

- Memeriksa dan menilai tahap kawalan dalaman yang dilaksanakan di Bahagian
- JANM serta Pejabat Perakaunan adalah mencukupi dan berkesan;
- Memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan;
- Memastikan rekod kewangan dan laporan perakaunan disedia serta disenggara dengan lengkap dan kemas kini; dan
- Memastikan kelemahan yang berlaku dalam pengurusan Pejabat Perakaunan tidak diulang dan diperbetulkan.

Kaedah pengauditan yang dilaksanakan adalah berdasarkan Pengauditan Berasaskan Risiko (*Risk-Based Auditing*) dengan mengambil kira potensi dan tahap kebarangkalian berlakunya risiko yang akan memberikan impak serta signifikasi kepada pengurusan Bahagian JANM dan Pejabat Perakaunan sekiranya ia berlaku.

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan, terdapat sebanyak satu pejabat yang diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% - 100% dan sebanyak dua puluh tujuh pejabat diberi penarafan Baik iaitu 75% - 89%. Manakala sebanyak empat pejabat diberi penarafan Sederhana iaitu 50% - 74%. Analisis pematuhan dan ketidakakuran Pengauditan Pengurusan Pejabat adalah seperti di Carta 29.



Carta 29 : **Analisis Pematuhan Dan Ketidakakuran Pengurusan Pejabat**


SEKSYEN AUDIT KAWALAN

UNIT PEMUSNAHAN DOKUMEN

Unit Pemusnahan Dokumen (UPD) bertanggungjawab memberi kelulusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 150. Selain itu, unit ini menjalankan pengauditan terhadap kawalan dalaman pengurusan rekod kewangan dan perakaunan serta mengadakan taklimat prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan.

KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Sebanyak 640 permohonan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diterima dan diproses sepanjang tahun 2014. Daripada 640 permohonan yang diterima, 521 (81%) permohonan diberi kelulusan, 96 (15%) permohonan dikuiri kerana tidak lengkap manakala 23 (4%) permohonan di luar bidang kuasa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk meluluskannya. Carta 30 menunjukkan peratus pemprosesan permohonan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan.




Carta 30 : **Peratus Pemprosesan Permohonan**

PENGAUDITAN PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Objektif pengauditan adalah memeriksa dan menilai tahap kawalan dalaman pengurusan rekod kewangan dan perakaunan yang dilaksanakan oleh auditi, selain memastikan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Pada tahun 2014, sebanyak 31 jabatan telah diaudit. Skop pengauditan meliputi pengurusan bilik rekod, pengurusan dan pemusnahan rekod kewangan serta perakaunan. Carta 31 menunjukkan analisis ketidakakuran berhubung pengurusan rekod kewangan dan perakaunan bagi 31 auditi.



Carta 31: **Analisis Ketidakakuran Pengurusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan**

Secara keseluruhannya, tahap kawalan dalaman pengurusan rekod kewangan dan perakaunan bagi 31 auditi adalah sederhana.

TAKLIMAT PROSEDUR PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN


Taklimat ini telah diadakan pada 24 Jun 2014 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan. Objektif taklimat adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan mengenai prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan yang teratur .

Pada tahun 2014, sebanyak 6 taklimat prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diadakan mengikut zon. Seramai 366 peserta daripada pelbagai jabatan telah menghadiri taklimat ini. Jadual 33 menunjukkan lokasi taklimat mengikut zon yang telah diadakan sepanjang tahun 2014.

Jadual 33: **Pelaksanaan Taklimat Prosedur Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan**

Bil.	Suku Tahun I	Suku Tahun II	Suku Tahun III	Suku Tahun IV
1.	**Zon Utara** Langkawi, Kedah 4 Mac 2014	**Zon Sabah** Kota Kinabalu, Sabah 8 Apr 2014	**Zon Timur** Kota Bharu, Kelantan 23 Sept 2014	**Zon Selatan** Melaka 28 Okt 2014
2.		**Zon Sarawak** Kuching, Sarawak 20 Mei 2014		
3.		**Zon Tengah** Seremban, Negeri Sembilan 24 Jun 2014		

Maklum balas yang diterima daripada para peserta mendapati kebanyakan jabatan/agensi yang terlibat belum pernah mendapat pendedahan mengenai prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan sebelum ini. Penganjuran taklimat telah meningkatkan kesedaran jabatan/agensi untuk melaksanakan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan mengikut peraturan serta pekeliling yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, ia juga dapat membantu jabatan menguruskan rekod kewangan dan perakaunan dengan lebih baik. Carta 32 menunjukkan peningkatan bilangan permohonan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan dari tahun 2009 hingga 2014.



Carta 32: **Bilangan Permohonan Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan**

UNIT PENYIASATAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA

Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:

- Menjalankan pengauditan khas berdasarkan arahan Kementerian Kewangan Malaysia terhadap syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), tuntutan syarikat swasta kepada kerajaan dan terimaan kerajaan daripada syarikat swasta.
- Menjalankan verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) untuk tujuan kenaikan pangkat Ketua-ketua Jabatan Gred Utama C dan ke atas seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- Menganalisis Laporan Kehilangan dan Hapus Kira Aset dan Wang Awam bagi Kerajaan Persekutuan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 316 dan 317.

PENGAUDITAN KHAS

Sepanjang tahun 2014, empat pengauditan khas telah dilaksanakan seperti berikut:

- Pengauditan kawalan dalaman ke atas tadbir urus satu buah syarikat MKD yang meliputi pengurusan perolehan dan sumber manusia.
- Pengauditan kawalan dalaman ke atas tadbir urus satu buah agensi kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang merangkumi pengurusan sumber manusia, perolehan dan pelaksanaan projek pembangunan.
- Pengauditan ke atas tuntutan subsidi sebuah syarikat swasta kepada kerajaan.
- Pengauditan bagi pengesahan bayaran *User Fee* kepada kerajaan dan tuntutan kos marginal daripada kerajaan oleh sebuah syarikat swasta.




Sesi Ceramah



Sesi Latih Amal

VERIFIKASI LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (LPPKA) UNTUK TUJUAN KENAIKAN PANGKAT KETUA-KETUA JABATAN GRED UTAMA C DAN KE ATAS

Unit ini telah melaksanakan 17 Verifikasi LPPKA sepanjang tahun 2014 bagi Ketua-ketua Jabatan mengikut gred seperti Carta 33 berikut:



Carta 33 : **Analisis Verifikasi Mengikut Gred**


Ringkasan penemuan daripada verifikasi yang dijalankan adalah seperti di Jadual 34.

Jadual 34 : **Penemuan Verifikasi LPPKA**

Bil	Perkara	Peratus (%)
1.	Bayaran bil melebihi tempoh 14 hari	94
2.	Penyediaan Penyata Penyesuaian	
	Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus lewat/tidak disediakan	44
	Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Pembangunan lewat/tidak disediakan	57
	Penyata Penyesuaian Hasil lewat/tidak disediakan	41
	Penyata Penyesuaian Amanah lewat/tidak disediakan	25
3.	Tiada tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil terhadap teguran naziran eSPKB	31
4.	Tiada pemantauan dilaksanakan untuk mengurangkan bayaran AP58(a)	12

ANALISIS LAPORAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA

Jumlah kehilangan wang awam dan aset awam bagi Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 5,547 kehilangan bernilai RM 7,162,820.15 seperti di Carta 34.



Carta 34 : **Kehilangan Wang Awam Dan Aset Awam Bagi Kerajaan Persekutuan Mengikut Nilai Dan Kuantiti**

BAHAGIAN PENGURUSAN AMANAH DAN SEKURITI (BPAS)

LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS) berfungsi sebagai Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD). Berikutan pelantikan Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar WTD berkuat kuasa pada 1 Jun 1975, pejabat ini telah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta WTD 1965 meliputi:

a. urusan terimaan serahan WTD
b. pemantauan pewartaan WTD
c. pengurusan WTD
d. pemeriksaan rekod syarikat dan firma; dan
e. urusan bayaran balik WTD

SEKSYEN PEMATUHAN

Unit Inspektorat

Menurut Seksyen 12 Akta Wang Tak Dituntut 1965, Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melakukan pemeriksaan terhadap rekod yang disimpan oleh syarikat atau firma bagi memastikan sama ada peruntukan Akta tersebut telah dipatuhi.

Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa boleh memeriksa mana-mana buku, daftar, rekod atau dokumen bagi memastikan syarikat atau firma patuh kepada Akta WTD 1965.

Seksyen 12(1) Akta WTD 1965,memberi kuasa kepada pegawai pemeriksa mengambil dan menahan apa-apa dokumen sebagai bukti yang menunjukkan ketidakpatuhan akta.

Sehubungan itu, antara tugas dan tanggungjawab utama yang dijalankan oleh Unit Inspektorat, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti ialah:

a) Pemeriksaan Rekod Kewangan Syarikat Dan Firma

Pada tahun 2014, sebanyak 115 syarikat telah diperiksa yang meliputi sektor perlancongan, pembuatan, perfileman, francais, perdagangan, penternakan dan lain-lain.

Berdasarkan kepada keseluruhan syarikat yang telah diperiksa ini, sebanyak 91 buah syarikat telah selesai (telah diberi surat penghargaan atau pematuhan) dan 24 buah syarikat lagi masih memerlukan tindakan susulan.

Garis Panduan Pengurusan Fail Susulan telah dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti untuk dijadikan rujukan oleh semua Unit WTD, JANM Negeri supaya pengurusan fail-fail yang memerlukan tindakan susulan dapat diselesaikan dengan segera.

b) Program Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965

Dalam usaha meningkatkan lagi kesedaran mengenai Akta Wang Tak Dituntut 1965, taklimat dan program kesedaran telah dianjurkan oleh Unit Inspektorat pada setiap tahun. Pada tahun ini, sebanyak 28 sesi taklimat bagi Program Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965 telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti yang terletak di Menara Maybank serta di tempat-tempat lain seperti di Institut Perakaunan Negara di Sabak Bernam, Universiti Teknologi Mara dan juga di syarikat-syarikat sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Peserta-peserta bagi Program Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut ini terdiri daripada penjawat awam (kakitangan kerajaan), pegawai syarikat/firma yang kebiasaannya menguruskan hal kewangan dan pentadbiran syarikat dan juga orang awam yang lain.

Selain memberikan taklimat kepada syarikat dan firma, taklimat ini juga diberi kepada orang awam agar timbul kesedaran kepada mereka mengenai kepentingan menguruskan wang dengan bijak agar tidak menjadi penyumbang kepada WTD.

c) Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Inspektorat

Dalam memantapkan lagi kompetensi para pegawai Unit Inspektorat Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti dan pegawai Unit WTD, JANM Negeri, dua bengkel/kursus telah dilaksanakan pada tahun 2014 seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Tajuk	Bilangan Peserta
1.	28 - 30 Sept 2014	Bengkel Garis Panduan Pemeriksaan dan Program Taklimat Kesedaran Akta WTD 1965	45 orang
2.	24 - 27 Nov 2014	Kursus Peningkatan Kompetensi Pegawai Unit WTD	32 orang

Melalui penganjuran bengkel/kursus ini, penekanan diberikan terhadap peningkatan kompetensi pegawai dari Unit WTD dalam memahami Akta WTD 1965 melalui perkongsian ilmu serta pemurnian maksud setiap ayat atau bahasa undang-undang yang terdapat dalam akta tersebut supaya menjadi lebih jelas bagi menghadapi sebarang persoalan daripada orang awam mahupun syarikat. Hasil daripada perkongsian ilmu daripada Pegawai Undang-undang,Kementerian Kewangan Malaysia dan pegawai dari Kastam DiRaja Malaysia,kursus ini diharap dapat menjadi titik permulaan bagi memastikan perlaksanaan kompaun dan denda dapat dijalankan dengan secepat mungkin. Perlaksanaan kompaun dan denda ini seharusnya dilaksanakan dengan segera bagi memastikan Akta WTD 1965 dipatuhi oleh semua syarikat/firma yang berkaitan.

Penganjuran bengkel/kursus ini juga dapat menambah nilai kompetensi pegawai khususnya dalam meneliti dan memahami Penyata Laporan Audit Tahunan Syarikat yang terdiri daripada pelbagai sektor dan industri yang berlainan hasil daripada percambahan ilmu dengan wakil MIA yang hadir memberikan taklimat tersebut. Pemahaman dan kemahiran pegawai dalam aspek ini adalah penting dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai pemeriksa bagi memastikan objektif jabatan tercapai. Selain itu, pegawai juga berpeluang untuk memahami dan membuat kesimpulan ke atas setiap item yang dilaporkan dalam satu-satu penyata kewangan sesebuah organisasi. Pendekatan kursus yang dianjurkan ini akan memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pentingnya



profesional sceptism iaitu tidak menerima sewenangnya sesuatu penjelasan tanpa melihat kepada bukti terhadap penerangan yang diberi.

Para peserta Kursus Peningkatan Kompetensi Pegawai Unit WTD Di Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu, Sabah

d) Mesyuarat Ketua-ketua Unit Wang Tak Dituntut

Mesyuarat Ketua-ketua Unit (MKKU) WTD telah dilaksanakan sebanyak dua kali setahun bagi menyelaraskan kesemua aktiviti unit WTD, JANM Negeri. Tumpuan utama mesyuarat adalah kepada pencerahan dan pemantapan *core strategy* penguatkuasaan Akta WTD 1965 serta membincangkan isu dan permasalahan berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta WTD 1965. Penganjuran MKKU WTD adalah bagi memberi peluang kepada pengurusan di Ibu Pejabat BPAS bersemuka dengan semua Ketua Unit Wang Tak Dituntut (KUWTD) bagi membincangkan perkara-perkara yang berikut:

1. Penyelarasan dan pengemaskinian peraturan pentadbiran Akta WTD 1965 serta membincangkan isu dan permasalahan berkaitan dengan pelaksanaan penguatkuasaan;
2. Isu-isu semasa berkaitan Wang Tak Dituntut; dan
3. Isu-isu pentadbiran

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Dato' Rosini binti Abd Samad selaku Timbalan Pendaftar WTD dan dihadiri oleh pegawai BPAS dan juga semua Ketua Unit WTD JANM Negeri. Mesyuarat Ketua-ketua Unit WTD bagi tahun 2014 telah diadakan seperti berikut:

MKKU Bil.	Tempat	Tarikh
Bil. 1/2014	Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti, Kuala Lumpur	25 - 26 Jun 2014
Bil. 2/2014	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	25 - 27 Nov 2014

Sesi bergambar bersama Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Dato' Rosini binti Abd Samad



Sesi bergambar bersama Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Dato' Rosini binti Abd Samad

UNIT SEKURITI

Unit sekuriti berfungsi mengendalikan sekuriti yang diserahkan ke Akaun Depositori Pusat Menteri Kewangan (CDS MOF) dan Akaun Depositori Pusat Akauntan Negara Malaysia (CDS ANM).

Pada tahun 2014 juga Unit Sekuriti telah berjaya menjual sebanyak 23 kaunter di bawah Seksyen 14, Seksyen 29 dan Seksyen 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (SICDA). Daripada 23 kaunter yang dijual, 2 kaunter telah mengalami kerugian. Kerugian tersebut ditanggung oleh broker yang dilantik oleh jabatan iaitu Maybank Investment Bank Berhad. Perincian kaunter yang dijual adalah seperti di bawah:

Seksyen	Unit		RM
	Kaunter	Saham	Hasil Jualan
Seksyen 14 SICDA	1	75	72.21
Seksyen 29 SICDA	14	112,761	526,372.07
Seksyen 30 SICDA	8	266	351.68
Jumlah	**23**	**113,102**	**526,795.96**

Saham-saham yang diserahkan menurut peruntukan Seksyen 14, Seksyen 29 dan Seksyen 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (SICDA) dimasukkan ke dalam Akaun Depositori Pusat Menteri Kewangan (CDS MOF). Sehingga 31 Disember 2014, baki sekuriti di dalam akaun CDS MOF adalah seperti berikut:

Seksyen	Saham Tersenarai		Saham Nyah Senarai	
	Unit	Nilai Pasaran (RM)	Unit	Nilai Pasaran (RM)
Seksyen 14 SICDA	255	181.30	100	0
Seksyen 29 SICDA	6,029	1,334.97	10,291,579	0
Seksyen 30 SICDA	110	49.32	5,115,547	0
Jumlah	6,394	1,565.58	15,407,226	0

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 91 waran dividen dan faedah telah diproses dan diagihkan kepada pemunya benefisial yang layak. Manakala dividen dan faedah yang tidak dituntut berjumlah RM58,327.09 telah diserahkan kepada Pendaftar WTD untuk diakaunkan.

Sebanyak 598 baucar bayaran balik WTD yang melibatkan pembayaran balik hasil jualan saham dan bayaran dividen berjumlah RM4.7 juta telah diproses dan dibayar kepada pemunya benefisial yang berhak sepanjang tahun 2014.

Saham yang diserahkan menurut peruntukan Seksyen 36 Akta Syarikat Amanah 1949, Seksyen 65 Akta Pemegang Amanah 1949 dan Seksyen 353 Akta Syarikat 1965 dimasukkan ke dalam Akaun Depositori Pusat Akauntan Negara Malaysia (CDS ANM). Sehingga 31 Disember 2014, baki sekuriti dalam akaun CDS ANM adalah seperti berikut:

Saham CDS ANM	Unit	Nilai Nominal (RM)
Saham Tersenarai	13,072,016	8,930,751.25
Saham Tidak Tersenarai	28,146,023	13,127,885.20
Waran / ICULS / TSR Tersenarai	78,634	0.00
Kaunter Luar Negara	1,420,841	1,056,322.25
Jumlah	42,717,514	23,114,958.70





Rak Fail Unit Sekuriti yang menyimpan dokumen berkaitan sekuriti seperti Flimsi Saham dan Surat Pengesahan

SEMINAR DAN KURSUS DALAMAN

Dasar Wawasan Negara telah menetapkan matlamat pembangunan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah memberi penekanan kepada semua aspek pembangunan, termasuklah pembangunan sumber manusia sektor awam.

Menyedari kepentingan pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, Bahagian ini telah merancang dan mengenal pasti keperluan latihan kakitangan selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dengan sikap *(attitude*), kemahiran *(skills)* dan pengetahuan (*knowledge)* yang bersesuaian. Kursus-kursus dalaman yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 35.

Jadual 35: **Kursus Dalaman BPAS Sepanjang Tahun 2014**

Tarikh	Kursus	Bilangan Peserta
7 Apr 2014	Kursus Pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965	25
22 Apr 2014	Taklimat Penutupan Syarikat Di bawah Peruntukan Akta Syarikat 1965	22
14 – 16 Mei 2014	Kursus Prosedur Bayaran Balik WTD Kepada Unit WTD JANM (Sabah)	21
26 Mei 2014	Taklimat Pengurusan Wang Tak Dituntut Projek Migrasi Data	30
19 Jun 2014	Taklimat Amanah Raya Bhd – Peranan Dan Kuasa Mentadbir Harta Pusaka	50
28 - 30 Sept 2014	Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Pemeriksaan Dan Program Taklimat Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965	45

Tarikh	Kursus	Bilangan Peserta
15 – 17 Okt 2014	Kursus Prosedur Bayaran Balik WTD Kepada Unit WTD JANM (Sarawak)	30
16 – 18 Nov 2014	Kursus Prosedur Bayaran Balik WTD Kepada Unit WTD JANM (Kelantan)	28
24 - 27 Nov 2014	Kursus Peningkatan Kompetensi Pegawai Unit Wang Tak Dituntut	32
10 - 13 Dis 2014	Kursus Motivasi Dan Pemantapan Organisasi	44
15 – 19 Dis 2014	Taklimat Mengenai Perubahan Proses Serahan Dan Tuntutan WTD	45





Peserta-peserta Kursus Prosedur Bayaran Balik WTD di Kota Bharu, Kelantan








Antara peserta Kursus Motivasi dan Pemantapan Organisasi di Bukit Gambang, Kuantan, Pahang

UNIT AKAUN

a) Serahan WTD

Unit ini bertanggungjawab untuk mengendalikan serahan WTD yang diterima daripada syarikat dan firma. Pada tahun 2014, sebanyak 1,724 serahan WTD dengan jumlah terimaan sebanyak RM512.9 juta telah diterima daripada syarikat dan firma berbanding dengan sebanyak 1,868 serahan dengan jumlah terimaan sebanyak RM531.7 juta yang diterima pada tahun 2013. Carta 35 menunjukkan jumlah serahan WTD bagi tahun 2010 hingga 2014.



Carta 35 : Jumlah Serahan WTD Dari Tahun 2010 Hingga 2014

b) Program Hebahan

Pada bulan November dan Disember 2014, Program Hebahan Prosedur Baru Serahan Dan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD) telah dilaksanakan oleh Seksyen Operasi, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS) di seluruh negara dengan kerjasama Unit WTD JANM Negeri di seluruh Malaysia.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memaklumkan perubahan proses serahan dan tuntutan serta perubahan format borang mulai tahun 2015 kepada syarikat/firma yang menyerah WTD dan orang awam. Program hebahan di seluruh negara dilaksanakan bagi memastikan publisiti yang luas di samping paparan/notis di laman web jabatan. Penerangan mengenai perubahan dalam proses serahan dan tuntutan turut melibatkan pegawai Unit WTD JANM Negeri sebagai *frontliners* dan wakil kepada Pendaftar WTD di peringkat negeri. Jadual 36 menunjukkan maklumat program hebahan yang telah dijalankan pada tahun 2014.

Jadual 36: **Maklumat Program hebahan**

Negeri	Tarikh	Tempat
Perlis	19 Nov 2014	Dewan Auditorium, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Kedah	20 Nov 2014	Dewan Al-Farabi, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BPTN) Kedah
Pulau Pinang	24 Nov 2014	Auditorium A, Menara KOMTAR, Pulau Pinang
Sabah	1 – 2 Dis 2014	Bilik Taklimat, JANM Sabah
Johor	2 – 3 Dis 2014	Tingkat 7U, Menara Tabung Haji,Jalan Ayer Molek 80720 Johor Bahru
Pahang	3 Dis 2014	Dewan Serbaguna, Ibupejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
Negeri Sembilan	8 Dis 2014	Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, Negeri Sembilan
Melaka	9 Dis 2014	Auditorium ILP Bukit Katil, Melaka
Sarawak	9 Dis 2014	Auditorium, Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak
Kelantan	10 Dis 2014	Dewan SUK Negeri Kelantan
Perak	10 - 11 Dis 2014	Dewan JANM Perak
Terengganu	17 Dis 2014	Dewan Teater, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
Lembah Klang	15 – 22 Dis 2014	Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti (BPAS)





Aktiviti Taklimat Mengenai Perubahan Proses Perahan Dan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)

SEKSYEN OPERASI

Unit Tuntutan

Unit Tuntutan bertanggungjawab menguruskan permohonan bayaran balik WTD yang diterima dari seluruh Negara. Pada tahun 2014, sebanyak 57,886 permohonan tuntutan bayaran balik WTD (UMA-7) telah diterima dan sebanyak 21,159 baucar bayaran balik WTD telah disempurnakan melibatkan amaun berjumlah RM97 juta. Carta 36 menunjukkan bilangan tuntutan dan amaun WTD yang telah dibayar balik bagi tahun 2010 hingga 2014.




Carta 36 : **Bilangan Tuntutan Dan Amaun WTD Yang Telah Dibayar Balik Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**


BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)

SEKSYEN PERAKAUNAN PERSEKUTUAN

Sepanjang tahun 2014, BPOPA telah memproses sebanyak 1,683 waran pindah peruntukan daripada Perbendaharaan Malaysia dan Kementerian/Jabatan berbanding tahun 2013 sebanyak 1,752. Carta 37 dan 38 menunjukkan perbandingan bilangan waran pindah peruntukan Mengurus dan Pembangunan yang diproses di JANM bagi tahun 2014 dan 2013.



Carta 37 : **Bilangan Waran Peruntukan Mengurus Yang Diproses Tahun 2013 Dan 2014**



Carta 38 : **Bilangan Waran Peruntukan Pembangunan Yang Diproses Tahun 2013 Dan 2014**





Mesyuarat *Pre-Exit Conference* Bagi Auditan PKKP Tahun 2013 di Perbendaharaan Malaysia.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) bagi tahun 2013 telah diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan pada 28 Februari 2014. Mesyuarat *Pre-Exit Conference* bagi auditan PKKP Tahun 2013 telah diadakan pada 30 Mei 2014 secara bersama antara pihak BPOPA dan Jabatan Audit Negara. Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Perbendaharaan Malaysia dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara. Mesyuarat yang dihadiri oleh wakil daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan telah membentangkan penemuan audit hasil daripada auditan PKKP tahun 2013.


Pada tahun 2014 juga, BPOPA telah mengadakan mesyuarat berkala bersama Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dari seluruh Semenanjung Malaysia selaras dengan AP138(a). Di bawah peruntukan AP138(a) adalah menjadi tanggungjawab Akauntan Negara selaku Akauntan Utama Kerajaan di bawah arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk menyediakan satu sistem perakaunan kepada Kerajaan Negeri dan pengawasan yang sesuai bagi mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuaian. Sehubungan itu, Mesyuarat Bendahari Negeri/Akauntan Negeri ini diadakan untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di peringkat Pejabat Perbendaharaan Negeri melibatkan isu operasi dan isu-isu dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini. Selain itu, mesyuarat ini juga dapat dijadikan medan perkongsian maklumat dan pengetahuan berkenaan polisi, dasar dan strategi Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan sebagai persediaan pelaksanaan akruan di peringkat Kerajaan Negeri. Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu:

i. 25 hingga 26 Mac 2014 di Hotel Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah
ii. 17 hingga 18 Jun 2014 di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan
iii. 29 hingga 30 Oktober 2014 di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak

SEKSYEN PENGURUSAN DANA

Seksyen Pengurusan Dana terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Pengurusan Wang Tunai dan Unit Pengurusan Pelaburan. Unit Pengurusan Wang Tunai bertanggungjawab dalam pengurusan dan perakaunan wang tunai Kerajaan Persekutuan. Antara peranan utama unit ini adalah untuk memproses pemindahan dana ke pejabat perakaunan dengan teratur. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, sebanyak 4,399 permohonan dana daripada pejabat perakaunan dengan amaun berjumlah RM223.7 bilion telah diproses berbanding tahun 2013 sebanyak 4,883 permohonan yang berjumlah RM228.9 bilion. Ini menunjukkan penurunan dari segi bilangan permohonan dana yang diproses iaitu 484 (9.9%) bilangan permohonan berbanding tahun 2013 dan amaun dana sebanyak RM5.2 bilion (2.3%) berbanding tahun 2013.

Pemindahan dana yang diproses bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 39 di bawah:



	2010	2011	2012	2013	2014
Amaun (RM Bilion)	178.1	203.4	219.9	228.9	223.7
Bil. Urus Niaga	3,684	3,886	3,862	4,883	4,399

Carta 39 : Pemindahan Dana Yang Diproses Bagi Tahun 2010 Hingga 2014

Unit Pengurusan Wang Tunai juga berfungsi sebagai urus setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan yang diadakan setiap bulan dan Laporan Aliran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Bulanan disedia dan dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Selain itu, unit ini turut menyediakan Laporan Aliran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Mingguan untuk diedarkan kepada Pengurusan Atasan JANM. Unit ini juga menyediakan penyata penyesuaian bank bagi akaun Bank Utama di Bank Negara Malaysia iaitu ANM-Utama, ANM-Kecil Terimaan, ANM-Kecil Bayaran serta Bank Agen iaitu Affin *Islamic*.

Bagi tahun 2014, baucar jurnal yang diproses oleh Unit Pengurusan Wang Tunai berjumlah 3,204 iaitu menurun sebanyak 82 jurnal (2.5%) berbanding tahun 2013 sebanyak 3,286. Pecahan jurnal tahun 2014 adalah terdiri daripada 1,231 jurnal pindahan dana ke pejabat perakaunan, 493 jurnal pindahan antara bank, 559 jurnal kutipan hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), 248 jurnal kutipan hasil Kastam Diraja Malaysia, 129 jurnal kutipan lesen pengurup wang, 124 jurnal kutipan lesen bank, 98 jurnal pindahan dana daripada pejabat perakaunan, 108 jurnal pindahan bank agen Affin *Islamic*, 192 jurnal pelbagai hasil, 11 jurnal hasil petroleum dan gas Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA) dan 11 jurnal faedah Akaun ANM-*Money Market Operations* (MMO).

Jumlah baucar jurnal yang diproses bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 37 berikut:

Jadual 37 : **Jumlah Baucar Jurnal Yang Diproses Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Bilangan Baucar Jurnal	2,263	2,229	2,871	3,286	3,204

Unit Pengurusan Pelaburan (UPP) bertanggungjawab mengurus dan mengakaunkan pelaburan Kerajaan Persekutuan serta melaporkannya ke dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sepanjang tahun 2014, UPP menguruskan sebanyak 1,785 Pelaburan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM14.76 bilion dan 144 Pelaburan Am yang berjumlah RM8.65 bilion. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM1.09 bilion (7.97%) berbanding RM13.67 bilion pada tahun 2013. Jumlah Pelaburan Am menurun sebanyak RM1.71 bilion (16.54%) berbanding RM10.34 bilion pada tahun 2013.

UPP juga menguruskan rekod pelaburan simpanan tetap di 569 bank/institusi kewangan yang diluluskan untuk menerima deposit simpanan tetap dan 110 rekod pelaburan saham di Agensi/Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Jumlah rekod pelaburan bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 38.

Jadual 38 : **Jumlah Rekod Pelaburan Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**

Perihal	2010	2011	2012	2013	2014
Kumpulan Wang Amanah	1,354	1,853	1,782	1,775	1,785
Pelaburan Am	130	257	244	225	144
Bank/Institusi Kewangan	440	553	560	554	569
Agensi/Syarikat MKD	113	114	115	114	110

Amaun faedah/keuntungan simpanan tetap yang diterima daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dalam tahun 2014 adalah berjumlah RM0.728 bilion iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.097 bilion (15.39%) berbanding tahun 2013 berjumlah RM0.631 bilion. Butiran pecahan faedah/keuntungan simpanan tetap yang diterima bagi tahun 2013 hingga 2014 ditunjukkan seperti di Jadual 39.

Jadual 39 : **Jumlah Keuntungan Pelaburan Yang Diterima Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Faedah/Keuntungan Simpanan Tetap Dikreditkan Ke Akaun	2013 (RM)	2014 (RM)	Peratusan Perbezaan (%)
Hasil	432,247,005	440,527,059	1.92
Amanah	198,437,024	287,218,901	44.74
Jumlah	**630,684,029**	**727,745,960**	**15.39**

Sepanjang tahun 2014, UPP telah menyediakan 128 cadangan simpanan tetap, menguruskan 203 urus niaga pelaburan tambahan dan 3,380 urus niaga pembaharuan pelaburan simpanan tetap, serta memproses 240 baucar bayaran, 3,896 penyata pemungut, 3 pembukaan surat kredit dan 98 ketidaksamaan surat kredit.

Jumlah urus niaga berkaitan simpanan tetap bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 40.

Jadual 40 : **Jumlah Urus Niaga Berkaitan Simpanan Tetap Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**

Perihal	2010	2011	2012	2013	2014
Cadangan Simpanan Tetap	44	91	155	144	128
Tambahan	454	554	362	393	203
Pembaharuan	1,322	2,077	2,699	2,756	3,380
Sijil Simpanan Tetap	1,776	2,631	3,061	3,113	3,610

Jumlah dokumen kewangan yang diproses bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 41.

Jadual 41 : **Jumlah Dokumen Kewangan Yang Diproses Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**

Dokumen	2010	2011	2012	2013	2014
Penyata Pemungut	1,683	2,427	3,438	3,491	3,896
Baucar Bayaran	461	566	373	496	240

Pada tahun 2014, unit ini juga menguruskan rekod Jaminan Deposit Berkanun bagi 6 syarikat di bawah Akta Takaful 1984, 5 syarikat di bawah Akta Pertaruhan Pool 1967, 1 syarikat di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dan 25 syarikat di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.

SEKSYEN PERAKAUNAN AMANAH


Seksyen Perakaunan Amanah (SPA) terdiri daripada tiga unit iaitu Unit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam, Unit Akaun Deposit, Rahsia, Bank dan Akaun Kena Bayar serta Unit Pengurusan Panjar. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal dan memantau penyenggaraan akaun amanah, deposit dan panjar.

SPA juga terlibat dengan khidmat nasihat berkaitan bidang tugas unit masing-masing melalui ceramah yang diberikan oleh pegawai-pegawai SPA. Sepanjang tahun 2014, pegawai-pegawai SPA telah terlibat dengan sekurang-kurangnya 16 kursus (258 jam) yang terdiri daripada jemputan ceramah daripada Institut Perakaunan Negara dan juga pelbagai Kementerian/Agensi.


Unit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam bertanggungjawab untuk mengawal dan memantau Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan Stor dan Worksyop Belum Diuntukkan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah.

Pada tahun 2014, sebanyak 156 Akaun Amanah daripada Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah dipantau yang melibatkan transaksi debit berjumlah RM369.88 bilion dan transaksi kredit berjumlah RM363.97 bilion. Sebahagian besar daripada amaun transaksi tersebut melibatkan Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan yang tidak melibatkan aliran tunai dengan debit berjumlah RM357.18 bilion dan kredit berjumlah RM350.29 bilion.

Kumpulan Wang Amanah Awam pula terdiri daripada Akaun Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah akta tersendiri dan Akaun Amanah Am yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sejumlah 24 Akaun Amanah Khas dan 324 Akaun Amanah Am telah diselenggarakan sepanjang tahun 2014. Transaksi keseluruhan Kumpulan Wang Amanah Awam dalam tahun 2014 melibatkan amaun terimaan berjumlah RM6.358 bilion dan bayaran berjumlah RM8.348 bilion. Pada tahun 2014, sebanyak 11 Akaun Amanah baru telah diwujudkan dan 14 Akaun Amanah telah ditutup. Carta 40 menunjukkan jumlah Akaun Amanah bagi tahun 2013 dan jumlah baki Akaun Amanah tahun 2013 diplotkan di Carta 41.



Carta 40 : **Jumlah Akaun Amanah Tahun 2014**



Carta 41 : **Jumlah Baki Akaun Amanah Tahun 2014**


Unit Pengurusan Panjar pula bertanggungjawab ke atas pengurusan akaun Panjar Luar Negeri dan Panjar Dalam Negeri. Bagi Panjar Dalam Negeri, panjar yang terlibat di bawah pemantauan unit ini adalah Panjar Wang Runcit (PWR), Panjar Khas, Panjar Seperduabelas dan Panjar Unit. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 490 kelulusan berkaitan PWR telah dikeluarkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh Malaysia yang merangkumi penambahan had panjar, penyenggaraan maklumat panjar, pewujudan baru dan penutupan panjar.

Bagi Panjar Luar Negeri (Panjar Tigaperduabelas) bilangan akaun yang dipantau adalah sebanyak 154 akaun. Pada tahun 2014, sebanyak 7 kelulusan berkaitan Panjar Tigaperduabelas telah dikeluarkan merangkumi penambahan dan pengurangan had panjar, pewujudan baru dan penutupan panjar, manakala 7 permohonan diterima berkaitan urusan membuka atau menutup akaun bank di luar negara.

Sepanjang tahun 2014, Unit Pengurusan Panjar telah memperakaunkan sebanyak 3,404 jurnal pelarasan berkaitan perbelanjaan bulanan perwakilan di luar negara yang diterima di Pejabat Perakaunan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA). Selain itu, sebanyak 562 pindahan telegraf telah diuruskan bagi perwakilan di luar negara pada tahun 2014 berbanding 1,305 pindahan telegraf pada tahun lalu.

Bilangan dokumen yang diproses khususnya bagi jurnal pelarasan dan *telegraphic transfer* bagi tahun 2014 menunjukkan pengurangan berbanding tahun 2013 adalah disebabkan pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negara (SPLN) yang mana semua transaksi adalah dikunci masuk oleh pegawai di pejabat-pejabat luar negara melalui sistem tersebut. Pengemaskinian data ke Sistem GFMAS dibuat melalui proses integrasi SPLN-GFMAS. Bagi memenuhi integrasi itu juga, sebanyak 51 kod panjar baru tanpa kod vendor telah diwujudkan bagi menggantikan kod panjar lama manakala 51 kod panjar lama telah ditutup.

Carta 42 di bawah menunjukkan perbandingan bilangan dokumen kewangan yang diproses oleh Unit Pengurusan Panjar pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.




	2013	2014
Jurnal Pelarasan	6,801	3,414
TelegraphicTransfers	1,305	562
Waran Peruntukan	7,835	8,930
Baucar Bayaran	51	-

Carta 42 : **Dokumen Yang Diproses Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Unit Pengurusan Panjar juga bertanggungjawab untuk menerima dan mengagihkan Waran Peruntukan Untung Rugi (B11) kepada semua Pejabat Perakaunan di samping mengakaunkan untung rugi bagi panjar luar negeri di bawah Pejabat Perakaunan BPOPA. Pada tahun 2014, sebanyak RM92.8 juta telah diagihkan kepada Pejabat Perakaunan berbanding RM55.9 juta pada tahun 2013.

Unit Akaun Deposit, Rahsia, Bank dan Akaun Kena Bayar (AKB) bertanggungjawab terhadap pembukaan, penutupan, pemantauan dan pengoperasian Akaun Deposit, Akaun Rahsia, Akaun Bank Kerajaan dan Penyelesaian AKB di pelbagai kementerian/jabatan. Pada tahun 2014, sebanyak 522 akaun deposit yang terdiri daripada deposit am dan deposit pelarasan di pelbagai kementerian/jabatan telah dipantau melibatkan terimaan sebanyak RM4.41 bilion dan pembayaran (pulangan balik deposit) sebanyak RM3.95 bilion. Baki akhir wang deposit pada 2014 adalah sebanyak RM10.19 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM0.46 bilion berbanding 2013. Perbandingan baki wang deposit mengikut tahun adalah seperti di Carta 43.




Carta 43 : **Perbandingan Wang Deposit Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Sepanjang tahun 2014, unit ini memantau rekod kewangan bagi 71 Akaun Rahsia di pelbagai kementerian/jabatan. Sebanyak 31 permohonan baru pembukaan dan penutupan akaun bank telah diproses yang terdiri daripada akaun bank Pejabat Perakaunan, Akaun Bank Panjar Khas, Akaun Bank *e-payment*, Akaun Perbankan Internet, Akaun Bank Agen, Akaun Bank Transit (Bayaran), Akaun Bank Transit (Terimaan) dan Akaun Bank Gaji EFT.

Unit ini turut memperakaunkan kutipan hasil kerajaan yang terdiri daripada Sewa Bangunan Kediaman (92401) dan Denda-denda dan Rampasan (76102) sepanjang tahun 2014 berjumlah RM 3.5 juta.

Selain itu, Unit Akaun Deposit, Rahsia, Bank dan AKB turut bertanggungjawab untuk menerima dan mengagihkan Waran Peruntukan Bayaran Balik Hasil (B11) daripada Perbendaharaan. Pada 2014, waran peruntukan sebanyak RM71.67 juta telah diterima dan diagihkan kepada 39 Pejabat Perakaunan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam – Pasca Perkhidmatan, Kementerian Luar Negeri dan Ibu Pejabat (BPOPA). Sebanyak RM71.13 juta iaitu 99.25% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan sepanjang tahun 2014 bagi tujuan Bayaran Balik Hasil. Perbandingan perbelanjaan Bayaran Balik Hasil (B11) bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di Carta 44.



Carta 44 : **Perbandingan Perbelanjaan Bayaran Balik Hasil (B11) Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bagi tahun berakhir 2014, sejumlah RM198.19 juta (Pembangunan) dan RM651.54 juta (Mengurus) telah dibelanjakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar oleh pelbagai kementerian/jabatan.


SEKSYEN PENGURUSAN PERAKAUNAN PINJAMAN

Seksyen Pengurusan Perakaunan Pinjaman (SPPP) terdiri daripada tiga unit iaitu Unit Pengurusan Wang Awam, Unit Pengurusan Hutang Awam dan Unit Pinjaman Kenderaan dan Komputer. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengakaun dan memantau penyenggaraan akaun-akaun pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Unit Pengurusan Wang Awam (UPWA) bertanggungjawab bagi pengurusan perakaunan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Syarikat, Koperasi dan pelbagai agensi. Penyelenggaraan akaun pinjaman ini adalah menggunakan sistem G-LoMIS. Sebanyak 1,146 akaun pinjaman diselenggara pada 31 Disember 2014. Bilangan akaun pinjaman ini berkurang sebanyak 1.63% (19 akaun pinjaman) berbanding tahun 2013.

Jadual 42 : **Jumlah Akaun Pinjaman Bagi Tahun 2013 Dan 2014**


Jenis Peminjam	2013		2014	
	Bilangan Peminjam	Bilangan Pinjaman	Bilangan Peminjam	Bilangan Pinjaman
Negeri	13	853	13	862
Pihak Berkuasa Tempatan	4	42	3	40
Badan Berkanun	15	74	15	59
Syarikat	60	163	53	154
Koperasi	4	12	4	12
Pelbagai	8	21	6	19
Jumlah	**104**	**1,165**	**94**	**1,146**



Carta 45 : **Pecahan Akaun Pinjaman Mengikut Jenis Peminjam Bagi Tahun 2014**


Baki pinjaman belum selesai pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM 53,269 juta berbanding baki pinjaman belum selesai pada 31 Disember 2013 iaitu sebanyak RM 54,020 juta. Ini menunjukkan pengurangan baki sebanyak 1.39% (RM 751 juta) dari tahun 2013. Pengurangan ini disebabkan oleh kelulusan hapuskira baki pinjaman dan bayaran balik pinjaman pada tahun semasa.

Sepanjang tahun 2014, 196 baucar bayaran diproses dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM2,000 juta berbanding 180 baucar bayaran dengan jumlah RM1,923 juta pada tahun 2013. Jumlah keseluruhan bayaran balik pinjaman pada tahun 2014 adalah sebanyak RM1,530 juta yang melibatkan 210 penyata pemungut berbanding tahun 2013. Ini menunjukan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman pada tahun 2014 telah menurun sebanyak 35% (RM 827 juta) berbanding tahun 2013 dengan kutipan bayaran balik sebanyak RM2,357 juta.



	Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan	Badan Berkanun	Syarikat	Koperasi	Pelbagai
2013	519	9	455	1324	23	27
2014	563	9	75	844	23	16

Carta 46 : **Prestasi Jumlah Pengeluaran Pinjaman bagi Tahun 2013 Dan 2014**



Carta 47 : **Prestasi Jumlah Bayaran Balik Pinjaman bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Unit Pinjaman Kenderaan dan Komputer (UPKK) bertanggungjawab bagi pengurusan perakaunan pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan. Penyelenggaraan akaun pinjaman komputer, pinjaman kenderaan (bagi pinjaman diberi sebelum pengurusan pinjaman kenderaan penjawat awam diambil alih oleh Bank Simpanan Nasional) dan pendahuluan adalah menggunakan sistem G-ALMoS.

Bilangan rekod subsidiari akaun pinjaman kenderaan sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 1,212 dan akaun pinjaman komputer sebanyak 23,045.

Bermula tahun 2013, UPKK dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah menyediakan kemudahan ePenyata Pinjaman bagi membolehkan peminjam mendapatkan Penyata Tahunan Pinjaman Komputer dan membuat semakan baki secara *online*. Sistem ePenyata Pinjaman ini boleh diakses melalui laman web Jabatan ini di www.anm.gov.my. Penyata Tahunan boleh dicetak/ muat turun bagi tempoh 3 tahun dari tahun semasa. Melalui kemudahan ini Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) tidak perlu lagi mencetak dan mengedarkan Penyata Tahunan Pinjaman Komputer kepada peminjam pada setiap tahun.



Sistem ePenyata Pinjaman

Sepanjang tahun 2014, UPKK dan JMS masih meneruskan pelaksanaan *task force* semakan baki akaun pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan bagi mengesahkan baki awal untuk dibawa ke sistem 1GFMAS yang akan melaksanakan Perakaunan Akruan. Semua JMS telah diarahkan untuk mengemukakan Laporan Kawalan Pengurusan Akaun Pinjaman Kenderaan dan Komputer secara suku tahunan dengan melaporkan kedudukan status tindakan semakan dan pengemaskinian akaun-akaun subsidiari. Pada tahun 2014, beberapa siri perbincangan turut diadakan bersama pihak JMS bertujuan untuk JMS melaporkan status pelaksanaan pengemaskinian dan isu-isu berkaitan bagi memastikan kelancaran proses memuatnaik baki awal ke sistem 1GFMAS pada tahun 2015.

UPKK turut bertanggungjawab menguruskan operasi pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan bagi kementerian dan agensi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri (JTMS) yang melibatkan pengeluaran bayaran dan kutipan balik. Jumlah permohonan yang diterima dan diproses serta amaun yang dikeluarkan mengikut jenis pinjaman bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di Jadual 43.

Jadual 43 : **Jumlah Permohonan Yang Diterima Dan Diproses Serta Amaun Yang Dikeluarkan Mengikut Jenis Pinjaman Bagi Tahun 2014 Berbanding Tahun 2013**

Jenis	Tahun 2014		Tahun 2013	
Akaun Pinjaman	Bilangan Permohonan	Pengeluaran (RM Juta)	Bilangan Permohonan	Pengeluaran (RM Juta)
Kenderaan	83	2.32	137	4.52
Komputer	906	4.38	752	3.22
Pendahuluan Diri	790	1.99	1,331	2.91
Pendahuluan Pelbagai	89	2.55	64	1.03

Unit Pengurusan Hutang Awam (UPHA) pula bertanggungjawab bagi pengurusan perakaunan dan menyelenggara hutang Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri. Pinjaman Dalam Negeri merangkumi terbitan sekuriti seperti Bil Perbendaharaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan manakala Pinjaman Luar Negeri merupakan Sukuk dan Bon Global yang diterbitkan di pasaran luar negeri. Selain itu, sumber Bantuan Luar Negeri pula terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral yang diperolehi daripada Kerajaan Perancis, Kerajaan Sepanyol, Kerajaan Kanada, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun dan Bank Kerjasama Antarabangsa Jepun. Selain daripada pengurusan hutang awam, UPHA juga menguruskan pinjaman semula (*relending)* yang merupakan hutang persekutuan yang dipinjamkan semula kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat.


Bilangan dan jumlah pinjaman yang diuruskan oleh UPHA sepanjang tahun 2014 adalah seperti di Jadual 44.

Jadual 44 : Bilangan Dan Jumlah Pinjaman Yang Diuruskan Oleh UPHA Sepanjang Tahun 2014

Kategori	Bilangan	Terimaan (RM' Juta)	Bayaran (RM' Juta)
Pinjaman Dalam Negeri			
Bil Perbendaharaan	69	6,630	6,630
Terbitan Pelaburan Kerajaan	30	33,500	20,500
Sekuriti Kerajaan Malaysia	37	57,240	32,683
Sukuk/Bon Global	3	-	-
Bantuan Luar Negeri			
Bilateral	23	198.05	523.03
Multilateral	14	26.54	74.1
Pinjaman *Relending*	39	265.5	-
Jumlah	**215**	**97,860.09**	**60,410.13**

Bagi tahun 2014, sebanyak 134 pembayaran melalui ePintas dan 463 baucar jurnal yang keseluruhannya berjumlah RM91.34 bilion telah diproses melibatkan transaksi pengeluaran pinjaman, bayaran balik prinsipal dan faedah serta bayaran pengurusan atas Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri. Selain itu, sebanyak 120 baucar jurnal dengan jumlah RM97.63 bilion.

Sebanyak 18 penyata pemungut bagi terimaan balik pokok dan faedah Pinjaman *Relending* yang keseluruhannya berjumlah RM282.4 juta telah diproses sepanjang tahun 2014. Perbandingan jumlah dokumen yang diproses bagi tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti di Carta 48.



Carta 48 : **Perbandingan Dokumen Yang Diproses Bagi Tahun 2011 Hingga 2014**

UPHA juga bertanggungjawab menyediakan laporan-laporan berkaitan Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri. Sejumlah 204 laporan telah disediakan sepanjang tahun 2014, antaranya adalah Penyata Bulanan Akaun Pinjaman Disatukan, Laporan Hutang Awam, Laporan Perdana Menteri, Laporan Bank Negara Malaysia, Laporan Memorandum Jaminan Berkanun dan Laporan Jabatan Perangkaan. Antara pengguna Laporan Hutang Awam ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan Bank Negara Malaysia.


Beberapa langkah telah diambil sepanjang tahun 2014 bagi meningkatkan tahap pengurusan pinjaman. Antaranya ialah penyelarasan proses kerja pengeluaran pinjaman dengan pihak kementerian dan Agensi Pelaksana yang merupakan langkah penting bagi memastikan kelancaran proses memperakaunkan pengeluaran pinjaman. Selain itu, bagi pinjaman semula (*relending loan*), penyelarasan kaedah pelaporan baki pinjaman telah dilaksanakan sepenuhnya selaras dengan ketetapan para 1.7 *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) *Cash Basis*.

Aktiviti-aktiviti persediaan ke arah pelaksanaan Perakaunan Akruan juga terus giat dijalankan meliputi penelitian proses kerja dalam modul *Loan Management* dan *Treasury* dalam sistem 1GFMAS, gerak kerja migrasi data pinjaman dan gerak kerja pengumpulan data aset dan liabilti kewangan. Sehingga 31 Disember 2014, UPHA telah berjaya melengkapkan semua template migrasi data bagi Pinjaman Luar Negeri, Bantuan Luar Negeri dan Pinjaman *Relending*.

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)

PRESTASI PROSESAN BAUCAR BAYARAN


Jumlah baucar bayaran yang telah diproses oleh Pejabat Perakaunan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 5,366,711. Daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak 5,366,194 (99.99%) baucar bayaran telah diproses dalam tempoh 0 - 4 hari dan sebanyak 517 (0.01%) telah diproses melebihi 4 hari. Keseluruhan baucar bayaran menepati *standard* yang telah ditetapkan iaitu 95%.



Carta 49 : **Prestasi Pemprosesan Baucar Bayaran**

PRESTASI PROSESAN PENYATA PEMUNGUT


Jumlah penyata pemungut yang telah diproses oleh Pejabat Perakaunan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 646,462 (99.89%). Daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak 645,781 (99.89%) penyata pemungut telah diproses dalam tempoh 0 - 3 hari dan sebanyak 681 (0.11%) telah diproses melebihi 3 hari. Keseluruhan penyata pemungut menepati *standard* yang telah ditetapkan iaitu 95%.



Carta 50 : **Prestasi Prosesan Penyata Pemungut**

KUTIPAN DAN BAYARAN

Sepanjang tempoh 2014, Pejabat Perakaunan telah berjaya mengutip RM60.919 billion dan jumlah bayaran yang dibuat sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak RM100.522 billion. Carta 51 menunjukkan prestasi kutipan dan pembayaran yang telah selesai dibuat oleh Pejabat Perakaunan bagi tahun 2014.



Carta 51 : **Kutipan Dan Bayaran**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN & PENGURUSAN (BPPP)

KELULUSAN JURUAUDIT DAN PENYELESAI SYARIKAT 2014

Selaras dengan Peruntukan Seksyen 8 Akta Syarikat 1965, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diberi kuasa oleh Menteri Kewangan untuk memproses permohonan baharu Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat serta menguruskan permohonan pembaharuan sijil Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat.


Sepanjang tahun 2014, sebanyak 21 sesi temu duga bagi permohonan baharu Kelulusan Juruaudit telah dijalankan. Pencapaian ini adalah sama dengan bilangan sesi temu duga bagi tahun 2013. Bilangan calon yang dipanggil temu duga telah berkurang sebanyak 9% iaitu 115 calon pada tahun 2013 berkurang kepada 105 calon pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, peratusan calon yang lulus temu duga telah bertambah kepada 52.38% pada tahun 2014 berbanding 51.30% pada tahun 2013. Prestasi temu duga kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 45 dan Carta 52.

Analisis yang dibuat ke atas keputusan temu duga sepanjang 2014 telah mendapati seramai 32 orang calon gagal dalam aspek Akta Syarikat 1965, 29 orang calon gagal dalam aspek MIA By Law, 27 orang calon gagal dalam aspek Akta Sekuriti dan Pasaran Modal, 26 orang calon dalam aspek Perbankan serta 3 calon dalam aspek Likuidasi. Carta 53 menunjukkan analisis aspek-aspek teknikal yang gagal dijawab oleh calon-calon.


JANM juga bertanggungjawab menguruskan pembaharuan sijil kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 957 sijil pembaharuan kelulusan juruaudit dan sijil pembaharuan kelulusan penyelesai syarikat dikeluarkan oleh JANM. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 30% berbanding 661 sijil pembaharuan kelulusan juruaudit dan sijil pembaharuan kelulusan penyelesai syarikat dikeluarkan pada tahun 2013. Prestasi pembaharuan sijil kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat adalah seperti di Jadual 46.

Jadual 45 : **Prestasi Temu Duga Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi Tahun 2010 hingga 2014**

Tahun	Bilangan Temu duga	Calon Dipanggil temu duga	Calon Tidak Hadir Temu duga	Calon Yang Lulus Temu duga	%	Calon Yang Gagal Temu duga	%
2014	21	105	1	55	52.38	48	41.74
2013	21	115	1	59	51.30	53	46.09
2012	17	97	6	47	48.45	44	45.36
2011	12	71	4	20	28.17	47	66.20
2010	18	72	2	23	32.86	47	67.14



Carta 52 : **Carta Prestasi Temu duga Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi Tahun 2010 hingga 2014**



Carta 53 : **Carta Analisis Aspek-aspek Teknikal yang Gagal Dijawab oleh Calon-calon**


Jadual 46 : **Senarai Pembaharuan Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi Tahun 2010 hingga 2014**

Tahun	Pembaharuan Kelulusan Yang Dikeluarkan	
	Juruaudit	Penyelesai Syarikat
2010	801	132
2011	573	104
2012	759	120
2013	577	84
2014	835	122

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)

Pada tahun 2014, cabaran bagi JANM untuk membangunkan sistem 1GFMAS telah bermula. Tidak terkecuali bagi Unit Rangkaian & Keselamatan, BPTM dalam membuat persediaan bagi menghadapi cabaran baru ini.

Sepanjang tahun 2014, projek migrasi Rangkaian JAN*NET kepada Rangkaian 1GovNet telah selesai dilaksanakan dimana ianya selari dengan halatuju kerajaan untuk mengkonsolidasikan semua rangkaian *Wide Area Network (WAN)* di setiap agensi kerajaan kepada 1 rangkaian yang bersepadu yang dikenali dengan 1GovNet. Pada tahun 2014, kesemua 10 Jabatan Mengakaun Sendiri dan 14 Pejabat Perakaunan Cawangan & Negeri JANM telah dimigrasi kepada 1GovNet sepenuhnya. Talian capaian ke Internet JANM yang menggunakan teknologi *Direct Over Metro Ethernet (DOME*) juga telah dinaiktaraf kepada 60 Mbps bagi menampung penggunaan pengguna dan aplikasi berasaskan web JANM. Ianya dijelaskan seperti pada gambar rajah di bawah.



Sepanjang tahun 2014, Unit Network Security telah melaksanakan Ceramah Kesedaran dan Audit Pematuhan ICT di Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat JANM dan di 2 Pejabat Perakaunan di Sabah. Unit Rangkaian & Keselamatan juga telah merancang untuk memperluaskan aktiviti ini pada tahun 2015 ke 13 lokasi lagi iaitu di 11 Pejabat Perakaunan di Semenanjung Malaysia dan 2 Pejabat Perakaunan di Sarawak. Aktiviti seperti ini secara tidak langsung akan meningkatkan, kesedaran pengguna terhadap kepentingan keselamatan ICT dan seterusnya dapat mengamalkan budaya ICT dengan lebih cekap dan bermanfaat.







Peserta-peserta Ceramah Kesedaran dan Audit Pematuhan ICT

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

PELAKSANAAN MS ISO 9001:2008 IPN 2014

Institut Perakaunan Negara (IPN) telah mengamalkan sistem pengurusan kualiti bagi pengendalian kursus yang dijalankan di kampus utamanya di Sabak Bernam sejak dari tahun 2009. Bagi mengekalkan kualiti pengurusan dan pengendalian kursus di IPN mengikut piawaian antarabangsa MS ISO 9001:2008 sebanyak empat aktiviti utama telah dijalankan sepanjang tahun 2014.

Aktiviti pertama yang telah dilaksanakan adalah Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 yang telah dianjurkan pada 3 hingga 4 Mac 2014. Bengkel ini telah dilaksanakan bagi memberi latihan kepada pegawai IPN yang akan melaksanakan tugas sebagai juruaudit dalaman bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Seramai 30 orang peserta telah mengambil bahagian dalam bengkel ini Penceramah bengkel ini didatangkan khas dari SIRIM Training Services. Bengkel ini memberi penekanan kepada juruaudit-juruaudit dalaman IPN untuk melaksanakan pengauditan berdasarkan peraturan-peraturan yang terdapat dalam MS ISO 9001:2008. Di samping itu, bengkel ini juga telah berjaya melahirkan juruaudit-juruaudit baharu yang belum pernah terlibat dalam aktiviti pengauditan terutama bagi audit kualiti.

Seterusnya, aktiviti kedua yang telah dilaksanakan adalah Audit Dalaman MS ISO 9001:2008. Audit ini telah dijalankan selama tiga hari dari 14 hingga 17 April 2014. Program Audit Dalaman adalah aktiviti mandatori tahunan IPN dalam memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Juruaudit yang dilantik adalah daripada pegawai IPN yang telah menghadiri latihan dan mempunyai sijil juruaudit MS ISO 9001:2008. Melalui audit dalaman ini beberapa penemuan penambahbaikan telah ditemui dan dibincangkan dalam mesyuarat penutup audit dalaman. Audit dalaman ini telah berjaya mengenal pasti beberapa kelemahan yang terdapat dalam sistem pengurusan latihan IPN dan seterusnya memberi peluang kepada usaha penambahbaikan terhadap sistem kualiti yang sedang berjalan.

Aktiviti ketiga yang telah dijalankan adalah Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008. Mesyuarat ini telah diadakan pada 14 Mei 2014. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008 adalah merupakan aktiviti mandatori tahunan IPN. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah IPN dan membincangkan agenda tetap dan isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 IPN.

Aktiviti keempat dan terakhir bagi pelaksanaan pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008 adalah Audit Pengawasan Kali Ke-2 SIRIM International QAS. Audit pihak ketiga ini telah dijalankan pada 11 Jun 2014. Bagi pengauditan pengawasan kali ke-2 oleh SIRIM QAS International, IPN telah mencatatkan rekod audit bersih tanpa isu ketidakpatuhan. Seramai 2 orang juruaudit dari SIRIM QAS International telah menjalankan pengauditan ini di IPN.



Bergambar bersama Akauntan Negara Malaysia



Program *Executive Talk* mendapat maklum balas positif daripada peserta-peserta




Faye Chua menerangkan secara terperinci mengenai Big Data

IPN-ACCA EXECUTIVE TALK - BIG DATA: ITS POWER AND PERILS

Pada 19 Mei 2014, bertempat di Pusat Pembangunan Profesional Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Cyberjaya telah berlangsung program Executive Talk yang dianjurkan oleh pihak IPN untuk mendedahkan kepada peserta tentang penemuan hasil kajian berkaitan dengan *'Big Data'* dan impaknya terhadap peluang dan cabaran terhadap profesion perakaunan dan kewangan di peringkat global, termasuk di Malaysia. Sebanyak 80 orang peserta serta pengurusan tertinggi JANM telah menyertai program ini. *'Big Data'* adalah berkaitan dengan transformasi dalam tatacara perniagaan yang dilakukan dalam organisasi yang kini semakin bersifat terbuka, fleksibel namun kompleks. Hasil kajian ini telah dibentangkan oleh Faye Chua, Ketua Penyelidikan ACCA United Kingdom yang mempunyai pengalaman luas dalam penyelidikan di Amerika Utara, Asia-Pasifik dan Eropah.

PENERBITAN IPN TAHUN 2014



IPN Journal Of Research And Practice In Public Sector Accounting Volum 4/2014



Tinta IPN 3/2014

PELAKSANAAN INISIATIF PUSAT LATIHAN 1MALAYSIA (1MTC) DI IPN

Institut Perakaunan Negara merupakan salah sebuah Institut Latihan Awam (ILA) yang telah menyertai inisiatif program Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia Training Centre (1MTC) sejak dari tahun 2013. Program adalah inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Projek 1MTC membolehkan penggunaan fasiliti sedia ada di ILA seperti IPN dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimakan oleh pelbagai pihak. Pada masa yang sama, projek ini juga menawarkan kemudahan carian dan permohonan kursus yang ditawarkan oleh ILA melalui portal www.1mtc.gov.my .

Projek ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang pantas dan meluas. Tidak lagi terhad kepada penjawat awam, 1MTC kini dibuka kepada orang ramai untuk menikmati fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 63 program melalui inisiatif 1MTC telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan di IPN. Program–program yang telah dianjurkan termasuklah kursus, mesyuarat, program motivasi dan lain-lain acara oleh agensi-agensi kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun. Inisiatif ini ternyata dapat memberi manfaat kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dan masyarakat umum terutamanya di daerah Sabak Bernam apabila kemudahan-kemudahan yang terdapat di IPN dapat dikongsi bersama oleh masyarakat sekitar. Inisiatif ini juga dilihat dapat membantu agensi-agensi kerajaan menjimatkan belanjawan dalam pengurusan latihan.

Antara kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh IPN melalui inisiatif 1MTC



Bilik penginapan



Basikal untuk aktiviti riadah



Pengangkutan Asrama IPN



Aktiviti kayak di tasik IPN



Aktiviti memanah

PELAKSANAAN PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DI IPN

Institut Perakaunan Negara telah melaksanakan program EKSA pada tahun 2014. Pelaksanaan program ini adalah sebagai penambahbaikan kepada program 5S yang telah dilaksanakan oleh IPN sejak tahun 2012. Ekosistem Kondusif Sektor Awam atau dengan singkatannya EKSA merupakan penjenamaan semula oleh Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menambah baik pelaksanaan 5S dalam sektor awam. Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi, berimej korporat dan melahirkan idea kreatif dan inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam. Usaha ini disuburkan melalui penyediaan persekitaran dan budaya kerja yang positif.

Pelaksanaan EKSA di IPN mempunyai empat objektif utama iaitu mengukuhkan amalan kerja berpasukan, mewujudkan suasana pembelajaran kondusif, menjadikan budaya persekitaran EKSA sebagai asas kecemerlangan organisasi dan merangsang kreativiti dan inovasi melalui amalan EKSA.

Bagi memastikan penambahbaikan Amalan 5S ke program EKSA berjalan dengan lancar, satu pelan tindakan EKSA telah dirangka. Melalui pelan tindakan ini segala aktiviti yang melibatkan EKSA dapat dipandu dan dilaksanakan dengan lebih sistematik oleh Jawatankuasa EKSA dan warga IPN keseluruhannya. Komitmen oleh setiap warga IPN termasuk semua pihak yang berkepentingan adalah sangat baik dan ini telah menjadikan pelaksanaan EKSA di IPN berjalan dengan positif sepanjang tahun 2014.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan mengikut pelan tindakan adalah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu EKSA, gotong royong perdana, taklimat pelaksanaan EKSA oleh MAMPU, kursus penilaian dan penambahbaikan program persekitaran berkualiti, menjalankan audit dalam dan audit oleh pihak MAMPU pada bulan Disember yang lalu.

Selain itu, aktiviti lawatan penanda aras EKSA juga telah dianjurkan pada 10 Julai 2014 oleh Jawatankuasa Kerja EKSA IPN ke Jabatan Kastam DiRaja Malaysia cawangan KLIA. Lawatan ini merupakan satu cara untuk mendapatkan pengetahuan dan perkongsian maklumat dengan organisasi yang telah berjaya mendapatkan pensijilan EKSA. Seterusnya, program EKSA terus disuburkan dengan aktiviti sisih, susun, sapu, seragam, dan sentiasa amal oleh semua warga IPN sepanjang program ini berjalan sama seperti amalan 5S yang telah dipraktikkan sebelum ini.

Kemuncak bagi pelaksanaan EKSA bagi tahun 2014 adalah apabila IPN telah berjaya dalam pengauditan pihak ketiga bagi yang telah dijalankan oleh MAMPU. Pengauditan ini telah dijalankan oleh dua juruaudit MAMPU pada 18 dan 19 Disember 2014. Selama dua hari, mereka telah dibawa ke sekitar kawasan IPN yang berkeluasan hampir 50 ekar bagi melakukan tinjauan dan pemerhatian untuk mendapatkan input-input bagi tujuan pengauditan. Hasil daripada dapatan itu dibentangkan dalam Mesyuarat Penutup Pengauditan EKSA.

Terdapat beberapa pemerhatian yang memerlukan penambahbaikan bagi menjadikan pelaksanaan EKSA di IPN menjadi lebih baik. Melalui pengauditan ini, didapati bahawa IPN telah melaksanakan amalan EKSA yang cemerlang dan juruaudit telah bersetuju untuk mencadangkan markah lulus lebih daripada 90 markah kepada Jawatankuasa EKSA MAMPU di Putrajaya. Sekiranya perkara ini mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa EKSA MAMPU maka IPN bakal menjadi pusat rujukan kepada agensi-agensi lain yang ingin melaksanakan amalan EKSA pada masa hadapan.

Lambang EKSA IPN



Audit EKSA oleh MAMPU



Pegawai Kastam menerangkan mengenai pelaksanaan EKSA di KASTAM KLIA

BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (BA MOF)

LATAR BELAKANG BA MOF

Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Malaysia (BA MOF) yang duhulunya dikenali sebagai Jabatan Akauntan Negara Malaysia Wilayah Persekutuan Putrajaya (JANM WPP) merupakan salah satu cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berperanan untuk memantau dan menyelia sebanyak 132 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP). Selaras dengan penjenamaan semula JANM WPP kepada BA MOF yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 dan diterajui oleh Pengarah (JUSA C) iaitu En. Roslan bin A. Rahman. Di bawah penstrukturan baru, kini BA MOF hanya akan memantau dan menyelia sebanyak 18 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Dalam pada itu, BA MOF masih lagi bertanggungjawab memantau dan menyelia 132 Pusat Tanggungjawab (PTJ) memandangkan pelaksanaan 1GFMAS telah ditangguhkan sehingga 2016.

FUNGSI BA MOF

Terdapat 5 Seksyen di bawah BA MOF iaitu Seksyen Perundingan, Seksyen Pemantauan, Seksyen Perakaunan Pengurusan, Seksyen Perakaunan Kewangan dan Seksyen Pentadbiran & Kewangan. Seksyen Perundingan mempunyai 1 unit sahaja iaitu Unit Latihan dan Khidmat Nasihat. Unit ini merangka beberapa strategi dan aktiviti latihan khusus kepada pegawai-pegawai di bawah Kementerian Kewangan selaras dengan persediaan ke arah perubahan landskap perakaunan Kerajaan Persekutuan daripada tunai ubahsuai kepada perakaunan akruan pada tahun 2015. Latihan-latihan tersebut dirangka bertujuan memberi penerangan, kesedaran serta memastikan pegawai-pegawai terutama pegawai kewangan memahami konsep akruan berbanding konsep tunai ubahsuai. Sepanjang tahun 2014, BA MOF giat menganjurkan beberapa kursus seperti di jadual berikut:

Bil	Tajuk Taklimat / Kursus / Latihan	Tarikh	Tempat
1	Taklimat Polisi Perakaunan Sesi 1	18 Mac 2014	Bilik Mesyuarat JANM WPP
2	Taklimat Polisi Perakaunan Sesi 2	16 Apr 2014	Bilik Mesyuarat JANM WPP
3	Kursus Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Malaysia	12 & 13 Ogos 2014	Institut Perakaunan Negara Cyberjaya
4	Taklimat Status Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan	23 Sept 2014	Kementerian Kewangan Malaysia
5	Kursus Perakaunan Akruan Siri 3	13 & 14 Okt 2014	Institut Perakaunan Negara Cyberjaya
6	Taklimat Khas Authorization Pengguna 1GFMAS	15 Okt 2014	Bilik Mesyuarat JANM WPP
7	Latihan 1GFMAS BA MOF	10 – 13 Nov 2014	Makmal Komputer, Aras 8, Blok Selatan MOF, Presint 2

Seksyen Pemantauan pula terdiri daripada Unit Naziran PTJ, Unit Naziran Terimaan dan Unit Auditan Akaun Terimaan. Antara fungsi Seksyen Pemantauan adalah memastikan pelaksanaan sistem kewangan secara elektronik termasuk Sistem Perancangan & Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) di semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Ini bagi memastikan Jabatan dan PTJ mematuhi peraturan kewangan melalui program naziran dan memberi khidmat nasihat pelaksanaan perakaunan kepada mereka. Pada tahun 2014, terdapat 132 PTJ yang telah melaksanakan sistem eSPKB sepenuhnya dan naziran telah dilaksanakan ke atas 132 PTJ tersebut. Di samping itu, Unit Naziran Terimaan dan Unit Auditan Akaun Terimaan adalah kesinambungan skop pengauditan yang diambil alih daripada Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD).

Seksyen Perakaunan Pengurusan merangkumi Unit Maklumat Perakaunan Pengurusan, Unit Khas Pengurusan Kewangan Keseluruhan Kementerian dan Unit Khas Pengumpulan Data Akruan. Fungsi seksyen ini adalah untuk menyediakan Laporan Penyata Kewangan Keseluruhan Kementerian, menyediakan Laporan *Activity Based Costing* (ABC) dan Laporan *Outcome Based Budgeting* (OBB) bagi PTJ di bawah BA MOF. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam pengumpulan data aset alih dan aset tak alih bagi tujuan pelaksanaan akruan.

Seksyen Perakaunan Kewangan terdiri daripada Unit Akaun, Unit Bayaran, Unit Gaji dan Unit Teknologi Maklumat. Berikut adalah fungsi Unit Akaun:

Penyelenggaraan Akaun	Pengurusan Terimaan	Pengurusan Dana
• Membuat penutupan akaun, mingguan, bulanan dan tahunan • Menyelenggara Akaun Penyelesaan • Memproses waran dan jurnal • Mengurus kod-kod perakaunan • Membuat semakan terhadap Penyata Penyesuaian Bulanan, Vot, Hasil dan Amanah	• Memproses penyata pemungut • Menyelenggara Customer Master AR • Mengurus Bayaran Balik Hasil • Mengurus Cek Tak Laku • Menyemak • Dan menyelaras urus niaga akaun bayaran, EFT dan terimaan • Menyedia penyata penyesuaian bank	• Mengurus keperluan dana • Mengurus daftar APCT dan penggantian cek/EFT

Unit Gaji berfungsi untuk memproses pembayaran gaji dan elaun melalui sistem gaji berkomputer mengikut jadual yang telah ditetapkan, memproses bayaran gaji dan elaun melalui sistem eSPKB, membuat pembayaran gaji kepada semua penjawat awam mengikut tarikh yang telah ditetapkan, memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tatacara pembayaran gaji dan elaun serta potongan kepada pusat pembayaran gaji di bawah seliaan BA MOF dan memproses penahanan gaji pegawai ke bank.

Selain itu, Unit Bayaran berfungsi untuk menyemak dan melulus baucar bayaran elektronik dan manual daripada PTJ dalam tempoh tiga hari, menguruskan urusan pembayaran pukal, melakukan aktiviti Larian Bayaran setiap hari, mengurus Panjar Wang Runcit, memproses permohonan AP58(a), memproses permohonan Kiriman Wang (Deraf Bank / Pindahan Telegraf), memproses cek-cek untuk ditandatangani dan menyediakan Surat Kelulusan Bayaran Melalui Cek & AP54.

Fungsi Unit IT pula adalah memastikan kemudahan dan infrastruktur ICT di Jabatan berada di tahap terbaik supaya operasi sistem berjalan dengan lancar, memberikan khidmat bantuan dan sokongan teknikal ICT kepada Jabatan dan PTJ, memastikan perkhidmatan yang diberikan selaras dengan polisi keselamatan ICT, BA MOF, merancang/memantau dan melakukan *housekeeping* ke atas semua *server* dilaksanakan mengikut jadual, melaporkan aduan kerosakan peralatan Data Center, perkakasan ICT kepada Ibu Pejabat (BPTM), menyelia aktiviti transaksi dalam Webmethod, memastikan aktiviti *Preventive Maintenance & Corrective Maintenance* (Server dan Data Center GFMAS) dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan, membuat pemeriksaan fizikal setiap hari bagi *Access Door*, *Air-conditioner* mempunyai suhu antara 18^0C hingga 23^0C, *UPS*, *Fire Fighting* dan *Stabilizer* berfungsi dengan baik, mengurus dan membaik pulih komputer peribadi BA MOF, membuat instalasi perisian *ivest client* di PTJ dan Pejabat Perakaunan, memastikan Laporan Bulanan dijana dan Laporan Prestasi disediakan untuk dihantar ke BPOPP setiap bulan sebelum 10 haribulan, menjalankan aktiviti percetakan sekaligus memastikan cetakan dan *output* berjaya dilakukan dengan sempurna.

Seksyen Pentadbiran & Kewangan mempunyai dua unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Kewangan. Antara fungsi seksyen ini adalah mengurus, memberi kemudahan serta melaksanakan semua urusan perkhidmatan dan pentadbiran sentiasa dikemas kini mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Selain itu, ia juga berfungsi untuk mengurus perancangan dan pengurusan bajet kewangan dengan cekap lagi berkesan bagi memastikan semua urusan pentadbiran, kewangan serta latihan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Seksyen ini juga melaksanakan sistem dan pengkelasan fail secara teratur dan sistematik, di samping memastikan penghantaran dan pengambilan surat keluar masuk dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik.

PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

PROGRAM MEMBINA KECEMERLANGAN ORGANISASI MELALUI PENGUKUHAN PASUKAN

Program Membina Kecemerlangan Organisasi Melalui Pengukuhan Pasukan telah diadakan di Primaland Resort & Convention Centre, Port Dickson pada 26 hingga 27 September 2014. Program ini telah dihadiri oleh seramai 44 warga PPPA dari pelbagai jawatan. Pelbagai aktiviti *indoor* dan *outdoor* telah diadakan semasa program ini berlangsung. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif dan dapat mengeratkan hubungan antara pegawai serta membina sikap bekerjasama di kalangan warga PPPA.



PERSATUAN DAN KELAB

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

AHLI JAWATANKUASA BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT) TAHUN 2014

Pengerusi	:	YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Timbalan Pengerusi	:	YBhg. Dato' Rosini binti Abd. Samad
Setiausaha	:	Puan Eba Juiata binti Taib
Penolong Setiausaha	:	Cik Erni Eliza binti Rasli
Bendahari	:	Puan Hanita binti Bunjari
Penolong Bendahari	:	Puan Maziah binti Md Jamil
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Mohamad Azmi bin Ali
		Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan
		Encik Saat bin Esa
		Puan Devantri Kaur a/p Santa Singh
		Tuan Haji Ahmad Hamzah bin Dolrahim
		Puan Syalinna Majid

Matlamat BERKAT adalah untuk menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahli. Bagi mengukuhkan penglibatan seluruh warga JANM dan Perkhidmatan Perakaunan, Mesyuarat Agung Khas telah diadakan bagi meminda Perlembagaan BERKAT berkenaan penyertaan keahlian secara otomatis bagi semua pegawai yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas dan berwarganegara Malaysia. Tarikh kuatkuasa ialah pada 1 Januari 2014. Penyertaan secara otomatis ini memberi peluang kepada semua warga JANM menyumbang kepada warga JANM lain yang memerlukan bantuan.

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT telah diadakan pada pada 16 April 2014 dengan kehadiran 305 ahli. Menerusi mesyuarat tersebut, semua Jawatankuasa membentangkan laporan masing-masing dan ahli BERKAT telah membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa baru untuk tempoh 2 tahun (sesi 2014/2015).

AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN) TAHUN 2014

Pengerusi	:	Encik Dzulkifli bin Ahmad
Timbalan Pengerusi	:	Encik Rozaimi bin Idris
Setiausaha	:	Encik Mohd Nazri bin Hassan
Bendahari	:	Encik Osman bin Mantali
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
		Encik Ismail Fahmi bin Abd Manan
		Encik Shahrul Anwar bin Sahar
		Encik Suboh bin Hashim
		Puan Siti Khadijah binti Mohamed Nasir
		Encik Haris bin Che Hasim
		Encik Zakaria bin Arjam
		Puan Rozaidah binti Rasul
		Encik Mohd Iskandar Dzulkarnain bin Abdullah

PROGRAM KULIAH ZOHOR

Pada tahun 2014, JHEAIN telah berjaya menjalankan program kuliah Zohor di Surau JANM secara mingguan. Kuliah yang dihadiri oleh warga JANM ini telah diadakan antara jam 1.00 hingga 1.45 petang dan diteruskan dengan solat Zohor berjemaah.

BACAAN DOA HARIAN DAN PERHIMPUNAN BULANAN

Biro Doa JHEAIN telah membuat jadual penggiliran pegawai untuk pembacaan doa harian kepada warga kerja JANM Putrajaya. Pembacaan doa ini melibatkan 16 orang kakitangan JANM dan dijalankan pada setiap hari. Selain itu juga, JHEAIN juga turut membuat penyelarasan pembaca doa Perhimpunan Bulanan JANM dengan beberapa pegawai telah dipertanggungjawabkan untuk memimpin bacaan doa di setiap perhimpunan yang diadakan. Teks bacaan doa yang digunakan adalah berpandukan teks yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2014 /1435H

Seperti tahun sebelumnya, JANM telah menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Tahun 2014/1435H Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 14 Januari 2014 bersamaan 12 Rabiul Awal 1435H. Seramai 70 warga JANM telah menyertai perarakan tersebut dan diketuai oleh Encik Mohd Nazri bin Hassan. Perarakan bermula dari Presint 3, menuju ke Dataran Masjid Putra, Putrajaya.



Kontinjen JANM yang menyertai Perarakan Sambutan Maulidur Rasul

MAJLIS SOLAT HAJAT

Pada 20 Mac 2014, bertempat di Surau JANM, satu majlis solat hajat telah diadakan. Program ini adalah bertujuan untuk memohon perlindungan, keselamatan serta kesejahteraan rakyat dan negara susulan kejadian kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370. Solat hajat berkenaan telah diketuai oleh Encik Mohd Zulfikri bin Abd Jalil.

PROGRAM TAHLIL DAN MAJLIS BERBUKA PUASA JANM 2014/1435H

Sebagai salah satu aktiviti tahunan, JHEAIN telah sekali lagi mengadakan Majlis Berbuka Puasa JANM tahun 2014/1435H pada 11 Julai 2014 bersamaan 13 Ramadhan 1435H. Sedikit kelainan pada majlis kali ini adalah dengan mengadakan tazkirah dan bacaan tahlil terlebih dahulu sebelum majlis berbuka puasa. Tazkirah dan tahlil telah diadakan di Surau JANM yang diketuai oleh Encik Abd. Jamil bin Mohd Noor, Akauntan dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

Majlis yang dihadiri oleh YBhg. Datuk Akauntan Negara Malaysia bersama hampir 200 orang warga JANM tersebut diteruskan dengan berbuka puasa ringkas di surau sebelum menunaikan solat Maghrib berjemaah. Kesemua jemputan kemudiannya menikmati hidangan utama di Bilik Jamuan Aras 8, JANM sebelum menunaikan solat Isya' dan Tarawih.



Antara peserta yang menyertai program tahlil sebelum berbuka puasa.

KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA (KESAN)

AHLI JAWATANKUASA KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA (KESAN) TAHUN 2014

Penasihat	: Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Yang Dipertua KESAN	: Dato Hawazain binti Shaari
Naib Yang Dipertua KESAN	: Dato Hj Che Pee bin Samsudin
Bendahari Kehormat	: Puan Fauziah binti Abdullah
Penolong Bendahari	: Cik Sunita binti Mohd Sari
Setiausaha Kehormat (Sementara)	: Cik Zarfilla Mohd Ajil
Ahli Jawatankuasa	: Encik Ayub bin Hj Zaidin
	: Encik Mohd Sabree binYaakub
	: Encik Tarmizi bin Tamby Chik
	: Encik Raub bin Osman
	: Encik Mohd Asna bin Kamarulzaman
	: Puan Sharidah binti Harun

PESTA SUKAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA TAHUN 2014

Pesta Sukan Perbendaharaan (PSP) bagi tahun 2014 telah berlangsung sepanjang bulan Mei, bermula 22 Mei 2014 sehingga Majlis Penutup yang berlangsung pada 8 Jun 2014 bertempat di Kompleks Sukan INSPEN II, Putrajaya. Pada tahun 2014, atlet dan urus setia JANM telah menunjukkan prestasi yang baik sekaligus telah berjaya merangkul 47 pingat iaitu 21 emas, 15 perak dan 11 gangsa dan seterusnya mengekalkan kejuaraan dalam Pesta Sukan Perbendaharaan.



Sebahagian atlet JANM yang menyertai Pesta Sukan Perbendaharaan

PROGRAM REKREASI KE TASIK KENYIR ANJURAN BERSAMA BANK MUALAMAT

KESAN dengan kerjasama Bank Muamalat telah menganjurkan Program Rekreasi ke Tasik Kenyir pada 29 hingga 31 Ogos 2014. Seramai 60 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada wakil setiap Bahagian JANM manakala sebahagian lagi terdiri daripada warga Bank Mualamat.

PESTA SUKAN ZON JANM KALI KE-9

Pesta Sukan Zon JANM Kali Ke-9 bagi tahun 2014 telah berlangsung pada 16 sehingga 19 Oktober 2014 di Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam. Sebanyak lapan acara yang dipertandingkan iaitu Bola Jaring, Bola Sepak, Bola Tampar Lelaki & Wanita, Badminton, Ping Pong, Dart serta dua acara yang baru diperkenalkan iaitu Dam Aji dan Congkak. Keputusan keseluruhan telah dimenangi oleh Ibu Pejabat dengan mengungguli majoriti acara yang dipertandingkan.



Wakil peserta daripada Ibu Pejabat JANM



Bacaan Ikrar Sukan JANM oleh wakil atlet dari Zon Tengah, Encik Mohd Hazrul bin Che Rahim



Perasmian oleh YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman



Penyampaian cenderamata kepada Ketua Zon

PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)

AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI) TAHUN 2014

Penaung	: Dato' Che Pee Bin Samsudin
Penasihat	: Puan Nik Hapsah Binti Nik Hassan
Yang DiPertua	: Encik Raub bin Osman
Naib Yang Dipertua	: Encik Mio Asni bin Haji Mio Azlan
Setiausaha	: Encik Vignesvaran A/L Pelai Raman
Pen. Setiausaha	: Puan Masitah binti Hashim
Bendahari	: Encik Arbain bin Talib
Ahli Jawatankuasa	: Encik Zakaria bin Arjam
	Encik Alias bin Che Rose
	Puan Nor Azlina binti Kadeh
	Encik Wan Ainol Hasnan bin W.Kassim
	Puan Zuriah binti Muhammad
	Puan Saida binti Mumin
	Encik Mohd Zulfikri bin Ab Jalil
	Puan Baizurai binit Ab Latiff
	Encik Mohd Al Hafiz Ahmad
Wakil Zon Utara	: Encik Majib bin Jussoh
Wakil Zon Timur	: Encik Mohd Nawi bin Besar
Wakil Zon Tengah	: Datin Nor Zaini binti Md Amin
Wakil Zon Barat	: Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar
Wakil Zon Selatan	: Kosong
Wakil Sabah/Sarawak	: Puan Norieta binti Hambali
Pemeriksa Kira-Kira I	: Puan Khairul Azmah binti Mohd Salleh
Pemeriksa Kira-Kira II	: Puan Siti Noraishah binti Mastuki



Pendaftaran Ahli Mesyuarat Agung



Para Ahli Mesyuarat Agung PERBAKTI



Sebahagian peserta kursus



Penyampaian Cenderamata Kepada Penasihat

MESYUARAT AGUNG PERBAKTI

Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI Kali Ke-4 telah diadakan pada 20 Mei 2014 bertempat di Dewan Serbaguna , Aras 7, JANM. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan, Pengarah BPPP selaku Penasihat PERBAKTI. Seramai 300 ahli dari pelbagai Kementerian dan Jabatan di seluruh Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Agung tersebut. Mesyuarat Agung kali ini juga diadakan untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk PERBAKTI yang baru.

KURSUS BIMBINGAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

PERBAKTI juga telah menganjurkan Kursus Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) untuk Pembantu Akauntan dan juga Pembantu Tadbir Kewangan. Pada Tahun 2014, kursus ini hanya diadakan satu kali sahaja iaitu pada 30 dan 31 Mei 2014 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Seramai 300 peserta telah menghadiri kursus tersebut.

SUMBANGAN MAJLIS BERBUKA PUASA DAN MAJLIS PERSARAAN JANM

Sepanjang tahun 2014, PERBAKTI telah memberi sumbangan untuk majlis-majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Berikut adalah sumbangan yang telah diberikan :

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Majlis Berbuka Puasa	1,000
2.	Majlis Persaraan JANM	3,000
3.	Tajaan untuk Ahli Perbakti (Majlis Persaraan bagi 25 orang)	250

PROGRAM KEBAJIKAN DAN CSR

PERBAKTI juga tidak lupa akan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan kepentingan setiap ahli PERBAKTI. Sepanjang tahun 2014, PERBAKTI telah memberi sumbangan berjumlah RM3,750.00 untuk ahli-ahli yang ditimpa musibah seperti kemalangan, kematian, banjir dan juga yang masuk hospital, selain memberi sumbangan untuk ahli yang mendirikan rumahtangga, menimang cahayamata dan juga kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan. Pihak PERBAKTI juga telah memberi sumbangan sebanyak RM1,000.00 untuk Program CSR Kementerian Kewangan bagi membantu mangsa-mangsa

banjir. Seramai lima orang ahli PERBAKTI juga terlibat dalam misi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Selain dari segi bantuan kewangan, pihak PERBAKTI juga memberi sumbangan dalam bentuk barangan keperluan seperti beras, makanan dalam tin, pakaian dan lain-lain lagi.

KEJOHANAN FUTSAL PIALA YDP PERBAKTI

PERBAKTI juga telah berjaya menganjurkan Pertandingan Futsal bagi merebut Piala YDP PERBAKTI pada 15 November 2014, bertempat di Galaxy Futsal Bangi, Selangor. Objektif utama kejohanan ini adalah untuk mengeratkan tali silaturrahim antara ahli PERBAKTI/kakitangan awam dari semua Kementerian dan Jabatan.



Urus setia pertandingan futsal



Majlis penyampaian hadiah

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM (PERPENA)

AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM (PERPENA) TAHUN 2014

Presiden : Encik Munawir bin Mohd Rukun (BPAD)
Timbalan Presiden : Encik Ahmad Yazid bin Md. Lani (BPAD)
Bendahari : Encik Arif bin Awang (MINDEF)
Setiausaha : Puan Zalshamsuri binti Mohd Yaacob (BA MOF, JANM)
Pen. Setiausaha : Cik Kaslinda binti Sudin (BPPP)

AHLI JAWATANKUASA

1. Puan Vasugi M.Sethu (Hospital Pulau Pinang)
2. Encik Azelan bin Tuman (KASTAM)
3. Puan Nor Azah binti Md Ali (KKR)
4. Encik Fadzli bin Mat Ariffin (BPOPA)
5. Puan Norlaili binti Saifi (BA MOF, JANM)
6. Puan Misrah binti Jais (BPAD)
7. Puan Madihah binti Md Nor (JPJ Putrajaya)

AHLI JAWATANKUASA (KETUA ZON)

1. Zon Timur - Tn. Hj. Umar bin Simam (Bendahari Negeri Pahang)
2. Zon Selatan - Tn. Hj. Zailudin bin Salimon (PKN Johor)
3. Zon Sarawak - bertukar
4. Zon Sabah - bertukar

Pemeriksa Kira-Kira : Cik Sakinah binti Mohamed Yunus (IPG Kampus Bahasa Melayu)
Pemeriksa Kira-Kira II : Puan Zamzarina binti Hasbi (BA MOF, JANM)

MESYUARAT AGUNG KALI PERTAMA PERPENA

Mesyuarat Agung Kali Pertama telah diadakan pada 14 Mei 2014 di Hotel Everly, Putrajaya bagi pembubaran Ahli Jawatankuasa Penaja (Protem) Persatuan Penolong Akauntan JANM Putrajaya. Pemilihan AJK baru telah dilakukan dengan keputusan ahli mesyuarat mengekalkan AJK penaja sebagai AJK sesi 2014/2015.




Mesyuarat sedang dijalankan

PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM (PERPENA) KALI KE-11

Persidangan PERPENA Kali Ke-11 dengan tema, “Penolong Akauntan Sebagai Tonggak Pelaksanaan Perakaunan Akruan” yang dipengerusikan oleh Puan Eba Juiata binti Taib wakil Unit Pembangunan Kerjaya & Kompetensi (UPKK), Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan (BPPP) dengan kerjasama Persatuan Penolong Akauntan JANM Putrajaya (PERPENA) telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya pada 14 dan 15 Mei 2014. Persidangan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman ini telah berjaya mencapai sasaran kehadiran 710 orang peserta dari Ibu Pejabat, Cawangan, Kementerian serta Badan-badan Berkanun di seluruh Malaysia.

Objektif persidangan adalah untuk mewujudkan percambahan fikiran, perkongsiaan ilmu dan jaringan kerja yang efektif dalam menangani isu-isu semasa khususnya dalam aspek pengurusan perakaunan dan kewangan. Selain itu, persidangan ini merupakan peristiwa penting yang menyediakan barisan Penolong Akauntan yang bersedia melaksanakan transformasi Sistem Perakaunan Berasaskan Tunai kepada Sistem Perakaunan Akruan pada tahun 2015 selaras dengan Program Transformasi Kerajaan.

Pembukaan persidangan pada 14 Mei 2014 telah dimulakan dengan Sesi Dialog yang berkisarkan Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat, Pertukaran dan Peningkatan Ilmu Perakaunan Akruan bersama Pengurusan Tertinggi. Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman telah mempengerusikan dialog bersama tiga orang panel iaitu Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan (Pengarah BPPP), Dato’ Hj. Che Pee bin Samsudin (Pengarah BPOPA) dan Encik Mohamad Azmi bin Ali (Pengarah BPOPP).

Selain itu, tiga kertas kerja yang telah dibentangkan dalam persidangan tersebut adalah:

- Slot Kerjaya: Ke Arah Perakaunan Akruan yang disampaikan oleh Puan Noorlida binti Mohd Khalid, Timbalan Pengarah PPPA;
- Motivasi: Magnet Diri oleh Encik Amin Idris daripada Amin Idris Training Consultant
- Forum: Cabaran Kerjaya Penolong Akauntan, moderatornya adalah Encik Ahmad Yazid bin Lani dan dua orang panel iaitu Puan Zaida Azian binti Shafiei (JPM) dan Encik Goh Soon Eng (KDN)

Melalui transformasi, Penolong Akauntan dapat melengkapkan diri dengan ilmu yang berkualiti, berketrampilan dan berintegriti tinggi bagi memacu agenda transformasi sektor awam yang telah dirancang. Melalui persidangan ini, peserta dapat melaksanakan program pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan tema kali ini iaitu “Penolong Akauntan Sebagai Tonggak Pelaksanaan Perakaunan Akruan”.



Forum : Cabaran Kerjaya Penolong Akauntan



Datuk ANM mempengerusikan Sesi Dialog di persidangan tersebut



Perasmian oleh Datuk ANM



Penyampaian motivasi oleh Encik Amin Idris dari Amin Idris Training Consultant



Slot Kerjaya yang disampaikan oleh Puan Noorlida binti Mohd Khalid, Timbalan Pengarah PPPA

PERTANDINGAN BOLING PIALA PRESIDEN PERPENA TAHUN 2014

PERPENA telah menganjurkan Pertandingan Boling Piala Presiden PERPENA tahun 2014 pada 14 Mei 2014 bertempat di ARL Power Bowl Alamanda, Putrajaya. Seramai 40 orang peserta telah menyertai pertandingan tersebut. Semua peserta adalah terdiri daripada ahli PERPENA dari seluruh Malaysia. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan, JANM telah menjuarai kategori berpasukan. Manakala pemenang bagi Kategori Individu Lelaki Terbaik adalah Encik Mohd Fahsyam dari Kementerian Pendidikan Malaysia telah memenangi bagi Kategori Individu Lelaki Terbaik dengan 433 jatuhan pin dan Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz dari Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Malaysia telah memenangi Kategori Individu Wanita Terbaik. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Presiden PERPENA, Encik Munawir bin Mohd Rukun setelah tamat pertandingan.

Objektif pertandingan ini adalah untuk mengeratkan ikatan silaturrahim antara ahli, memupuk sikap bekerjasama dan membentuk semangat berpasukan yang kuat di mana banyak perkara positif boleh diambil dan dipraktikkan dan dijadikan amalan dalam kerja seharian di pejabat.





Antara peserta yang menyertai Pertandingan Boling Piala Presiden PERPENA 2014

PUSPANITA

AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2014

Penasihat : Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Pengerusi : Puan Hajah Siti Norbaya binti Mansor
Timbalan Pengerusi : Datin Hajah Fuziah binti Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif : (1) Puan Norliza binti Ahmad *(Sehingga April 2014)*;
(2) Puan Noraida binti Alias (*Ogos 2014 sehingga kini)*
Setiausaha : Puan Rashidah binti Md Rasib
Penolong Setiausaha : Puan Misrah binti Jais
Bendahari : Cik Sunita binti Mohd Sari
Penolong Bendahari : Puan Nurul Irsalina binti Mohd Nadzmi
Ahli Jawatankuasa :

- **Biro Ekonomi dan Keahlian**
  Datin Zuraidah binti Ishak
  Puan Noor Azmy Shuhada binti Ahamad
  Puan Julia binti Kasdi
  Puan Zuriah Idawaty binti Hassan

- **Pendidikan dan Kesihatan**
  Puan Sarimah binti Ramlee
  Puan Hasnita binti Saung
  Puan Norhashimah binti Hashim
  Cik Siti Nurbaya binti Yaudin

- **Kebajikan dan Agama**
  Puan Noorol Aini binti Mohamed
  Cik Norhazlini binti Mohd Zahit
  Cik Ashmah binti Ismail
  Puan Rasifah binti Ibrahim

- **Sukan dan Sosial**
  Puan Hairani binti Rasimin
  Puan Ashrafilah binti Ahmad
  Puan Effar Yusni binti Mustaffa @ Azhar
  Cik Kaslinda binti Sudin

Sebagai salah satu inisiatif bagi memperkasakan ahli-ahli PUSPANITA JANM agar memperluaskan pengetahuan, menggilap potensi dan bakat serta meningkatkan daya kepimpinan, pelbagai aktiviti/ program telah dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya oleh PUSPANITA JANM yang juga merupakan Biro Kebajikan dan Agama bagi PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan Malaysia. Berikut adalah aktiviti yang telah dianjurkan dengan jayanya bagi tahun 2014.


HARI PUSPANITA JANM

Hari Puspanita JANM Tahun 2014 telah diadakan pada 30 April 2014 di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Program yang telah dihadiri seramai 250 orang ahli PUSPANITA JANM ini, adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada ahli-ahli PUSPANITA JANM dalam meningkatkan kesihatan diri dari aspek rohani dan jasmani serta tampil berkeyakinan.

Pada majlis ini satu slot ceramah yang bertemakan "**Wanita Sihat, Anggun dan Bergaya**" telah disampaikan oleh Dr. Mymoon binti Alias. Beliau turut menerangkan kepada ahli-ahli tentang pelbagai jenis penyakit seperti kanser payudara, kanser serviks dan darah tinggi yang kerap menyerang kaum wanita pada masa kini diikuti dengan cara-cara pencegahannya.



Dr. Mymoon sedang menyampaikan ceramah kepada hadirin yang hadir



Puan Yatt Hamzah sedang berkongsi pengalaman peribadinya kepada Dr. Mymoon dan juga hadirin



Barisan ahli-ahli PUSPANITA JANM yang telah mengayakan fesyen terkini dari Busana SUCI milik Puan Yatt Hamzah



Demontrasi rawatan dan urutan kaki oleh Puan Wan Ainol Haskinah binti Wan Kassim



Jualan PUSPANITA di ruang legar bawah, JANM

Majlis turut dijayakan dengan penampilan khas oleh Puan Haryati Hamzah atau lebih dikenali sebagai Yatt Hamzah. Beliau telah sudi berkongsi pengalaman peribadi untuk tampil yakin di khalayak ramai selain kisah penghijrahan beliau daripada dunia lakonan kepada dunia fesyen muslimah. Beliau turut memperkenalkan beberapa fesyen terkini dari Busana SUCI milik beliau yang telah digayakan oleh beberapa ahli PUSPANITA. Selain itu, majlis diserikan dengan acara demontrasi rawatan dan urutan kaki yang telah dilakukan oleh Puan Wan Ainol Haskinah binti Wan Kassim. Di samping dapat menarik penyertaan ahli baru, penyerahan kad ahli Puspanita seumur hidup bagi ahli PUSPANITA JANM juga telah dilaksanakan pada majlis ini. Bagi memeriahkan lagi suasana, pelbagai gerai jualan telah dibuka di sepanjang koridor JANM.

FORUM PERDANA BERSEMPENA SAMBUTAN HARI IBU

Bersempena dengan Sambutan Hari Ibu Puspanita Cawangan Kementerian Kewangan, PUSPANITA JANM yang juga merupakan Biro Kebajikan dan Agama telah mengadakan satu forum perdana di Dewan Serbaguna, Kementerian Kewangan pada 25 Mei 2014. Forum ini telah dirasmikan oleh Puan Sri Rohana binti Sulaiman selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan.

Forum yang bertajuk "**Menjadi Wanita Yang Disayangi, Disegani dan Dirahmati**" ini telah dijayakan oleh dua orang panel selebriti yang terkenal iaitu Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid dan Puan Haryati

binti Hamzah (Yatt) serta dipengerusikan oleh Ustaz Zakaria Othman dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Forum ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan kehadiran mencecah 600 orang pegawai/ahli PUSPANITA yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan.



Kehadiran ahli-ahli PUSPANITA sempena Sambutan Hari Ibu Tahun 2014, PUSPANITA



YBhg. Puan Sri Rohana binti Sulaiman, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan memberikan ucapan aluan



Panel – panel jemputan sedang membincangkan mengenai forum yang bertajuk " Menjadi Wanita Yang Disayangi, Disegani dan Dirahmati



Barisan AJK PUSPANITA JANM bergambar bersama dengan tetamu kehormat serta panel-panel jemputan.

MAJLIS SOLAT SUNAT DHUHA DAN TASBIH JANM

Selain itu, PUSPANITA JANM dengan kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara (JHEAIN) telah mengadakan Majlis Solat Sunat Dhuha dan Tasbih beserta tazkirah ringkas bersempena dengan bulan Ramadhan tahun 2014/1435H. Majlis ini diadakan pada 18 Julai 2014 bersamaan 20 Ramadhan 1435H di Surau Aras 6, JANM Putrajaya. Majlis ini telah dipimpin oleh Ustaz Adib bin Hidayat dan telah disertai seramai 200 orang pegawai JANM.

KARNIVAL PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

PUSPANITA JANM juga turut terlibat dalam penganjuran karnival PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan 2014 yang telah berlangsung pada 26 November 2014 bertempat di Dewan Utama dan Pekarangan Kompleks Kementerian Kewangan.

Pelbagai acara menarik telah diadakan, antaranya adalah senamrobik, pertandingan zumba, pertandingan gubahan, pertandingan memasak kerabu, *walk a hunt*, pertandingan suara emas, pemeriksaan kesihatan, gerai-gerai jualan, derma darah, rawatan refleksologi dan banyak lagi. Melalui acara yang dipertandingkan, ahli PUSPANITA JANM iaitu Puan Rokiah binti Ali telah berjaya muncul sebagai Johan dalam acara pertandingan memasak kerabu manakala Cik Fadillah binti Ahmad pula telah memperolehi tempat Naib Johan bagi acara pertandingan gubahan sejadah.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana Presint 2, 62594 PUTRAJAYA
Tel 603-8882 1000 **Fax** 603-8889 5821